

JILID IV

BIL. 1 & 2

HARI ISNIN & SELASA

18HB & 19HB MAC 1985



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG

YANG KENAM

SIXTH LEGISLATIVE ASSEMBLY, PENANG.

PENGGAL YANG KEEMPAT

FOURTH SESSION

MESYUARAT YANG PERTAMA
FIRST MEETING

ISSN 0304-1697



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEENAM**

SIXTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

**PENGGAL YANG KEEMPAT
FOURTH SESSION**

**MESYUARAT YANG PERTAMA
FIRST MEETING**

KANDUNGAN

UCAPAN TYT YANG DIPERTUA NEGERI	2
PENGUMUMAN OLEH TUAN SPEAKER	2
PEMBENTANGAN RISALAH-RISALAH	2
JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN	2
JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN	57
RANG UNDANG-UNDANG PENGUBAHAN SEMPADAN (NEGERI PULAU PINANG), 1985	115

MUKA SURAT

2
2
2
2
57
115

**LAPORAN PERSIDANGAN YANG PERTAMA BAGI
PENGKAL YANG KEEMPAT, DEWAN UNDANGAN
NEGERI PULAU PINANG YANG KEENAM**

ISNIN, 18HB MAC, 1985

HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Tan Sri Datuk Teh Ewe Lim, P.S.M., D.M.P.N., J.M.N.)
- Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
- Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri (Encik Mohd. Saari bin Yusuff)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, D.M.P.N., D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Ngak Seng @ Khor Gark Kim, D.M.P.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Datuk Haji Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor, D.M.P.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Hj. Omar)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain Bin Hj. Omar, P.J.K., P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee, J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh, P.K.T., A.M.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Chung Hor @ Teoh Kooi Sneah, A.M.N., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Md. Yusof bin Salleh, A.M.N., P.K.T., P.P.N., P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Teluk Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad, P.P.N., P.J.K., P.J.M., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi b. Hj. Shafie, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Song Ban Kheng, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)

TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki, K.M.N.) – di luar negeri
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad, A.M.N., P.K.T., P.J.K.) – sakit
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo) – di luar negeri
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh) – digantung di bawah Peraturan Mesyuarat 51(1).

TURUT HADIR:

- Setiausaha Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.K., P.J.M.)

1. DOA

2. UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA YANG DIPERTUA NEGERI

Tuan Speaker:

Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat serta para hadirin sekalian, saya suka memaklumkan kepada Dewan ini bahawa dalam sedikit masa lagi Tuan Yang diPertua Negeri akan tiba di Dewan ini untuk melafazkan ucapannya kepada Dewan ini.

(Tuan Speaker didahului oleh Setiausaha Dewan Undangan Negeri menuju ke pintu bilik Dewan untuk menyambut Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Hajjah Khadijah bt. Dato' Abdul Rahman).

(Tuan Yang Terutama dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Hajjah Khadijah bt. Dato' Abdul Rahman diiringi oleh juruiring-juruiring memasuki bilik Dewan, didahului oleh Tuan Speaker dan Setiausaha Dewan Undangan Negeri. Para hadirin berdiri hormat sambil Tuan Yang Terutama dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Hajjah Khadijah mengambil tempat duduk di hadapan Dewan).

(Yang Amat Berhormat Ketua Menteri menyerahkan ucapan kepada Tuan Yang Terutama).

Ucapan Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri,

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri,

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah rahmatNya dapat saya menyampaikan ucapan ini, sempena dengan Persidangan Pertama, bagi Penggal Yang Keempat, Dewan Undangan Negeri Yang Keenam, pada hari yang berbahagia ini.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada rakyat Negeri Pulau Pinang, pemimpin-pemimpin masyarakat, pekerja-pekerja dan pertubuhan-pertubuhan sosial, anggota-anggota perkhidmatan awam, angkatan tentera dan Polis kerana telah menyahut seruan saya kepada rakyat jelata pada tahun lalu, untuk mengekalkan keamanan, kesetabilan dan keselamatan dalam Negeri kita demi untuk mengatasi kesusahan dan kesulitan yang dihadapi pada tahun 1984.

Baru-baru ini rakyat kita telah merayakan Thaipusam dan Tahun Baru Cina dan tidak berapa lama lagi akan menyambut bulan puasa dan Hari Raya. Saya yakin semangat persefahaman, muhibbah dan harmoni akan terus ujud sebagai cara hidup kita di Pulau Pinang. Kita mestilah berpegang teguh dalam usaha-usaha kita untuk memelihara keamanan, keselamatan dan kesetabilan sosial, keadaan ekonomi dan politik dalam Negeri untuk mencapai semua tujuan dan matlamat yang telah kita rancang di bawah Dasar Ekonomi Baru. Tugas membina bangsa dan negara mestilah sentiasa menjadi satu komitmen yang asas kepada kita semua, dalam usaha-usaha kita untuk mencapai kemajuan ekonomi dan sosial untuk generasi Negeri Pulau Pinang pada masa akan datang.

Tahun hadapan akan merupakan tahun yang penuh dengan cabaran. Tahun hadapan akan memperkenalkan Rancangan Malaysia Kelima, bahkan satu era baru dalam perkembangan ekonomi dan sosial dalam Negeri kita. Saya yakin rakyat akan menghadapi cabaran-cabaran ini dengan penuh azam, tekun dan disiplin.

Dalam tahun 1985, banyak projek-projek yang telah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia yang awal, akan membuahkan hasil. Dengan itu dalam tahun 1985 kita akan dapat menyaksikan pencapaian usaha-usaha kita di dekad yang lalu, umpamanya, KOMTAR, Menara Pentadbiran Kerajaan Negeri, dan Jambatan penghubung dua bahagian Negeri ini. Binaan-binaan ini, bukan sahaja akan menjadi "landmark" Negeri ini, akan tetapi ianya akan tegak sebagai simbol kemegahan, cita-cita dan azam penduduk, untuk melaksanakan rancangan ekonomi dan sosial bagi faedah Negeri pada keseluruhannya. Binaan-binaan ini akan membuktikan semangat dan peribadi penduduk Negeri kita, serta juga kemahiran, ketukangan dan dedikasi mereka. Saya yakin rakyat akan sentiasa menyesuaikan diri mereka kepada keadaan perubahan sosial apabila kita melangkah ke abad yang ke dua puluh satu.

Tahun 1985 akan memerlukan usaha-usaha yang lebih gigih lagi daripada rakyat bagi menghadapi cabaran-cabaran dari kemelesetan ekonomi dunia. Kita hendaklah memulakan program berjimat-cermat dan kawalan kewangan yang lebih ketat selaras dengan tindakan Kerajaan Pusat untuk mengurangkan semua perbelanjaan awam bagi memperbaiki keadaan imbalan pembayaran. Kerajaan dan rakyat mestilah bekerjasama rapat bagi mencapai pengeluaran yang maksima dengan sumber-sumber yang minima.

Kerajaan akan berusaha sedaya-upaya untuk mengekalkan dan menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi Negeri ini agar rakyat terus dapat menikmati perkhidmatan yang lebih baik dan taraf hidup yang lebih sejahtera. Bagi menghadapi cabaran-cabaran ekonomi di segi kewangan, Kerajaan akan sentiasa mengkaji semula semua butir-butir perbelanjaan serta meningkatkan lagi cekapan pengurusan dan perkhidmatan supaya setiap ringgit yang dibelanjakan akan memberi pulangan yang optima. Kerajaan akan melaksanakan sistem "*micro-accounting*" bagi mengemaskini dan mengkaji semula inventori harta-harta Kerajaan dengan tujuan untuk memperkukuhkan kawalan kewangan dalam Pentadbiran. Menerusi prinsip Kepimpinan Melalui Teladan, Perkhidmatan Awam akan mengamalkan disiplin dan etika kerja yang lebih kuat untuk mengujudkan perasaan bertanggungjawab dan dedikasi yang sepenuhnya untuk berkhidmat kepada masyarakat dan Negeri.

Saya ingin merayu kepada sektor swasta agar menyertai sepenuhnya dalam pelaksanaan dasar Pensyarikatan dan Pengswastaan Kerajaan Malaysia. Sektor swasta kita mestilah menggiatkan usaha-usaha mereka untuk menghadapi persaingan yang lebih hebat dalam bidang industri dan perdagangan. Hasil-hasil keluaran Malaysia hanya boleh berjaya menembusi pasaran antarabangsa jika ianya mempunyai persaingan harga dan kualiti yang bermutu tinggi. Kita mestilah berusaha lebih gigih dan lebih cekap lagi, serta meneroka pembaharuan, ke arah mempertingkatkan kemahiran usahawan, bagi mengujudkan perniagaan dan peluang-peluang pekerjaan baru, terutamanya dalam sektor Perkhidmatan. Kita mestilah mengekalkan kerjasama dan hubungan yang lebih baik dalam bidang perindustrian dan meningkatkan daya pengeluaran bagi memastikan pertumbuhan ekonomi kita berterusan.

"*Agro-horticulture*" masih lagi menjadi satu sektor asas ekonomi kita. Kerajaan Negeri akan memperhebatkan usaha-usahanya bagi meningkatkan lagi taraf hidup para petani, nelayan dan penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar. Kesejahteraan hidup mereka, adalah diberi keutamaan dalam strategi pembangunan Rancangan Malaysia Kelima. Kerajaan akan terus mengatasi keadaan yang tidak seimbang, di antara yang berada dan yang tidak berada, sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Konsep tanaman bersepadu secara berkelompok dan penggabungan kampung-kampung, akan dilaksanakan, untuk memaksimumkan penggunaan sumber-sumber semulajadi dan tenaga manusia

yang berpotensi, di kawasan-kawasan luar bandar. Dalam pada itu, melalui usaha-usaha perbandaran dan permodenan yang lebih pesat di kawasan-kawasan pertumbuhan kampung, penduduk luar bandar akan diberi peluang yang lebih luas untuk menikmati kemudahan-kemudahan moden serta peluang-peluang perdagangan yang lebih lagi, bagi menambah pendapatan mereka. Sebanyak sebelas buah kampung telah dikenalpasti dalam sekim ini, yang akan dilaksanakan pada tahun ini, melalui penubuhan industri kampung di bawah kelolaan KEMAS dan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak PERDA.

Rancangan Malaysia Kelima juga akan mengekalkan pertumbuhan sektor industri, perdagangan dan pelancongan. Kerajaan akan menambah dan meningkatkan usaha-usaha untuk mengembeling pencapaian-pencapaian, yang telah diperbuat setakat ini, oleh sektor industri. Menjelang tahun 1990, adalah diramalkan bahawa sektor industri akan menyumbangkan sebanyak 46 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDKN). Kerajaan Negeri akan menggalakkan industri-industri teknologi tinggi dan juga industri-industri kecil, yang dapat menyediakan barangan-barangan sokongan dan tambahan kepada industri-industri yang sedia ada. Pengusaha-pengusaha tempatan akan digalakkan supaya menempatkan semula perusahaan keluarga, dan meningkatkan taraf, serta memodenkannya, bagi memenuhi keperluan proses perindustrian di Negeri Pulau Pinang.

Pada masa hadapan, pertubuhan-pertubuhan industri kecil akan turut serta dalam misi penggalakan perdagangan Negeri ini ke seberang laut, bagi membolehkan mereka menemui dan membincangkan perkara-perkara yang mempunyai kepentingan bersama, dengan rakan-rakan di negara asing. Perbincangan-perbincangan susulan, akan dianjurkan, yang bertujuan untuk menggalakkan lagi pengusaha-pengusaha tempatan kita, supaya mengadakan projek-projek usahasama, dengan rakan-rakan di negara asing, yang boleh memberi kemahiran teknikal, di segi pembuatan barang-barang keluaran, yang berasaskan bahan-bahan dan sumber-sumber tempatan. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri akan mengadakan dialog di antara pertubuhan industri utama dengan industri-industri kecil supaya mereka dapat menjalin hubungan yang lebih simbiotik untuk melengkapkan keupayaan masing-masing.

Kerajaan akan memulih dan memberi nafas baru kepada perdagangan selaras dengan dasar Kerajaan Persekutuan, "Belilah Barang-Barang

Keluaran Malaysia". Kita hendaklah menggalakkan lebih banyak eksport barang-barang buatan Malaysia melalui perdagangan terus dengan negara-negara lain. Khususnya, Kerajaan Negeri ini akan mempertingkatkan hubungan persahabatan yang sedia ada dengan beberapa bandaraya dan negara-negara, dengan tujuan untuk mempererat lagi hubungan dua hala dari segi ekonomi dan perdagangan. Sebelum ini, hubungan seumpama itu, adalah terhad kepada pertukaran kebudayaan dan penggalakan persefahaman dan muhibbah di antara rakyat. Memandangkan kepada keadaan ekonomi antarabangsa sekarang ini, adalah lebih bermakna bagi kita, menggalakkan perdagangan di antara kita dengan bandaraya-bandaraya, serta negara-negara yang mempunyai hubungan persahabatan dengan Negeri Pulau Pinang.

Dalam usaha Kerajaan untuk menjalinkan hubungan perdagangan yang lebih erat, sektor swasta, terutamanya Dewan-dewan Perniagaan, hendaklah memainkan peranan mereka sebagai "Duta Perdagangan" serta "Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan". Kesimpulannya, kita mestilah menambahkan bilangan sahabat dan memperhebatkan usaha-usaha, bagi membolehkan mereka ini memahami akan potensi-potensi dan keupayaan-keupayaan ekonomi Malaysia, ke arah menggalakkan lebih banyak perdagangan. Dewan-dewan Perniagaan kita adalah merupakan institusi yang kukuh dan mempunyai kedudukan. Dengan penyusunan semula dan permodenan organisasi mereka, ianya akan dapat memberi sumbangan yang lebih berkesan ke arah mengembangkan lagi sektor perdagangan kita. Sebagai sebuah negeri perindustrian, Pulau Pinang mempunyai banyak barangan untuk tawaran eksport. Terpulanglah kepada ahli-ahli perniagaan tempatan kita untuk menunjukkan daya usaha yang lebih bersungguhsungguh untuk menjual barang-barang keluaran Malaysia ke seluruh dunia. Mereka juga boleh mengenalpasti barang-barang keluaran tertentu yang mempunyai permintaan yang banyak di luar negeri, melalui Dewan-dewan Perniagaan dan dengan itu dapat memperkukuhkan industri-industri tempatan yang mengeluarkan barang-barang tersebut. Perisikan pemasaran (*market intelligence*) dan penyelidikan seumpama ini boleh dilaksanakan, dengan lebih baik lagi oleh sektor swasta.

Kerajaan akan menggalakkan lagi pertumbuhan sektor pelancongan kita. Pulau Pinang sentiasa menjadi tempat tumpuan pelancongan yang utama di rantau ini. Bagaimanapun, keadaan ekonomi sekarang telah menjejaskan industri pelancongan. Pulau Pinang, malahan Malaysia, terpaksa bersaing lebih hebat lagi bagi menarik

lebih ramai pelancong-pelancong antarabangsa. Kerajaan Persekutuan telah mengenalpasti industri pelancongan sebagai satu industri penting untuk mendapat hasil dari pertukaran matawang asing, di samping dapat mengurangkan kerugian perdagangan, yang tidak ketara, disebabkan oleh rakyat Malaysia yang melancong ke luar negeri. Kerajaan Negeri akan menekankan tentang pentingnya menggalakkan pelancongan antara negeri dan wilayah untuk menjayakan dasar-dasar Jawatankuasa Kabinet Kerajaan Pusat mengenai Pelancongan Antarabangsa.

Kerajaan akan menyediakan lebih banyak insentif kepada sektor swasta yang terlibat dalam industri pelancongan. Kita akan memperbaiki perkhidmatan prasarana kemudahan asas bagi meningkatkan perkembangan pelancongan kita. Sektor swasta pula, mestilah memainkan perannya dengan penuh daya usaha dan berpandangan jauh. Pengusaha pengusaha hotel hendaklah memastikan bahawa perusahaan mereka adalah bersaing, hendaklah sentiasa menaikkan taraf kemudahan-kemudahan yang ada. Majikan dan para pekerja dalam sektor pelancongan mestilah menyedari akan saingan hebat yang sedang kita hadapi hari ini. Mereka mestilah sentiasa bersopan santun dan membantu pelancong-pelancong dalam memberikan khidmat yang terbaik agar lawatan ke Pulau Pinang ini memberikan kepuasan dan menjadi kenang-kenangan kepada pelancong-pelancong. Masyarakat kita mestilah mengekalkan Pulau Pinang sebagai satu tempat pelancongan yang indah, aman dan selamat bagi pelancong-pelancong supaya apabila mereka balik, mereka masih mempunyai keinginan untuk datang lagi.

Dalam tahun 1985, kita akan memulakan persediaan-persediaan bagi tahun 1986, yang akan merupakan tahun penting bagi industri pelancongan. Malaysia akan menjadi tuan rumah Persidangan PATA dan Pulau Pinang dijangka akan memberikan perkhidmatan kepada lawatan-lawatan berkumpul peserta sebelum dan selepas persidangan. Tahun 1986 adalah juga akan merupakan ulangtahun ke 200 Pulau Pinang. Rancangan-rancangan yang sedang diatur oleh Kerajaan Negeri adalah serentak dengan sambutan untuk merayakan ulangtahun kemerdekaan yang ke 29. Rancangan-rancangan diatur untuk menarik lebih ramai kemasukan pelancong-pelancong antarabangsa dan dalam negeri-negeri Malaysia datang ke Pulau Pinang. Kerajaan akan memerlukan bantuan dan sokongan daripada organisasi-organisasi sektor swasta, kelab-kelab perkhidmatan, dan orang-orang perseorangan, untuk merayakan sewajarnya, sejarah pembangunan kita daripada sebuah pusat perdagangan East India Com-

pany kepada satu negeri yang moden dan berkembang maju sejak merdeka.

Kerajaan Negeri sentiasa cuba membina seberapa banyak yang boleh unit-unit perumahan awam, bagi menampung keperluan sosial yang mendesak daripada penduduk, terutamanya dari golongan yang berpendapatan rendah. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat dengan bantuan peruntukan Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri telah dapat membina sebanyak 2,594 unit perumahan kos rendah di tigabelas rancangan perumahan. Sebelas daripada projek-projek ini yang mengandungi sebanyak 2,218 unit, adalah sedang dalam berbagai peringkat pembinaan, manakala dua projek lagi akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi. Peruntukan unit-unit perumahan yang telah siap kepada pemohon-pemohon yang berjaya diundi, sedang dijalankan sekarang.

Sebagai langkah tambahan untuk mengatasi masalah perumahan di kalangan penduduk yang miskin, Kerajaan Negeri akan mengswastakan dua puluh projek perumahan, yang akan dapat menyediakan tambahan sebanyak 8,981 unit perumahan kos rendah. Tindakan sedang diambil untuk memilih penender-penender yang layak dan pelaksanaan sebenar projek-projek ini dijadualkan bermula dalam separuh masa kedua tahun ini. PDC mengepalai usaha-usaha pembangunan perumahan bagi Negeri, telah menyiapkan sejumlah 9,209 unit pada akhir bulan Februari tahun ini; manakala 3,721 unit yang lain sedang dalam peringkat pembinaan. Ini bermakna bahawa sebanyak 12,930 unit akan ditambah kepada bilangan unit perumahan awam yang terdapat sekarang. Dalam usaha kita untuk mendapatkan peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan Negeri telah memohon untuk mendapatkan lebih banyak projek-projek perumahan kos rendah. Kita berazam untuk membayar balik semua pinjaman daripada Kerajaan Pusat bagi melayakkan diri kita untuk mendapatkan lebih banyak geran inbuhan balik.

Pentadbiran Tanah Kerajaan Negeri akan mempertingkatkan lagi perkhidmatan-perkhidmatannya bagi mempercepatkan proses pertimbangan bagi pemohon-pemohon tanah. Di akhir bulan Disember, 1984, hanya tinggal lagi 1,571 kes yang baki belum diproseskan oleh semua Pejabat Tanah dalam negeri ini. Kita berterima kasih kepada Kerajaan Pusat, kerana membekalkan dua mikro-komputer, bagi Pejabat-pejabat Daerah, iaitu Daerah Barat Daya dan Daerah Seberang Perai Selatan. Mikro-komputer ini akan membantu melengkapkan sistem komputer tanah yang sedia ada sekarang di negeri ini. Kita akan mem-

percepatkan rancangan untuk membanyakkan kumpulan wang modal melalui penjualan stok tanah Kerajaan.

Pulau Pinang mendahului negeri-negeri lain dalam memberikan bekalan air kepada semua penduduk. Menjelang akhir tahun 1985, 98 peratus daripada penduduk di Pulau ini dan 85 peratus daripada mereka yang tinggal di Seberang Perai akan menikmati bekalan air paip. Ini bermakna bahawa sebanyak 90% penduduk di Negeri Pulau Pinang akan dapat menikmati kemudahan bekalan air paip. Dengan siapnya Empangan Mengkuang kelak, Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang akan berusaha untuk membekalkan air paip kepada 100 peratus penduduk dalam tempoh masa lima tahun. Dalam aspek ini, Pulau Pinang bolehlah dikatakan setanding dengan setengah negara-negara yang termaju di dunia.

Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai akan memperhebatkan lagi usaha-usaha mereka untuk melibatkan penduduk dalam Kempen-kempen Kebersihan dan Memperindahkan Persekitaran. Satu tumpuan yang utama dalam kegiatan ini, ialah penanaman pokok-pokok yang baru. Kerajaan Negeri telah menetapkan matlamat untuk menanam sekurang-kurangnya 20,000 pokok-pokok pada tahun ini. Program-program gotong-royong juga akan dijalankan sepanjang tahun untuk membersihkan kawasan-kawasan kediaman. Semua rakyat hendaklah mengambil bahagian dengan aktifnya di dalam kempen-kempen ini untuk mengekalkan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri yang bersih dan terindah.

Kerajaan akan melaksanakan banyak lagi program untuk memastikan kesejahteraan belia-belia kita yangmana merupakan sebilangan besar penduduk kita. Setiap usaha akan dibuat untuk memberi peluang kepada belia-belia dalam Negeri kita untuk memupuk akhlak dan budi pekerti sebagai seorang warganegara yang baik. Kita akan terus berusaha menghapuskan penyalahgunaan dadah, jenayah di kalangan belia dan kumpulan haram di dalam masyarakat kita dengan cara yang lebih sistematik. Tindakan-tindakan sedang diambil untuk mengenalpasti kawasan-kawasan di mana kemudahan-kemudahan sukan dan rekreasi boleh diadakan untuk faedah belia. Lebih banyak lagi pengelolaan aktiviti-aktiviti sukan akan digalakkan untuk memupuk bakat-bakat tempatan dalam bidang sukan di berbagai peringkat. Matlamat kita adalah untuk membina satu pertubuhan belia yang setia kepada negara, kukuh dan sihat di Pulau Pinang ini bagi menjaga kepentingan generasi muda dalam masyarakat kita.

Selain daripada berbagai kegiatan-kegiatan yang dirancangkan dalam tahun 1985, yang bersangkutan dengan Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan juga akan melancarkan rancangan menebusguna tanah laut secara besar-besaran. Khususnya, kawasan pantai yang mempunyai kedudukan yang strategik yang terletak ke utara Jambatan Pulau Pinang telah dikenalpasti sebagai Pusat Pembangunan Daerah (*Cental Development District*). Usaha-usaha kita dalam perancangan dan pelaksanaan akan menjadi kawasan ini satu program pembangunan yang lebih strategik yang membawa kita ke Abad dua puluh satu. Oleh itu memang sesuai sekali sekim ini dikenali sebagai "Projek CDD 21".

Strategi menebusguna tanah dan pengurusan projek yang besar ini serta hubungannya dengan sistem penyuraian lalu lintas Jambatan, dan juga penggunaan sumber-sumber tanah kita, akan ditaksir, dan dikawal melalui Jawatankuasa Perancangan Negeri yang telah ditubuhkan sejak Akta Perancangan Bandar dan Desa dilaksanakan awal tahun ini. Pada hakikatnya, adalah perlu bagi kita merencana dan mengawal dengan teliti pembangunan masa depan semua sumber tanah bagi menentukan parameters pembangunan sosial ekonomi Negeri ini pada masa hadapan. Dengan menjalankan projek-projek tebusguna tanah, kita akan dapat merancang dengan lebih berkesan kawasan-kawasan yang luas bagi perniagaan dan perdagangan serta tempat kediaman yang termoden pada masa hadapan, dalam tempoh masa dua dekad yang akan datang. Ini bermakna kita akan dapat memelihara dan mengekalkan banyak kesan sejarah dan sifat-sifat semulajadi Negeri ini, serta mengekalkan kedudukan alam sekitar dan mutu kehidupan penduduk yang mana dijangka akan mencapai angka 2 juta pada tahun 2000. Apa yang telah kita laksanakan pada hari ini, akan menghasilkan sesuatu yang amat penting pada masa hadapan dan oleh itu kita terpaksa meneruskannya hanya setelah pertimbangan dibuat secara teliti.

Sungguhpun kita merancang untuk kemajuan kebendaan Negeri kita, adalah juga penting bagi rakyat menyokong penuh Kerajaan dalam usaha-usahanya untuk memperkukuhkan nilai-nilai ugama, kerohanian dan akhlak dalam masyarakat kita. Rakyat Negeri ini hendaklah mempunyai tanggungjawab sivik dan sosial yang mantap supaya sentiasa menunjukkan kesopanan di hadapan orang ramai dan mengamalkan tingkah laku lalu-lintas yang lebih baik, bagi meningkatkan lagi cara kehidupan di kawasan-kawasan awam dan sepanjang jalanraya.

Sekali lagi saya menggesa semua rakyat

Negeri ini agar melibatkan diri sepenuhnya dalam rancangan-rancangan dan pertubuhan-pertubuhan Kerajaan, umpamanya JKKK; Rukun Tetangga; Perhubungan Masyarakat dan RELA serta Kempen Anti Dadah dan Kempen untuk kebersihan dan mengindahkan persekitaran kita. Hanya dengan keazaman dedikasi rakyat untuk menegakkan perpaduan rakyat dalam semangat Rukunegara, segala usaha kita akan lebih bererti sambil ketika kita membina sebuah negara Malaysia yang moden. Kita mestilah sentiasa berjaga-jaga dan tabah hati untuk mengelakkan pelampau-pelampau perkauman dan fanatik ugama. Dalam usaha-usaha kita untuk membina perpaduan rakyat Malaysia, rakyat mestilah sentiasa berwaspada terhadap ajaran-ajaran ugama yang penyeleweng dan sesat dan juga mereka yang cuba melemahkan struktur masyarakat dan negara.

Kita amatlah berterima kasih kepada Kerajaan Pusat di bawah pimpinan Perdana Menteri yang kita kasihi, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed, di atas kerjasama erat yang ujud di antara negeri ini dengan Kerajaan Persekutuan. Kita yakin bahawa di bawah pimpinan yang dinamik dan berpandangan jauh, Malaysia akan terus maju ke hadapan dengan keyakinan bahawa rakyat dan negara kita akan terus makmur.

Kita amatlah menghargai segala usaha Ketua Menteri yang kita kasihi, Yang Amat Berhormat Dr. Lim Chong Eu. Kepimpinan beliau yang cekap dan bertanggungjawab itu telah mendorong rakyat Negeri ini untuk mencapai pertumbuhan sosial ekonomi yang pesat di Pulau Pinang. Dengan penuh dedikasi dan pengorbanan peribadinya yang tidak terhitung, beliau telah memimpin Negeri ini ke tahap pembangunan dan kemakmuran yang telah tercapai sehingga ini dan sambil itu beliau terus merancang untuk mendapat jaminan prospek yang lebih baik bagi rakyat pada dekad yang akan datang.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada anggota-anggota perkhidmatan awam, pegawai-pegawai dan kakitangan di organisasi-organisasi Kerajaan dan Separuh Kerajaan, anggota-anggota keselamatan, Polis, pemimpin-pemimpin masyarakat, pekerja-pekerja dan pertubuhan-pertubuhan sosial, di atas sokongan yang sentiasa mereka berikan kepada pihak Pentadbiran, dan usaha-usaha mereka untuk memajukan perkembangan ekonomi dan sosial Negeri ini.

Pencapaian-pencapaian yang kita nikmati sekarang adalah hasil kerjasama rapat yang ujud di

antara rakyat dan Kerajaan. Saya yakin rakyat negara kita akan terus berusaha ke arah membina perpaduan negara. Dengan kepimpinan yang tegas sekarang ini, kesetabilan politik dan azam yang kuat daripada rakyat, kita akan dapat menyelesaikan segala masalah yang kita hadapi, di dalam menuju ke arah pembentukan Negeri Pulau Pinang yang aman makmur dan mewah.

Akhir kata, saya bersyukur ke hadrat Allah Sabahanahu Wataala supaya melimpahkan rahmat dan pertunjuk kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka dengan dedikasi kepada rakyat Pulau Pinang. Dengan rahmatNya saya berkeyakinan kita akan dapat mencapai kehidupan yang lebih bahagia dan lebih baik bagi semua rakyat kita di Pulau Pinang ini.

Tuan Speaker:

Dewan ditangguhkan sehingga esok pagi jam 9.30. Sementara itu, Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput untuk bergambar dengan Tuan Yang Terutama dan selepas itu ada jamuan ringan.

Sekarang Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Hajjah Khadijah akan berangkat keluar dari Dewan ini.

(Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri dan Toh Puan Datin Hajjah Khadijah bt. Dato' Abdul Rahman diiringi oleh juruiring-juruiring keluar dari bilik Dewan, didahului oleh Tuan Speaker dan Setiausaha Dewan Undangan Negeri).

Dewan ditangguhkan pada jam 10.40 pagi.

**LAPORAN PERSIDANGAN YANG PERTAMA BAGI
PENGGAJIAN YANG KEEMPAT, DEWAN UNDANGAN
NEGERI PULAU PINANG YANG KEENAM**

SELASA, 19HB MAC, 1985

HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Tan Sri Datuk Teh Ewe Lim, P.S.M., D.M.P.N., J.M.N.)
- Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
- Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri (Encik Mohd. Saari bin Yusuff)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, D.M.P.N., D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Ngak Seng @ Khor Gark Kim, D.M.P.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Hj. Omar)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki, K.M.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Hj. Omar, P.J.K., P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee, J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh, P.K.T., A.M.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad, A.M.N., P.K.T., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Chung Hor @ Teoh Kooi Sneah, A.M.N., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Md. Yusof bin Salleh, A.M.N., P.K.T., P.P.N., P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Teluk Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad, P.P.N., P.J.K., P.J.M., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Jusoh @ Yusoff Hilmi b. Hj. Shafie, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Md. Isa bin Hj. Ramli)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Song Ban Kheng, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)

TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Datuk Haji Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor, D.M.P.N., P.J.K.) – menghadiri mesyuarat Majlis Perkhidmatan Kebajikan Negara di Kuching, Sarawak, pada 18hb dan 19hb Mac, 1985.
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee) – melawat Amerika Syarikat, anjuran Yayasan Asia.
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh) – digantung di bawah Peraturan Mesyuarat 51(1).

TURUT HADIR:

- Setiausaha Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.K., P.J.M.)

Dewan bersidang semula pada jam 9.43 pagi.

DOA

PENGUMUMAN OLEH TUAN SPEAKER

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mempunyai beberapa perkara untuk diumumkan. Pertama sekali saya ingin mengumumkan bahawa Ahli dari Kawasan Sungai Pinang, Yang Berhormat Dr. Ong Hean Tee, telah meminta kebenaran supaya ber-cuti dari persidangan Dewan bagi tempoh 26 Februari hingga 28 Mac, 1985, kerana melawat Amerika Syarikat di bawah anjuran Yayasan Asia untuk mengkaji perhubungan antara kaum di negara tersebut. Begitu juga Ahli dari Kawasan Penaga, Y.B. Datuk Hj. Hassan bin Md. Noh, telah memohon kebenaran cuti Dewan pada 18 dan 19 Mac, 1985, kerana menghadiri mesyuarat Majlis Perkhidmatan Kebajikan Negara di Kuching, Sarawak. Oleh kerana tidak sempat membentangkan permohonan kedua-dua Ahli tersebut kepada Dewan untuk kelulusan, saya ingin memaklumkan bahawa saya, bagi pihak Dewan, telah meluluskan permohonan mereka. Saya harap tidak ada bantahan dari Ahli-ahli Dewan.

Perkara kedua yang saya ingin mengumumkan ialah berkenaan dengan penggantungan Ahli dari Kawasan Bukit Glugor, Y.B. Encik Karpal Singh, dari Dewan. Saya hendak melaporkan bahawa Jawatankuasa Hak dan Kebebasan telah bermesyuarat dan membincangkan perkara ini. Y.B. Encik Karpal Singh telah juga diberi surat untuk memaklumkan dengan secara rasmi bahawa beliau telah digantungkan dari Dewan melalui satu Usul di bawah Peraturan 51(1), Peraturan-peraturan Dewan, dan penggantungan itu hendaklah berjalan berterusan sehingga beliau menghantar surat (*letter of apology*) kepada Dewan meminta maaf ke atas kelakuannya yang kurang sopan dan buruk dan juga berjanji akan mematuhi peraturan-peraturan Dewan dan arahan saya sebagai Speaker. Saya ingin melaporkan bahawa sehingga ini Y.B. Encik Karpal Singh masih belum menghantar surat kepada saya seperti dikehendaki oleh Usul tersebut. Oleh hal yang demikian, penggantungan Y.B. Encik Karpal Singh adalah terus berjalan.

Demi untuk menjaga digniti, harmoni dan kesopanan di Dewan yang mulia ini, adalah menjadi kewajipan saya untuk memperingatkan bahawa semua Yang Berhormat hendaklah semasa mesyuarat menghormati dan mematuhi semua arahan yang diberi dari masa ke semasa. Kedua, Ahli-ahli hendaklah jangan menyalahgunakan mana-mana peraturan Dewan ini dan tidak akan melakukan apa-apa perkara yang boleh menjejaskan

mana-mana peraturan Dewan ini dan tidak akan melakukan apa-apa perkara yang boleh menjejaskan ketenteraman Dewan.

Akhir sekali, saya ingin juga memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan telah bermesyuarat dan mengambil keputusan bahawa mulai hari ini jurugambar-jurugambar tidak dibenarkan mengambil gambar dalam Dewan melainkan semasa pembukaan rasmi penggal baru Dewan dan melainkan dengan kebenaran khas dari saya. Saya harap semua jurugambar akan mengambil ingatan tentang arahan ini dan mematuhinya. Sekian, terima kasih.

4. MEMBENTANGKAN RISALAH-RISALAH

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon membentangkan ke atas meja Dewan kertas-kertas Bilangan 1 hingga 4 Tahun 1985 seperti yang tersenarai dalam Susunan Urusan Mesyuarat.

5.(A) JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN

(I) **Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)** bertanya kepada **Ketua Menteri:**

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan 1(a) dan (b):-

1. (a) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini tentang keputusan penyelidikan yang dijalankan oleh dua orang Ahli Jawatankuasa yang diketuai oleh Penasihat Undang-undang Negeri yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri untuk menyiasat tuduhan kesalahan jenayah ke atas seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Y.B. Dr. Ong Hean Tee, dalam kes merosakkan harta-benda Kerajaan?
- (b) Memandangkan kepada tuduhan yang serius dan penyiasatan polis yang sedang dijalankan, adakah Y.A.B. Ketua Menteri akan menimbang untuk menggantung jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Y.B. Dr. Ong Hean Tee, sehingga keputusan penyiasatan polis selesai dijalankan?

(1. (a) *Can the Hon'ble Chief Minister inform this House the outcome of the inquiry by the two-men committee headed by the State Legal Adviser set up by the State Government to investigate into the alleged criminal offence of damaging Government properties by the Exco Member, Dr. Ong Hean Tee?*

(b) *In view of the seriousness of this allegation and the investigation by the police, will the Honourable Chief Minister consider suspending the Exco Member, Dr. Ong Hean Tee pending the outcome of the police investigations?)*

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, jawapan saya kepada kedua bahagian soalan pertama ialah perkara ini masih lagi di dalam penyiasatan polis dan sehingga kes itu diselesaikan keahlian Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang berkenaan tidak timbul.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Kes ini masih belum dihadapkan ke Mahkamah dan tidak menjadi sub-judis. Mengapakah Y.A.B. Ketua Menteri tidak boleh mengumumkan keputusan keputusan kepada Dewan ini untuk kepentingan rakyat?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, bila perkara ini telah dibangkit terdapat laporan yang dibuat kepada polis oleh seorang Ahli DAP yang selalu menunjuk mereka menyokong penuh undang-undang Negara kita dan selepas laporan itu pihak polis mestilah membuat penyiasatan. Penyiasatan ini belum diselesaikan dan kita tahu daripada penyiasatan polis kes ini barangkali boleh dibawa ke Mahkamah. Sesungguhnya lepas penyiasatan itupun, barangkali kes ini tidak perlu dibawa ke Mahkamah tapi oleh sebab ada kemungkinan kes ini dibawa ke Mahkamah, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk bertindak adil dengan menunggu kes ini diselesaikan barulah kita ambil tindakan yang sesuai.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Jawapan itu tidak boleh diterima. Jikalau Kerajaan Pusat

boleh mengeluarkan siasatan skandal BMF, mengapakah Kerajaan Negeri tidak boleh mengumumkan laporan siasatan itu memandangkan pihak polis juga menyiasat skandal BMF itu?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, perkara ini tidak bersangkutan dengan perkara tersebut.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, perkara ini ada bersangkutan. Saya telah memberi contoh : Mengapakah Kerajaan Pusat boleh melaporkan siasatan mereka walaupun isu itupun berada dalam tangan pihak polis?

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, itu soalan lain.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, macam mana soalan ini boleh menjadi soalan lain? Ianya ada berkaitan. Kedua-dua kes ini adalah di dalam penyiasatan pihak polis. Tuan Speaker, saya harap Tuan Speaker akan bersikap adil sedikit.

Tuan Speaker:

Sila duduk. Bila saya cakap sila duduk. Apa yang anda bawa tadi berkenaan BMF tidak bersangkutan dengan Dewan ini, oleh itu saya kata soalan itu adalah soalan lain.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya bukan bangkitkan isu BMF di sini. Saya hanya menimbulkan isu BMF sebagai satu contoh. Penyiasatan kedua-dua kes adalah di dalam tangan pihak polis dan oleh sebab itu kenapakah Kerajaan Negeri tidak boleh melaporkan tentang soalan yang saya bangkitkan itu?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya telah kata ini dua perkara yang berbeza.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar atau tidak bahawa satu waran tangkapan telah dikeluarkan oleh pihak polis mengenai isu ini?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, nampak saya Y.B. Ahli Kawa-

san Pengkalan Kota oleh sebab tokoh atau "Mahaguru" beliau tidak ada dalam Dewan ini, cuba menunjukkan ketokohan beliau sendiri pula. Saya telah menjawab dengan teliti, senang dan terusterang, tapi adakah Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Pengkalan Kota faham atau tidak faham bahawa perkara ini masih dalam penyiasatan polis?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Saya tahu, tapi jikalau Kerajaan Pusat boleh melaporkan siasatan mereka, mengapa kita tidak boleh? Adakah Kerajaan memberi perlindungan kepada Yang Berhormat dari Sungai Pinang?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya telah menjawab bahawa masalah BMF adalah perkara lain tetapi Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Pengkalan Kota masih tidak faham. Perkara ini adalah satu perkara yang bukan sama dengan perkara BMF, penyiasatan polis dijalankan di bawah undang-undang yang lain dan sebelum ianya diselesaikan Kerajaan Negeri tidak akan mengambil tindakan atau menurut apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pengkalan Kota. Inilah yang kita ingat adil dan patut. Jikalau Yang Berhormat tidak faham, Yang Berhormat mestilah minta keterangan dari Mahaguru macam mana polis menjalankan penyiasatan polis sekarang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, Ketua Menteri tidak menjawab soalan tambahan saya yang terakhir.

Tuan Speaker, soalan tambahan saya : Adakah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sedar atau adakah benar satu Waran Tangkapan telah dikeluarkan oleh pihak polis mengenai isu ini?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya faham soalan Yang Berhormat dan nampak saya Yang Berhormat tidak faham apa yang saya jawab.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya tanya adakah Ketua Menteri sedar atau adakah ianya benar?

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, sila duduk bila Ketua Menteri bercakap.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli Pengkalan Kota langsung tidak adil dan tidak mengikut undang-undang. Apa yang saya jawab tadi adakah beliau dengar? Mengikut penyiasatan polis, perkara ini barangkali akan dibawa ke Mahkamah, tetapi ada juga kemungkinan bahawa selepas penyiasatan polis barangkali kes ini tidak akan di bawah ke Mahkamah, dan sebelum penyiasatan polis diselesaikan kita tidak boleh isu Waran Tangkapan. Inilah yang Yang Berhormat Ahli Pengkalan Kota mesti faham. Kalau Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota tidak faham, ini menunjukkan bahawa beliau tidak faham undang-undang. Kalau beliau faham undang-undang, beliau sebagai Ahli DAP tidak mengikut undang-undang dan sengaja hendak perkara ini yang mana saya telah menjawab dengan terus terang dan pendek sekali – tidak panjang dan tidak membuang masa Dewan ini. Beliau ingat beliau ialah Ahli Dewan Undangan ini yang kuat, polis dan semua. Apa yang sebenarnya terjadi ialah Kerajaan mesti menunggu hingga selesai penyiasatan polis. Kalau Yang Berhormat tidak faham bagaimana kita menjalankan undang-undang di dalam Negeri ini, saya ingat Yang Berhormat Ahli dari Pengkalan Kota tidak boleh faham jawapan saya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, jangan kelirukan orang. Tuan Speaker, bolehkah saya tanya lagi satu soalan tambahan? Tuan Speaker, soalan tambahan saya senang sahaja: Adakah Ketua Menteri sedar atau tidak bahawa ada satu waran telah dikeluarkan oleh pihak polis? Soalannya, sedar atau tidak? Jangan kelirukan ke sana-sini. Sedar atau tidak?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya tidak keliru. Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota yang cuba mengelirukan Dewan ini. Beliau bukan sahaja hendak mengelirukan Dewan ini, bahkan ingin hendak menunjukkan macam mana buruk DAP telah jadi sebab tidak mengikut undang-undang Negara kita.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Apa tidak ikut? Tuan Speaker, saya tanya soalan tambahan.

Ketua Menteri:

Pertama sekali, sebab mereka tidak faham.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, mahu dengar jawapan atau tidak?

Kedua, mereka faham apakah undang-undang tetapi selalu cuba menjahanam dan mengacau undang-undang Negara kita.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Satu kesalahan jenayah telah dilakukan oleh seorang Ahli Dewan ini, tetapi kita tidak boleh bangkitkan perkara ini.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, jangan buat begitu.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon tarikh balik.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

He is alleged to have committed and it is a very serious case.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat tidak payahlah buat ucapan di sini. Jangan membuang masa. Sekarang ialah masa soalan, tidak payah buat ucapan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya tanya soalan tambahan ke atas soalan asal saya tetapi Y.A.B. Ketua Menteri tidak mahu menjawab.

Tuan Speaker:

Boleh buat soalan tetapi tidak payah buat ucapan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Apa ucapan? Soalan tambahan lagi : Adakah Kerajaan Negeri akan mengumumkan laporan siasatan kedua-dua orang jawatankuasa itu?

Ketua Menteri:

Selepas penyiasatan polis telah selesai, bolehlah kita pertimbangkan adakah perlu atau tidak kita umumkan laporan yang dibuat oleh jawatankuasa kecil di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan — tetapi ini pun selepas penyelesaian penyiasatan polis.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan lagi : Tuan Speaker, bagaimanakah Ahli Exco Yang Ber-

hormat dari Sungai Pinang dibenarkan untuk menjalankan tugasnya selepas tuduhan kesalahan dilakukan oleh beliau?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, itu soalan lain.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, ini bukan soalan lain. Ini mengenai soalan saya 1(b). Soalannya ialah, memandang kepada tuduhan yang serius dan penyiasatan polis yang sedang dijalankan, adakah Y.A.B. Ketua Menteri akan menimbang untuk menggantung jawatan Ahli itu? Soalan tambahan saya ada kaitan dengan soalan 1(b).

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, bahagian kedua di dalam soalan saya pun telah dijawab. Jawapan saya ialah sehingga kes itu diselesaikan oleh pihak polis — iaitu selepas penyiasatan dan pertimbangan oleh pihak polis, kes itu mungkin atau tidak mungkin dibawa ke Mahkamah — barulah masalah itu akan dijalankan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, jangan melindungi Yang Berhormat itu. Rakyat mesti tahu.

Tuan Speaker, soalan yang kedua:

2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:-
 - (a) Atas asas apakah rumusan perimbangan 45% untuk kaum Bumiputera, 45% untuk kaum Cina dan 10% untuk kaum India dan lain-lain bagi peruntukan unit-unit perumahan kos rendah diperolehi?
 - (b) Siapakah yang menentukan rumusan perimbangan 45%, 45% dan 10% tersebut?
 - (c) Bilakah rumusan perimbangan 45%, 45% dan 10% tersebut ditentukan dan dilaksanakan?

(2. *Can the Hon'ble Chief Minister inform this House:*

- (a) *On what basis was the 45% for Bumiputera, 45% for Chinese and 10% for Indians and other ratio formula for the allocation of low-cost housing units derived at?*

(b) *Who decided on this 45%, 45% and 10% ratio formula?*

(c) *When was this 45%, 45% and 10% ratio formula decided and implemented?*

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, peruntukan rumah mengikut kuota kaum seperti yang dipersetujui adalah berasaskan kepada keperluan untuk memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat kita.

Untuk jawapan (b), keputusan ini adalah dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan (c), keputusan ini dibuat dan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Adakah formula ini kurang adil memandangkan peratusan penduduk-penduduk Negeri ini terdiri daripada 70% orang bukan Bumiputra dan hanya 30% orang Bumiputra dan bukannya formula ini tidak adil memandangkan jumlah permohonan untuk rumah kos rendah hanya 25% adalah dari Bumiputra dan 75% Adalah dari bukan Bumiputra?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, adil atau tidak adil adalah tertakluk kepada keperluan rakyat jelata di Negeri Pulau Pinang di atas permintaan perumahan rumah murah dan pandangan Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota akan diambil perhatian. Kerajaan Negeri akan dari masa ke semasa mengkaji semula supaya peruntukan perumahan kos rendah akan sentiasa dibuat dengan cukup adil.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, ini bukan kemahuan rakyat Pulau Pinang. Formula yang dikeluarkan oleh Kerajaan bukanlah kemahuan rakyat Pulau Pinang.

Soalan tambahan, Tuan Speaker : Bolehkah Yang Berhormat dari Kawasan Tanjong Bungah memberitahu Dewan ini sama ada beliau sedar ada lain agensi Kerajaan yang membina rumah kos rendah mengikut formula ini?

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, itu soalan lain.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Ini mengenai formula 45 : 45 : 10. Saya tanya adakah Yang Berhormat sedar? Tuan Speaker, macam mana saya mahu tanya soalan tambahan? *This is terrible! How can I ask questions? Mr. Speaker, please be fair. I am alone here. What are you worried about?*

Tuan Speaker, soalan No. 3(a) dan (b):-

3. Adakah benar Kerajaan Negeri perlu membayar sebanyak \$1.2 billion kepada Kerajaan Persekutuan bagi kos projek Jambatan Pulau Pinang sebelum Kerajaan Negeri dibenarkan memungut tol? Jika ya, sila beritahu Dewan ini:-

(a) adakah Kerajaan Negeri akan membayar kos untuk Jambatan Pulau Pinang; dan

(b) Jika ya, bagaimanakah bayaran untuk Jambatan tersebut akan diperolehi?

(3. *Is it true that the State Government will have to pay for the cost of the Penang Bridge of \$1.2 billion to the Federal Government before the State Government is allowed to collect the toll? If so, can the Hon'ble Chief Minister inform this House:-*

(a) *whether the State Government is contemplating paying for the Bridge; and*

(b) *if so, how is the money to pay for the Bridge going to be raised?*)

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, perkara ini sedang dirundingkan tetapi masa sekarang, mengikut prinsip, jawapan saya ialah ya, Kerajaan Negeri sedang memikirkan untuk membayar kos sebenar Jambatan Pulau Pinang oleh sebab kita terima prinsip bahawa Jambatan Pulau Pinang yang sekarang dibina oleh Kerajaan Persekutuan akan dicadang untuk menjadi satu projek Negeri kita sendiri jika kita boleh mengambil tanggungjawab untuk pembayaran kos projek ini; dan wang pembayaran akan diperolehi melalui satu *package deal* sebab di dalam soalan Yang Berhormat ada menyebut mengenai \$1.2 billion dan ini bukan sahaja termasuk kos jambatan sahaja, tetapi inilah satu kos *package* yang telah dibawa untuk perbincangan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bukankah kurang bijak untuk mendapatkan jumlah wang yang begitu banyak untuk pembayaran Jambatan itu memandangkan kutipan wang yang amat kurang?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, kita sekarang sedang membuat rundingan di atas masalah ini dengan sepenuh keyakinan bahawa kita boleh menyelesaikan perkara ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Soalan tambahan lagi : Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri atau Kerajaan Negeri meminta Kerajaan Pusat membenarkan hanya mengutip bayaran tol Jambatan tetapi membeli Jambatan tersebut dengan bayaran \$1.2 billion seperti yang diminta oleh Kerajaan Pusat?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, perkara ini sesungguhnya satu soalan lain. Masalah kutipan tol adalah di dalam rundingan dan sekarang bukanlah sampai masanya kita ambil keputusan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan saya bukan tol. Soalan saya adakah Kerajaan Negeri atau Ketua Menteri minta Kerajaan Pusat tanpa membeli Jambatan dengan harga \$1.2 billion?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, kita tidak akan mendengar arahnya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Bukan arahan. Bolehkah Ketua Menteri minta?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, perhubungan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Pusat ialah satu perhubungan istimewa dan rapat sebab kita bukan sahaja macam ahli pembangkang dan DAP, keluar macam *beggar* dan asyik dengan *begging*.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Siapa *beggar*?

Ketua Menteri:

You minta kita menjadi *beggar*.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

A beggar for the good of the people.

Ketua Menteri:

Dia *beggar*. Dia minta saya jadi *beggar*.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Begging for the good of the people.

Ketua Menteri:

DAP ialah parti *beggar*.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

It is for the good of the people.

Ketua Menteri:

Begging, begging, begging!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

For the good of the people.

Ketua Menteri:

Itu belum tentu. Nampak saya dari soalan pertama DAP, tidak guna kepada Kerajaan Negeri (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Don't defend, jangan melindungi.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, rakyat Negeri Pulau Pinang pun telah beberapa kali menafikan perwakilan pihak DAP hingga turun sampai ke satu orang sahaja. Ini adalah sebab orang Negeri Pulau Pinang adalah rakyat yang sungguh bangga. Kita bukan jalan dengan *begging*. Kita ingat kita boleh selesaikan perkara Jambatan ini dengan bangganya dan kita ada keyakinan sepenuhnya kita boleh bertanggungjawab menjalankan projek ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, bukan *begging*. Apa salahnya jikalau *begging for the good of the people*?

Tuan Speaker, gunakan hubungan rapat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat untuk meminta Jambatan ini.

Tuan Speaker, soalan keempat:

4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini:-

- (a) jumlah wang yang telah digunakan untuk pembinaan 2,594 unit perumahan kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat;
- (b) mengapa hanya 2,594 unit dibina sedangkan \$86 juta diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membina 4,500 unit;
- (c) daripada 2,594 unit tersebut, berapa unit yang telah diperuntukkan kepada orang ramai setakat ini;
- (d) angka-angka pecahan peruntukan mengikut kaum dalam projek-projek berkenaan; dan
- (e) bilakah baki unit-unit yang belum diperuntukkan itu akan diperuntukkan?

(4. *Can the Hon'ble Chief Minister inform this House:-*

- (a) *the amount of money utilised for the construction of the 2,594 units of low-cost housing under the Fourth Malaysia Plan;*
- (b) *why was only 2,594 units built when the \$86 million allocated by the Federal Government is for the construction of 4,500 units;*
- (c) *out of this 2,594 units, the number of units allocated to date;*
- (d) *the racial breakdown of the allocation in the respective projects; and*
- (e) *when will the remaining units be allocated?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, setakat ini jumlah wang yang telah dikeluarkan untuk membina projek-projek

perumahan awam kos rendah bagi Rancangan Malaysia Keempat ialah sebanyak \$58,293.912.00.

Kerajaan Negeri dapat membina 2,594 unit rumah kos rendah kerana Kerajaan Persekutuan hanya meluluskan peruntukan pinjaman bagi pembinaan rumah sebanyak itu sahaja.

Setakat ini Kerajaan belum lagi memperuntukkan rumah-rumah kos rendah yang dibina di bawah Rancangan Malaysia Keempat kepada orang ramai. Oleh yang demikian soalan (d) dan (e) tidak berbangkit lagi.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bolehkah Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Tanjung Bungah memberitahu Dewan ini bagaimana Kerajaan Negeri berharap untuk menyelesaikan masalah kekurangan rumah kos rendah dalam Negeri ini memandangkan Kerajaan Negeri hanya boleh membina 2,594 unit dalam jangka masa lima tahun di bawah Rancangan Malaysia Keempat?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, ini soalan lain.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, ini bukan soalan lain. Saya tanya bagaimana Kerajaan Negeri boleh mengatasi masalah ini.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, apa yang telah dijawab berkenaan soalan ini adalah menunjukkan sebahagian sahaja usaha yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah perumahan di Negeri Pulau Pinang ini. Selain dari usaha yang tertakluk kepada peruntukan wang daripada pihak Kerajaan Persekutuan tersebut, lain-lain agensi Kerajaan pun sedang menjalankan usaha membina rumah kos rendah untuk rakyat jelata.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Namakan lain-lain agensi itu.

Tuan Speaker:

Itu soalan lain.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Itu bukan soalan lain. Jawapan Ahli Kawasan dari Tanjong Bungah ada lain-lain agensi membantu Kerajaan mengatasi masalah kekurangan rumah, bukan? Saya bertanyakan nama agensi-agensi itu.

Tuan Speaker:

Saya sudah ambil keputusan, itu soalan lain.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan kelima:

5. Memandangkan kepada bantahan orang ramai terhadap kadar kenaikan cukai tanah yang terlalu tinggi oleh Kerajaan Negeri dan juga menyebabkan kesusahan kepada orang ramai akibat kenaikan tersebut, adakah Kerajaan Negeri akan menimbang untuk menarik balik kenaikan cukai tanah itu? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.
- (5. *In view of the many objections by the people over the high rate of increase in quit-rent by the State Government and the hardship caused to the people by the quit-rent increases, can the Hon'ble Chief Minister inform this House whether the State Government will consider withdrawing the quit-rent increases? If not, why not?*)

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menarik balik kenaikan hasil tanah kerana semakan cukai tanah dibuat selepas 15 tahun dari semakan yang dibuat dalam tahun 1970. Selanjutnya semakan yang akan datang tidak akan dilaksanakan sebelum 1 Januari, 1994, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 101 Kanun Tanah Negara.

Kenaikan cukai tanah telah dikuatkuasakan dalam semua negeri di Semenanjung Malaysia pada 1 Januari, 1984, tetapi bagi Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah melaksanakannya mulai 1 Januari tahun ini. Kadar kenaikan cukai tanah di Negeri ini bukanlah yang tertinggi sekali dan di sini, Tuan Speaker, saya ingin mengambil masa sedikit untuk menerangkan kedudukan kenaikan cukai tanah di Negeri Pulau Pinang berbanding dengan negeri-negeri yang lain.

Kalau Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pengkalan Kota melihat *Penang Gazette Notification* iaitu Pg. P.U. 39 bertarikh 19 Disember, 1983, bandar-bandar di Negeri Pulau Pinang telah dikumpulkan dalam dua kumpulan. Kumpulan yang pertama ialah bandar-bandar seperti berikut: Georgetown, Jelutong, Ayer Itam, Glugor, Bukit Bendera, Butterworth, Perai, Tanjong Tokong, Tanjong Bungah, Batu Ferringhi dan Bukit Mertajam. Dan kumpulan yang kedua ialah Balik Pulau, Bayan Lepas, Nibong Tebal, Kepala Batas dan Sungai Bakap. Bagi kumpulan yang pertama itu, tanah-tanah bagi tujuan perniagaan, kedudukan kenaikan cukai tanah sekarang ialah 12 sen sekaki. Jika kita bandingkan dengan bandar-bandar di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia, kita boleh melihat bahawa di Ipoh, Parit Buntar, Taiping, Petaling Jaya, Kelang dan Wilayah Persekutuan kenaikan cukainya adalah serupa atau lebih. Di Ipoh, untuk tujuan perniagaan, satu kaki persegi cukai tanah ialah 20 sen, Taiping 15 sen, Petaling Jaya 18 sen, Kelang 18 sen, Wilayah Persekutuan 24 sen dan Parit Buntar 12 sen. Bila kita bandingkan ini dengan kumpulan tadi, saya kata di Negeri Pulau Pinang (12 sen sahaja) tidak boleh dianggap tinggi sekali, dan bila kita bandingkan dengan kumpulan B di Negeri Pulau Pinang untuk Balik Pulau, Bayan Lepas, Nibong Tebal, Kepala Batas dan Sungai Bakap, cukai tanah atas tanah tujuan perniagaan ialah 8 sen sahaja, dan atas tanah bagi tujuan perusahaan (kumpulan A) di Negeri Pulau Pinang bagi satu kaki persegi cukai tanah ialah 6 sen dan bagi kumpulan B, sekaki persegi ialah 5 sen sahaja. Bila kita bandingkan ini dengan bandar-bandar lain di Semenanjung Malaysia ini, kita boleh melihat di Petaling Jaya ialah 14 sen sekaki persegi untuk perusahaan, Kelang 8 sen, Wilayah Persekutuan 20 sen, Negeri Sembilan seluruhnya 6.5 sen dan Melaka seluruhnya 12 sen. Bila kita bandingkan dengan kenaikan cukai tanah di Negeri Pulau Pinang untuk perusahaan ialah 6 sen dan 5 sen sahaja. Bila kita bandingkan dengan tanah-tanah ini yang dimaksudkan untuk tujuan kediaman, di Wilayah Persekutuan ialah 4 sen sekaki persegi dan di Johor, seluruh tanah bandar ialah 8 sen sekaki persegi, tetapi Negeri Pulau Pinang ialah 3 sen dan 2 sen sahaja.

Bagi tempat-tempat yang maju tetapi belum digazetkan sebagai bandar lagi iaitu Kawasan Perusahaan Perai, Kawasan Perusahaan Bayan Lepas, Kawasan Bandar Bayan Baru dan Kawasan Seberang Jaya (tempat-tempat untuk tujuan perniagaan) cukai tanahnya ialah 10 sen, untuk tujuan perusahaan ialah 5 sen, untuk tujuan kediaman ialah 2 sen, tanah-tanah desa lain yang

tidak termasuk dalam tujuan perniagaan ialah 6 sen, tujuan perusahaan 3 sen dan tujuan kediaman 1 sen sahaja. Bila kita bandingkan ini dengan lain-lain negeri, kita boleh melihat bahawa kenaikan cukai-cukai tanah di Negeri Pulau Pinang tidak tinggi atau lebih kurang sederhana sahaja atau kurang.

Bila kita beralih kepada tanah-tanah pertanian, di sini saya ingin sebutkan bahawa di seluruh Semenanjung Malaysia, cukai tanah di Negeri Pulau Pinang adalah rendah sekali. Kita tidak naikkan dan itu pun kalau kita boleh melihat atau kita bandingkan dengan lain-lain negeri, macam tanah getah, lain-lain negeri sampai \$20.00 seekar, tetapi di Negeri Pulau Pinang \$10.00 seekar sahaja, dan bagi kelapa sawit juga, di lain-lain negeri ada sampai \$20.00 seekar dan di Negeri Pulau Pinang ialah \$6.00 sahaja. Bagi lain-lain tanah seperti tanah padi dan lain-lain, lain-lain tempat adalah antara \$2.50 sampai \$6.00 tetapi di Negeri Pulau Pinang ialah \$2.00 seekar sahaja. Oleh sebab itulah, Tuan Speaker, saya kata di Negeri Pulau Pinang bagi tanah pertanian, cukai tanah itu adalah rendah sekali.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Jangan buat keliru. Pulau Pinang tidak ada tanah getah, oleh kerana itu Kerajaan Negeri turunkan cukai itu.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Di Pengkalan Kota tidak ada getah.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bila dibandingkan dengan kenaikan cukai di negeri lain, kenaikannya adalah yang *gradual*. Bukankah kenaikan cukai tanah dari 1 sen ke 10 sen adalah terlalu tinggi sekaligus?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pengkalan Kota telah menunjukkan bahawa beliau tidak keluar daripada kawasannya. Kalau beliau keluar dari kawasannya, di Pulau pun beliau boleh nampak pokok getah.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Very negligible.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Dan di luar pun, Seberang Perai, macam Malakoff Estate, Valdor Estate, Batu Kawan dan lain-lain — saya boleh sebutkan beribu-ribu ekar telah ditanam dengan pokok getah ini. Tadi saya sudah bagi dengan terus terang dan panjang lebar bagaimana kita boleh buat bandingan cukai tanah di Negeri Pulau Pinang dengan negeri-negeri lain. Lagi pun dia kata 1 sen naik 10 sen, mana 1 sen naik 10 sen? itulah saya kata beliau langsung tidak dengar. Beliau duduk sahaja dan sama ada beliau tidur, itu saya tidak tahu (ketawa).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Tuan Speaker, bolehkah Ahli dari Kawasan Bagan Dalam memberitahu sama ada beliau sedar bahawa oleh kerana kenaikan cukai tanah tersebut, terdapat sebilangan tuan tanah menggunakan peluang ini untuk menaikkan sewenang-wenangnya sewa rumah atas penyewa-penyewa? Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri supaya perkara ini tidak terjadi?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, ini soalan lain.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Ini soalan lain? Kalau tidak boleh jawab, mesti kata ini soalan lain. Soalan ini ada kaitan dengan kenaikan cukai tanah oleh kerana cukai tanah telah naik.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, bolehkah ulang balik?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan saya ialah adakah Ahli dari Kawasan Bagan Dalam sedar bahawa oleh kerana kenaikan cukai tanah, terdapat sebilangan dari tuan tanah telah menggunakan peluang itu untuk menaikkan sewa rumah atas penyewa-penyewa? Jika ya, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri supaya perkara ini tidak terjadi?

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, saya ingat itu soalan lain.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, mungkin Tuan Speaker tidak dengar.

Tuan Speaker:

Saya ada dengar.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan ke 6:

6. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar akan kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi Ahli Jawatankuasa Pelancongan Negeri, Y.B. Encik Lee Jong Ki pada 14 Januari, 1985 bahawa beberapa negara tertentu yang bersaing dengan Negeri Pulau Pinang untuk memperolehi lebih ramai pelancong telah menghantar 'mercenary journalist' untuk tujuan mengeluarkan artikel-artikel buruk tentang Negeri Pulau Pinang dan negara-negara berkenaan tentunya merosakkan industri pelancongan Negeri ini? Jika ya,
 - (a) namakan negara-negara berkenaan yang dirujuk oleh Y.B. Encik Lee Jong Ki; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap perkara yang serius ini?
- (6. *Is the Hon'ble Chief Minister aware of the statement made by the State Tourism Committee Chairman, Y.B. Encik Lee Jong Ki, on 14 January, 1985 that certain countries competing with Penang to woo tourists have sent 'mercenary journalists' to write damaging articles about Penang Island and that these countries were sabotaging tourism in the State? If so,*
 - (a) *name the countries referred to by Y.B. Encik Lee Jong Ki; and*
 - (b) *what action has been taken or will be taken by the State Government on this serious matter?*

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki):

Tuan Speaker, sektor swasta dalam industri pelancongan telah menarik perhatian Kerajaan Negeri bahawa ada kemungkinan wartawan-wartawan dari negara-negara lain dihantar ke Pulau Pinang untuk menulis artikel yang mungkin merosakkan imej pelancongan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak dapat memastikan dari negara-negara manakah datangnya wartawan-wartawan berkenaan.

Kerajaan Negeri belum lagi mengambil sebarang tindakan terhadap mana-mana wartawan setakat ini, tetapi akan meneliti semua laporan yang bersangkutan dengan industri pelancongan di Pulau Pinang dan jika terdapat mana-mana wartawan yang mempunyai maksud untuk merosakkan imej Negeri Pulau Pinang sebagai pusat pelancongan, Kerajaan Negeri akan memanjangkan perkara tersebut kepada pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Persekutuan untuk tindakan wajar.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bolehkah Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Ayer Itam memberitahu Dewan ini setakat manakah artikel yang dikarang oleh wartawan-wartawan telah menjejaskan industri pelancongan Negeri ini?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki):

Tuan Speaker, setakat ini Kerajaan Negeri belum lagi menemui mana-mana wartawan asing yang telah menulis artikel-artikel yang bertujuan untuk merosakkan imej kita.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Ya, saya tahu dan saya dengar, Tuan Speaker, tetapi soalan saya adalah setakat manakah artikel yang dikarang oleh wartawan-wartawan ini telah menjejaskan industri pelancongan di Negeri Pulau Pinang? Saya bukan sebut namakan, saya tanya setakat mana? *To what extent has it affected the tourist industry in this country?*

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki):

Tuan Speaker, *I have answered the question. There has been no such article yet.*

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Then why did you announce that these are in the press?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki):

Saya sudah jawab soalan itu.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, Ahli dari Kawasan Ayer Itam telah menyatakan di dalam sebuah akhbar bahawa ada wartawan dari negara lain yang menulis perkara yang tidak baik terhadap Pulau Pinang. Bila saya tanya sekarang dia cakap tidak ada. Jadi macam mana? Boleh diterima atau adakah beliau telah bercakap bohong dalam akhbar?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki):

Tuan Speaker, jawapan saya ialah sektor swasta dalam industri pelancongan telah menarik perhatian Kerajaan Negeri bahawa ada kemungkinan wartawan-wartawan dari negara lain dihantar ke Pulau Pinang untuk menulis artikel yang mungkin merosakkan imej pelancongan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Ini publisiti.

Tuan Speaker, soalan ke 7:

7. Berapakah jumlah pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk Negeri Pulau Pinang dalam Rancangan Malaysia Keempat yang telah diketepikan atau ditinggalkan? Namakan projek-projek tersebut, jumlah wang yang diperuntukkan untuk tiap-tiap projek dan apakah sebab-sebab projek-projek tersebut diketepi atau ditinggalkan?

(7. *What is the number of development*

Jabatan	Jumlah Kos
1. Jabatan Haiwan	\$1.3 juta
2. Jabatan Perikanan	\$1.433 juta
3. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	\$5 juta
4. Jabatan Pengangkutan Jalan	\$20 juta
5. Jabatan Laut	\$1.037 juta
6. Jabatan Pos	\$0.962 juta

projects planned by the State and Federal Governments to be carried out in the State under the Fourth Malaysia Plan that have been shelved or abandoned? What are the projects, the amount of money of the respective projects and the reasons for shelving or abandoning the respective projects?)

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, 42 projek yang dirancang oleh Jabatan-jabatan Persekutuan dan Negeri telah ditangguhkan. Sebab-sebab utama projek-projek tersebut ditangguhkan adalah kerana kemelesetan ekonomi di mana beberapa projek telah dibekukan semasa dibuat Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat disebabkan kekurangan peruntukan kewangan. Walau bagaimanapun, sebahagian besar dari projek-projek yang ditangguh tersebut telah dikemukakan untuk kejain semula di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Speaker, jumlah kos yang terlibat ialah lebih \$62.7 juta dan projek-projek tersebut adalah seperti berikut:-

Senarai Projek-projek Yang Ditangguh

1. Kompleks Baru Ibu Pejabat Haiwan
1. Projek Bot Ronda Perikanan
2. Projek Bot Laju
3. Projek Rumah-rumah Pembantu Perikanan
4. Projek Pengkalan Kawasan
5. Projek Titi Pengkalan Kawasan
1. Projek Pembangunan dan Penggalakan Industri.
1. Pembinaan Pejabat Baru di Seberang Jaya
2. Pembelian tapak serta pembinaan Pejabat Baru di Pulau Pinang (Relau).
1. Rumah kediaman kakitangan di Butterworth.
2. Pembinaan Jeti di Butterworth
3. Pembinaan Limbungan Lanci di Butterworth.
4. Pembinaan Pengkalan Baru di Butterworth.
5. Pembinaan Stor dan Bengkel di Butterworth.
6. Pembelian Kren
1. Pejabat Pos Kepala Batas
2. Pejabat Pos Bayan Baru
3. Pejabat Pos Telok Bahang
4. Pejabat Pos Batu Maung

7. Jabatan Kaji Cuaca	\$0.439 juta	1. Rumah Kediaman di Bayan Lepas 2. Stesyen Kaji Cuaca di Muka Head 3. Alat-alat Letronik di Bumbung Lima
8. Jabatan Pelajaran	\$19 juta (Projek ini ditangguhkan)	1. Pembinaan Pejabat Pelajaran
9. Jabatan Penyiaran	\$1.12 juta	1. Projek Pemancar Gelombang Sederhana
10. Perbadanan Perpustakaan Umum	\$½ juta (Projek ini ditangguhkan)	1. Projek Perpustakaan Cawangan di Jawi.
11. Jabatan Polis	\$7.52 juta	1. Pondok Polis Paya Terubong 2. Pondok Polis Relau 3. Balai Polis Hutton Lane 4. Balai Polis Tanjong Tokong 5. Pondok Polis Sungai Tiram 6. Pondok Polis Kuala Muda 7. Balai Polis Seberang Jaya 8. Phase II, Nibong Tebal 9. Pondok Polis Bukit Kecil, Bukit Mertajam. 10. Pondok Polis Bukit Teh 11. Pondok Polis Permatang Ara, Bukit Mertajam. 12. Pondok Polis Guar Perahu 13. Pondok Polis Kuala Juru 14. Pondok Polis Simpang Empat 15. Rumah Kediaman di atas tapak Bekas Tapak Pengkalan Merin di Glugor.
12. Jabatan Penjara	\$0.4 juta	1. Pindaan Bangunan Penjaga
13. Jabatan Imigresen	\$4 juta	1. Rumah Kediaman Imigresen

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bolehkah Ketua Menteri memberitahu adakah sebarang projek yang ditangguhkan akan dihidupkan semula dan tentu dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, itu saya telahpun jawab.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, tentu dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima? Tentu dilaksanakan?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, jika satu soalan tidak ada faedahnya atau tidak ada *meaning* tentulah jawapan saya akan mengelirukan Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota. Kalau Yang Berhormat tanya soalan tentulah esok akan hujan, itu saya ingat soalan yang tidak ada gunanya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, *develop is within our control, but rain is not. If you cannot tell us, what good are you?*

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, fasal itu saya telah menjawab bahawa perkara ini telah dibangkitkan untuk

kajian di dalam Kajian Rancangan Malaysia Kelima. Kalau Yang Berhormat hendak tahu tentu atau tidak tentu atau lain-lain saya ingat soalan itu tidak boleh digunakan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan ke 8:

8. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini secara lengkap:-

- (a) "*package deal*" di bawah program pengswastaan bagi pembinaan jalan susur dari "*interchange*" Jambatan Pulau Pinang ke Pengkalan Weld, kerja-kerja menebus tanah dan juga pembayaran balik kos Jambatan tersebut?
- (b) jumlah anggaran kos yang terlibat dalam "*package deal*" tersebut;
- (c) bilakah "*package deal*" tersebut boleh diselesaikan dan kerja-kerja berkenaan dimulakan; dan
- (d) namakan syarikat-syarikat swasta yang terlibat dalam "*package deal*" tersebut?

(8. *Can the Hon'ble Chief Minister inform this House in full details:-*

- (a) *the "package deal" under the privatisation programme for the construction of the Coastal Road from the Penang Bridge interchange to Weld Quay, land reclamation work and the reimbursement of the cost of the Bridge;*
- (b) *total estimated cost involved in this "package deal";*
- (c) *when can this "package deal" be finalised and work commence; and*
- (d) *who are the private companies involved in this "package deal"?*

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, "*package deal*" ini mengandungi perkara-perkara berikut:

- (i) merekabentuk dan membina Jalan Pantai (dahulunya dikenali Jalan Pantai Utara) yang panjangnya kira-kira 9.5 km bermula dari Jambatan Pulau Pinang interchange dan berakhir di Weld Quay, bersama-sama dengan jalan penghubung kepada rangkaian jalan yang sedia ada, jambatan-jambatan dan lain-lain binaan;

- (ii) menebusguna kira-kira 210 hektar tanah dari laut ke kawasan timur Pulau Pinang dan ke utara Jambatan Pulau Pinang Interchange bersempadankan Jalan Pantai dan pantai timur pulau, termasuk rekabentuk dan membina kerja-kerja "*protection*";
- (iii) merekabentuk dan membina "*signalised intersections*" di persimpangan jalan penghubung Batu Lanchang dan Sg. Pinang serta Jelutong;
- (iv) merekabentuk dan membina persimpangan di Weld Quay/Prangin Ghaut dan di persimpangan-persimpangan Udini, Batu Lanchang dan Jalan Pantai;
- (v) merekabentuk dan membina pembaikan kepada "*Prangin Canal*" dan pembinaan stesyen "*pumping*" yang baru termasuk pintu air pasang surut;
- (vi) merekabentuk dan membina kerja-kerja permaritan dan "*sea outlets*";
- (vii) menyediakan pelan penggunaan tanah dan "*layout*" tanah yang ditebusguna;
- (viii) merekabentuk dan membina kerja-kerja infrastruktur di atas tanah yang ditebusguna iaitu jalan-jalan "*internal*", longkang-longkang, saluran air dan letrik kemudahan perhubungan telekom dan sistem pemben-tungan;
- (ix) penempatan semula kemudahan awam yang sedia ada iaitu "*meter mains*", kabel eletrik, kabel telefon dan lain-lain;
- (x) merekabentuk dan membina kerja-kerja "*landscaping*" di atas tanah yang ditebusguna;
- (xi) meroboh dan membersihkan bangunan-bangunan dan lain-lain binaan yang terlibat dengan projek ini;
- (xii) membiayai semua kerja-kerja yang disebutkan termasuk kos pengambilan balik tanah dan penempatan semula setinggan;
- (xiii) memaju dan menjual tanah yang ditebusguna; dan
- (xiv) membayar balik kos projek Jambatan Pulau Pinang kepada Kerajaan. Jumlah Anggaran kos yang terlibat melebihi \$1.5 billion.

"*Package deal*" ini masih belum lagi diputuskan.

Syarikat-syarikat swasta yang terlibat akan diumumkan sesudah keputusan dibuat.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini penduduk-penduduk yang terlibat oleh "*package deal*" tersebut? Siapakah yang bertanggungjawab

untuk menempatkan semula penduduk-penduduk tersebut? Kerajaan Negeri atau pemaju-pemaju swasta projek?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, kedua-dua pihak.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan ke 9:

9. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:-

- (a) program-program pengswastan projek perumahan kos rendah Kerajaan Negeri;
- (b) bilakah program pengswastan ini akan diselesaikan dan dilaksanakan; dan
- (c) namakan pemaju-pemaju swasta yang terlibat dalam program pengswastan tersebut?

(9. *Can the Hon'ble Chief Minister inform this House:-*

- (a) *in full detail the State Government privatisation programme on low-cost housing;*
- (b) *when will this privatisation programme be finalised and implemented; and*
- (c) *the names of the private developers involved in this privatisation programme?)*

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, objektif Kerajaan mengswastakan projek-projek perumahan ialah untuk membina rumah kos rendah yang mencukupi bagi memenuhi sebahagian dari keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah di Negeri ini. Strategi ini digunakan memandangkan Kerajaan Persekutuan tidak lagi dapat memperuntukkan pinjaman yang banyak kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi pembinaan projek-projek perumahan disebabkan oleh keadaan kewangan negara yang kurang baik.

Pendek kata yang digunakan dalam pengswastan projek-projek perumahan ialah Kerajaan Negeri menyediakan tapak-tapak perumahan dan pemaju-pemaju swasta yang berjaya dalam tender akan membina rumah-rumah mengikut garis panduan-garis panduan yang ditetapkan oleh Kera-

jaan dengan menggunakan sumber kewangan pemaju sendiri. Untuk tujuan ini Kerajaan sedang menyediakan garis panduan-garis panduan yang mengandungi, antara lain, peratusan rumah kos rendah yang dikehendaki dibina oleh pemaju bagi tiap-tiap tapak.

Pada masa ini Kerajaan sedang melakukan *pre-qualification* penender-penender yang berminat untuk mengambil bahagian dalam program pengswastan dan pelaksanaan projek pengswastan dijangka bermula pada penghujung tahun ini.

Setakat ini Kerajaan belum lagi memilih pemaju-pemaju swasta yang akan terlibat dalam program pengswastan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bolehkah Ahli dari Kawasan Tanjong Bungah memberitahu Dewan ini apakah tidak serupa strategi pengswastan program-program perumahan dengan meminta pemaju-pemaju swasta untuk menampung 30% unit-unit perumahan kos rendah di sekim mereka?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Kedua-dua adalah berbeza.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bolehkah Ahli dari Kawasan Tanjong Bungah memberitahu Dewan ini mengapakah strategi Kerajaan Negeri untuk meminta pemaju-pemaju swasta untuk menampung 30% unit-unit rumah kos rendah dalam sekim perumahan telah gagal?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, ini soalan yang lain.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan ke 10:

10. Adakah kerja-kerja pembinaan pasar-pasar di kawasan tebusguna tanah di Gat Lebu Macallum, Telok Bahang, Tanjong Bungah dan Kampung Pisang telah dimulakan? Jika ya, bilakah kerja-kerja tersebut dimulakan mengikut kawasan dan jika belum dilaksanakan, sila nyatakan sebab-sebabnya

kerana di Persidangan Dewan yang lalu dinyatakan bahawa semua projek pembinaan pasar-pasar tersebut akan dilaksanakan dalam tahun 1984?

- (10. *Can the Hon'ble Chief Minister inform this House whether work has started on the construction of the markets in Macallum Street Ghaut reclamation area, Telok Bahang, Tanjong Bungah and Kampong Pisang? If yes, when did work begin on the respective markets and if not, why not, despite the answers given to this House previously that all these market projects will be implemented in 1984?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, kerja untuk membina pasar di Gat Lebu Macallum belum lagi dimulakan. Walau bagaimanapun, kita sedang berurusan dengan P.D.C. untuk usaha-usaha pembinaan pasar di Gat Leboh Macallum ini dan untuk Telok Bahang pula sebuah pasar juga belum bermula lagi pembinaannya. Walau bagaimanapun, tender-tender telahpun dijemput dan ditutup pada 18 Februari, 1985. Tender itu dalam proses sekarang.

Untuk sebuah pasar di Tanjong Bungah juga belum lagi dimulakan. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pengambilan tanah telahpun selesai iaitu dalam bulan Januari 1984 dan lukisan-lukisan bagi projek ini telahpun siap. Disebabkan oleh keadaan kewangan yang tidak begitu baik maka projek ini juga tidak dapat dilaksanakan lagi untuk waktu ini.

Mengenai pasar Kampong Pisang juga belum lagi dibina. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pengambilan tanah telahpun siap dan Majlis telahpun memohon wang yang akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Nampaknya jawapan yang diberi itu serupa dengan jawapan yang telah diberi dahulu. Bolehkah Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bertam memberitahu Dewan ini bilakah pasar tersebut akan sebenarnya dibina?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, soalan lama, jawapan pun lama. Orang lama tanya, orang lama juga jawab. dan ini bergantung kepada keadaan terutama sekali

kewangan. Saya tidak boleh berborak-borak di sini — buat esok atau lusa — sebab ianya bergantung kepada kewangan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan ke 11:-

11. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar akan laporan akhbar oleh Sahabat Alam Malaysia pada 24 Februari, 1985 bahawa kerang-kerang di Negeri Pulau Pinang telah tercemar oleh bahan buangan perusahaan yang beracun iaitu *polychlorinated biphenyl* yang merbahaya jika ternakan oleh manusia? Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan kerang-kerang tersebut bebas daripada bahan buangan perusahaan beracun itu supaya keselamatan rakyat dan juga perusahaan kerang di Negeri ini terjamin?

- (11. *Is the Hon'ble Chief Minister aware of a press report by Sahabat Alam Malaysia on 24 February, 1985 that cockles in the State are contaminated with a high level of poisonous industrial waste of polychlorinated biphenyl harmful to humans when consumed? If so, state what steps will be taken to ensure the cockles are free from such poisonous waste and to protect the people and the cockle-rearing industry in the State?*)

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, jawapannya ya. Kerajaan memang sedar mengenai laporan akhbar tersebut. Perbandingan paras "*polychlorinated biphenyl*" ataupun PCB di dalam kerang yang terdapat di Pulau Pinang dengan paras PCB dalam jenis makanan yang lain seperti yang dilaporkan dalam akhbar adalah salah dan mengelirukan. Paras maksima PCB yang dibenarkan untuk sesuatu jenis makanan adalah berlainan di antara satu dengan lain.

Paras PCB yang tertinggi yang terdapat di dalam kerang di Perairan Pulau Pinang seperti yang dilaporkan ialah 640 ppb (*parts per billion*). Paras ini adalah jauh kurang dari paras maksima yang dibenarkan bagi kerang ataupun siput di negara-negara perindustrian seperti Amerika Syarikat, German Barat, Sweden dan Jepun di mana paras maksima PCB yang dibenarkan ialah 2000 ppb.

Walau bagaimanapun, Kerajaan memandang berat tentang perkara ini dan akan mengawasinya dari masa ke semasa.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan ke 12:-

12. Bagaimanakah keputusan tawaran yang ditutup pada hujung bulan Mei tahun lalu berkenaan dengan Projek Jalan Susur Pantai dari 'interchange' Jambatan Pulau Pinang ke Pengkalan Weld dan juga sila beritahu nama pemborong-pemborong tersebut?

(12. *What is the outcome of the tenders called and closed at the end of May last year for the Coastal Road Project from the Penang Bridge interchange to Weld Quay and state who are the tenderers?*)

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, keputusan tender berkenaan belum lagi dibuat.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan ke 13:-

13. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah berhenti daripada mengutip bayaran pendaftaran bagi permohonan membeli unit-unit perumahan yang dibina oleh pihak Perbadanan? Jika ya,

- (a) berikan sebab-sebab kutipan bayaran pendaftaran itu dihentikan;
- (b) bilakah kutipan bayaran pendaftaran tersebut dihentikan;
- (c) berapakah jumlah bayaran pendaftaran yang telah dikutip daripada pemohon-pemohon setakat ini; dan
- (d) adakah bayaran pendaftaran yang telah dibayar oleh pemohon-pemohon itu akan dikembalikan?

(13. *Is the Hon'ble Chief Minister aware that the Penang Development Corporation has stopped collecting registration fees for application of its housing unit? If so,*

- (a) *give the reason why the collection of registration fees has stopped;*
- (b) *when was the collecting of registration fees stop;*
- (c) *what is the amount of money collected to-date by way of registration fees from the previous applicants; and*
- (d) *will refund of the registration fees be made to applicants who had paid the registration fees?)*

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, jawapan kepada bahagian (a) ialah pihak Perbadanan telah berhenti mengutip bayaran pendaftaran untuk unit-unit permohonan memandangkan pihak Perbadanan semasa ini sedang mengkaji semula prosidur-prosidur pendaftaran. Ini adalah kerana pihak Perbadanan sedang mengkaji dengan mendalam mengenai pengswastan projek-projek perumahan masa depan sekim memecah-bahagi tanah bungkusan tanah. Oleh itu, pihak Perbadanan telah tidak membuka pendaftaran baru untuk unit-unit kediamannya. Pendaftaran yang sedia ada adalah untuk unit-unit yang sedang dibina pada masa ini. Pemohon-pemohon ini akan dimaklumkan apabila unit-unit tersebut sedia untuk peruntukan.

Jawapan kepada bahagian (b), (c) dan (d) ialah keputusan untuk memberhentikan kutipan yuran pendaftaran dibuat di Mesyuarat Lembaga Perbadanan pada 22 Ogos, 1984.

Jumlah wang yang telah dikutip sehingga ini melalui yuran pendaftaran daripada pemohon-pemohon yang mendaftar lebih awal dari 22 Ogos, 1984 adalah sebanyak \$2.4 juta.

Yuran pendaftaran akan dikembalikan kepada pemohon-pemohon apabila mereka membuat permohonan untuk mendapatkannya kembali.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan ke 14.

14. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa pembeli-pembeli unit rumah pangsa dari Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dikehendaki membayar wang jaminan sebanyak \$300.00 kepada pihak Perbadanan atas sebarang kerosakan harta benda rumah pangsa sebelum kunci unit-unit kediaman tersebut diserahkan kepada pembeli-pembeli? Jika ya,

- (a) berapakah jumlah wang jaminan yang telah dikutip oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang;
- (b) bilakah wang jaminan tersebut akan dikembalikan kepada pembeli unit-unit rumah pangsa; dan
- (c) adakah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang menimbang untuk menghentikan kutipan wang jaminan disebabkan ianya menjadi beban kewangan yang berat kepada pembeli-pembeli rumah pangsa?

(14. *Is the Hon'ble Chief Minister aware that Penang Development Corporation flat purchasers are asked to pay a sum of \$300.00 as surety to Penang Development Corporation to pay for any damage done to the common properties of the flat by the purchasers before they are given the keys to the flats? If so;*

- (a) *how much money has been collected by the Penang Development Corporation by way of this surety;*
- (b) *when will this money collected by the Penang Development Corporation be refunded to the flat-owners; and*
- (c) *will the Penang Development Corporation consider doing away with such surety as it is an extra financial burden on the flat-purchaser?)*

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, soalan ini ada tiga bahagian. Jawapan saya ialah pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah mengutip sejumlah \$4.35 juta sebagai wang jaminan bagi sebarang kerosakan ke atas harta-harta awam di unit-unit 'highrise' di Bandar Bayan Baru, Bandaraya Georgetown dan Bandar Seberang Perai.

Wang jaminan yang dikutip oleh Perbadanan tersebut disimpan di bawah akaun khas sehingga tertubuhnya perbadanan-perbadanan pengurusan yang dibentuk di bawah Kanun Tanah Negara apabila Hakmilik Berasingan (*Strata Title*) dikeluarkan. Apabila Perbadanan Pengurusan ditubuhkan wang ini atau bakinya akan diserahkan kepada perbadanan-perbadanan pengurusan berkenaan yang kemudiannya akan memutuskan kegunaannya.

Buat masa ini, pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang tidak mempunyai niat untuk mengenepikan kutipan wang sebagai cagaran ke atas kerosakan harta awam. Sehingga ini, kutipan ini telah dapat menentukan bahawa kerja-kerja tambahan ke atas unit *highrise* dilaksanakan secara teratur oleh penghuni-penghuni dan jika semasa menjalankan kerja-kerja tambahan tersebut terjadi apa-apa kerosakan ke atas harta awam, mana yang ada boleh digunakan untuk memperbaiki kerosakan tersebut.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan ke 15:-

15. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa terdapat beberapa buah rumah dalam keadaan buruk dan merbahaya di sepanjang Jalan Magazine dan Lebuh Tek Soon yang telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri bagi projek KOMTAR kini didiami orang walaupun beberapa laporan dan rayuan telah dibuat oleh penduduk kepada Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan tetapi sehingga ini tiada tindakan? Jika ya, adakah Pihak Berkuasa yang berkenaan akan diarah supaya segera menyelidik perkara ini dan memperbaiki keadaan rumah-rumah itu?

(15. *Is the Hon'ble Chief Minister aware that there are houses in a dangerous state of disrepair along Magazine Road and Tek Soon Street already acquired by the State Government for the KOMTAR development project which are presently occupied by tenants and despite repeated reports and appeal by the tenants to the State Authorities concerned nothing to-date has been done? If so, will the Hon'ble Chief Minister direct the authorities concerned to immediately look into the matter and have the premises repaired?)*

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, hanya terdapat dua bangunan di kawasan yang terlibat dengan KOMTAR yang telah didapati tidak dapat dibaiki langsung dan penghuni-penghuninya telahpun ditempatkan semula di antara 17 Januari dan 31 Ogos, 1984.

Buat masa ini tidak ada rumah-rumah yang didapati merbahaya kerana tidak dibaiki di sepanjang Jalan Magazine dan Lebuh Tek Soon. Beberapa aduan telah diterima dari penyewa-penyewa

di Jalan Magazine, Lebu Tek Soon, Jalan Maxwell, Jalan Gladstone dan Lebu Bridge. Tindakan telahpun diambil sama ada untuk membaiki atau untuk menempatkan semula penyewa-penyewa tersebut.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu bilakah penyewa yang tinggal di rumah ini diminta dan diarahkan meninggalkan kediaman mereka dan memberi jalan kepada projek KOMTAR?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, bila sesuai.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan ke 16:

16. Memandangkan kesesakan Lalulintas di sepanjang Jalan C. Y. Choy dan Lebu McNair yang juga dijangka apabila Jambatan Pulau Pinang telah dibuka untuk kegunaan orang ramai, adakah Kerajaan Negeri akan membina jejantas atau mendirikan lintasan pejalan kaki di kedua jalanraya tersebut untuk menjamin keselamatan orang ramai terutamanya murid-murid dari tiga buah sekolah rendah di situ : Sekolah Sum Min, Eng Chuan dan Beng Teik? Jika ya, bilakah ianya akan dibina dan jika tidak, berikan sebab-sebabnya?

- (16. *In view of the present heavy traffic along Jalan C. Y. Choy and Lebu McNair and the expected heavier traffic along these two roads once the Penang Bridge is open for public use, can the Hon'ble Chief Minister inform this House whether the State Government will build overhead bridges or instal pedestrian crossings along these two roads to ensure the safety of the pedestrians in particular the primary schoolchildren of the 3 schools namely Sum Min, Beng Teik and Eng Chuan School in the areas? If yes, when will it be built? If not, why not?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, buat masa kini, Kerajaan Negeri tidak lagi merancang untuk membina jejantas kerana tidak ada tanah yang cukup di

sekitar kawasan ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang mengkaji kemungkinan akan mengadakan lintasan pejalan kaki bagi mengatasi masalah Lalulintas di sini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan ke 17:

17. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa kawasan penjaja di Bukit Bendera sekarang ini kelihatan agak kurang menyenangkan dan tidak menggalakkan industri pelancongan Negeri ini? Jika ya, bilakah satu kompleks penjaja akan dibina bagi menggantikan gerai-gerai penjaja yang sedia ada dan di manakah kompleks penjaja yang baru itu kelak akan ditempatkan?

- (17. *Is the Hon'ble Chief Minister aware that the present hawkers' site in Bukit Bendera is an eyesore and not complimentary to tourism? If so, when will a hawkers complex be built to replace the present hawkers stall and where will the hawkers complex be situated?*)

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki):

Tuan Speaker, pelan-pelan bangunan untuk kompleks baru itu telah siap dan projek itu dijangkakan siap pada akhir tahun ini. Kompleks penjaja itu akan didirikan di tapak di mana penjaja sekarang berada.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.05 pagi.

Dewan bersidang semula jam 11.44 pagi.

Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

- (II) **Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum)** bertanya kepada Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, soalan pertama.

1. Adakah pihak Kerajaan sedar bahawa baru-baru ini terdapat banyak aduan dan bantahan terhadap kenaikan cukai tanah yang begitu tinggi? Jika ya, adakah Pejabat Tanah sedar bahawa cara sukatan dan mengenalpasti taraf kawasan (sebagai tanah pertanian atau kediaman atau perusahaan) tidak begitu tepat dan memuaskan?

Bagaimanakah pihak Kerajaan akan menyelesaikan aduan-aduan seperti yang disebutkan di atas? Bolehkah pihak Kerajaan Negeri mengkaji semula kadar kasar cukai tanah bagi kenaikan cukai yang lebih munasabah?

Bolehkah Kerajaan Negeri menjelaskan sepenuhnya (dalam ertikata kutipan cukai tanah) kawasan manakah yang dimaksudkan sebagai "Bandar Butterworth"? Adakah sempenadan kawasan "Bandar Butterworth" ini ditentukan oleh Pejabat Tanah sendiri atau ditetapkan oleh pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai?

- (1. *Is the Government aware that there have been many complaints and protests against the recent increase in quit rent rates? If so, is the Land Office aware that its method of computation and identification of the status of land (for instance as agricultural land or residential or industry) is not accurate and satisfactory?*

How will the Government resolve these complaints? Can the State Government review the quit-rent rate so that it is more reasonable?

Can the State Government clarify the area that constitutes "Butterworth Town"? Is the "Butterworth Town" area determined by the Land Office itself or by the Municipal Council, Province Wellesley?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, pihak Kerajaan sedar mengenai aduan dan bantahan terhadap kenaikan cukai tanah. Oleh itu satu Jawatankuasa Rayuan telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Y.B. Datuk Khor Gark Kim. Cara mengenalpasti taraf kawasan untuk menjeniskan kategori tanah adalah dilakukan oleh pegawai-pegawai tempatan yang mempunyai pengalaman bertahun-tahun di Pejabat-pejabat Tanah. Penetapan taraf kawasan dibuat mengikut apakah jenis kegunaan atas tanah sewaktu siasatan dijalankan. Mereka ini tahu apa bezanya tanah pertanian, kediaman atau perusahan, jadi masalah tidak tepat dan memuaskan tidak timbul.

Aduan-aduan tersebut akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Rayuan Semakan Cukai Tanah untuk membuat cadangan-cadangan balas bagi menyelesaikannya. Pihak Berkuasa Negeri

tidak akan mengkaji semula kadar cukai tanah tetapi akan menimbangkan pengurangan dari masa ke semasa, dan terutamanya kes-kes yang benar-benar menghadapi kesulitan.

Di sini, Tuan Speaker, saya ingin mengambil sedikit masa untuk menerangkan jenis-jenis tanah yang tidak dinaikkan cukai tanah ini. Jika kita melihat Penang Gazette iaitu Penang P.U. 38 bertarikh 10 Disember, 1983, di Jadual Kedua, tanah-tanah yang dikecualikan dari semakan cukai tanah ialah seperti berikut:-

- i) tanah-tanah milik yang digunakan untuk beribadat;
- ii) tanah-tanah milik yang digunakan untuk kawasan perkuburan;
- iii) tanah-tanah milik yang digunakan untuk tujuan kebajikan;
- iv) tanah-tanah milik yang digunakan untuk Institusi Pelajaran yang mendapat bantuan dari Kerajaan;
- v) tanah-tanah milik yang digunakan untuk padang-padang permainan dan riadah (rekreasi) yang diselenggarakan dengan kumpulan wang awam; dan
- vi) tanah-tanah milik yang tertakluk kepada hasil atas kadar yang sama atau lebih tinggi daripada kadar yang dinyatakan di dalam jadual pertama ini.

Ini bererti tanah-tanah ini tidak termasuk dalam kenaikan cukai tanah dan cukai tanah atas tanah-tanah ini ialah *nominal* sahaja seperti pada tahun 1970.

Juga, Tuan Speaker, mengikut keputusan Pihak Berkuasa Negeri adalah satu garis panduan mengurangkan sewa tanah bagi Negeri kita ini terbahagi kepada lapan jenis, iaitu:-

- (i) mengurangkan sehingga 25% ke atas tanah yang ditanam dengan getah, kelapa dan buah-buahan yang tidak ditanam semula;
- (ii) mengurangkan sehingga 25% ke atas semua tanah yang ditanam semula dengan getah, kelapa sawit, kelapa atau pokok buah-buahan di bawah mana-mana sekim sejak enam tahun berakhir atau kurang;
- (iii) mengurangkan sehingga 10% ke atas semua tanah yang terdapat bangunan-bangunan yang tertakluk kepada Land Control Act 1960;
- (iv) mengurangkan sehingga 75% atas tanah-tanah yang tertakluk kepada Land Conservation Act 1960;

- (v) mengurangkan kepada \$1.00 namaan sahaja ke atas tanah-tanah yang telah diketepikan atau dizonkan untuk tujuan awam termasuk jalan persendirian dan yang digunakan oleh orang ramai;
- (vi) mengurangkan kepada \$1.00 namaan sahaja ke atas tanah luasnya kurang dari 100 k.p.;
- (vii) mengurangkan sehingga 75% ke atas tanah-tanah sawah yang tidak ditanam semula selama 3 tahun atau lebih; dan
- (viii) mengurangkan sehingga 25% bagi kes-kes yang tertentu kerana kemiskinan, perikemanusiaan dan masalah setinggan.

Di sini, Tuan Speaker, kita boleh melihat bila-bila ada kes tertentu yang ada dalam 8 garis panduan ini bolehlah membuat rayuan kepada pihak yang berkenaan dan Kerajaan akan menimbang bila terdapat rayuan.

Tuan Speaker, "Bandar Butterworth" yang dimaksudkan adalah sempadan kawasan bandar yang diwartakan di bawah Kanun Tanah Negara Seksyen 11(d) mengikut Pg. P.U. 50 bertarikh 4 Mei, 1966.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Soalan tambahan, Tuan Speaker : Bolehkah ahli dari Kawasan Bagan Dalam namakan selain dari Pengerusi yang kita tahu adalah ahli daripada Tanjong Bungah, siapakah ahli-ahli Jawatankuasa Rayuan itu?"

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, walaupun nama-nama sudah diberi di dalam jawapan-jawapan bertulis, muka surat 3, perkara 5(B)(1) perlukah saya baca lagi sekali di sini?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tidak payah.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Nampaknya ini isu cukai tanah adalah satu isu yang panas. Bagaimanakah tuan-tuan tanah yang tidak puas hati atas kenaikan-kenaikan cukai tanah baru ini boleh membuat rayuan?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, rayuan itu boleh dibuat di

Pejabat Daerah tiap-tiap daerah kepada Pemungut Hasil Tanah dan Jawatankuasa Rayuan akan menimbangkan rayuan ini.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, soalan tambahan lagi : Adakah benar bahawa tiap-tiap rayuan mesti mengadakan atau memerlukan satu bayaran \$20.00?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, mengikut undang-undang tanah (*land rules*) tiap-tiap permintaan mestilah disertai dengan bayaran \$20.00.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, soalan tambahan lagi : Jika kita pandang pada begitu ramai tuan tanah yang akan membuat bantahan, bolehkah pihak Kerajaan menimbang bahawa dalam rayuan atas kenaikan cukai tanah ini bayaran \$20.00 itu boleh diketepikan?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Memang boleh.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Terima kasih.

Tuan Speaker, soalan ke 2:

2. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa selepas pelaksanaan projek pembe-tungan najis di Butterworth, semua jalan yang terlibat telah rosak dan kerja-kerja memperbaiki semula jalan-jalan didapati tidak memuaskan? Jika ya, bagaimanakah pihak yang berkenaan dapat memastikan semua jalan-jalan yang rosak itu diperbaiki dengan memuaskan?

- (2. *Is the State Government aware that after the implementation of the sewerage scheme project in Butterworth, all the roads affected have been damaged and repair work has not been satisfactory? If so, can the relevant authority ensure that all damaged roads are repaired satisfactorily?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, Kerajaan memang sedar masalah-masalah jalan yang rosak diakibatkan oleh pelaksanaan sistem pembe-tungan yang kita buat di Butterworth. Walau bagaimanapun, jalan-jalan itu akan dibaiki semula oleh kontraktor-kontrak-

tor ataupun pemaju-pemaju yang terlibat seperti prosedur yang kita selalu kenakan kepada semua pemaju ataupun kontraktor yang terlibat dengan soal kerosakan jalan ini iaitu yang pertama sekali pemaju ataupun kontraktor akan membaiki semula jalan-jalan selepas kerja-kerja kontrak mmereka selesai. Dan yang keduanya, jangkamasa yang dibenarkan ialah dalam masa 6 bulan tetapi di Butterworth kita lanjutkan sampai 12 bulan. Selepas kerja pembaikan selesai, maka satu pemeriksaan yang teliti akan dibuat oleh Jurutera Perunding dan juga Jabatan Kerja Raya sendiri dan kita tidak akan menerima jalan itu selagi kita tidak berpuashati dengan kerja-kerja pembaikan itu dan semua hal-hal ini akan diperhati dan diawasi dengan teliti oleh J.K.R. dan juga Jurutera Perunding.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, soalan ke 3:

3. Mengapakah jalan-jalan di kawasan perindustrian Mak Mandin dan Prai sentiasa di dalam keadaan buruk (berlopak dan tidak rata) walaupun seringkali dibaiki? Adakah ini disebabkan taraf pembinaan yang kurang (*poor construction standards*) atau adakah sebab-sebab lain? Bagaimanakah pihak yang berkenaan akan mengatasi masalah ini?
- (3. *Why are the roads in the Mak Mandin and Prai industrial areas always in a state of disrepair (pot-holes and uneven) although repair works are often carried out? Is this due to poor construction standards or are there other causes? How is the relevant authority resolving this problem?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, jalan-jalan di Kompleks Perindustrian Prai dan Mak Mandin adalah dalam keadaan buruk oleh kerana "*sub-grade*"nya bermutu rendah. Ini adalah kerana tapak asal tidak sesuai untuk digunakan oleh kenderaan berat. Kerja-kerja membaiki dijalankan untuk kegunaan lalulintas. Pembinaan jalan-jalan di kawasan yang buruk yang kurang baik adalah terlalu mahal dan kegagalan akan pasti berlaku.

Makmal kajidaya tanah sedang membuat penilaian tentang sistem yang sesuai untuk mengatasi masalah ini dan kerja-kerja membaiki akan dilaksanakan mengikut pandangan dan syor mereka apabila ada peruntukan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Siapakah pihaknya yang bertanggungjawab dalam masalah ini, pihak P.D.C. atau pihak J.K.R.?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tanggungjawab bersama.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, soalan ke 4:

4. Memandangkan kepada perlaksanaan pembinaan Pelabuhan North Terminal yang akan dilakukan tidak lama lagi, adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa rancangan untuk menempatkan semula penduduk dan setinggan-setinggan di kawasan tepi laut Kampung Gajah dan Kubang Buaya?

Jika ya, sila berikan penjelasan tentang rancangan tersebut. Jika tidak, adakah Kerajaan Negeri telah memastikan bahawa projek pelabuhan ini tidak akan menjejaskan penduduk di kawasan-kawasan tersebut?

- (4. *In view of the construction of the North Terminal Anchorage in the near future, does the State Government have any plans to resettle the people and squatters in the coastal areas of Kampong Gajah and Kubang Buaya? If so, please give details about the project. If not, has the State Government ensured that the terminal project will not affect the villagers in the area?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri tidak mempunyai rancangan untuk menempatkan semula setinggan-setinggan di kawasan Kampung Gajah dan Kubang Buaya. Penduduk-penduduk kampung tersebut tidak terlibat dengan projek Pengkalan Kontena Utara, Butterworth, kerana projek ini akan dibina atas tanah yang ditebusguna daripada sempadan persisiran pantai (*foreshore*) dan dasar laut (*seabed*).

Pembinaan Pengkalan Kontena Utara, Butterworth, ini tidak akan menjejaskan penduduk-penduduk kampung yang terdapat di kawasan tersebut. Sekiranya terdapat penduduk-penduduk setinggan yang terlibat, maka masalah penundahan

dan menempatkan semula akan menjadi tanggungjawab Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, soalan ke 5:

5. Berapakah jumlah peruntukan yang telah diberikan dalam tahun 1985 untuk maksud kerja-kerja menaikkan taraf jalan-jalan lama yang belum diambilalih oleh Kerajaan? Daripada jumlah tersebut berapa banyakkah yang diperuntukkan bagi kawasan Seberang Perai dan Bandar Butterworth? Sila senaraikan jalan-jalan di Butterworth yang telah dikenalpasti untuk diambilalih oleh Kerajaan.

- (5. *What is the allocation for 1985 for upgrading of old roads which have not been taken over by the Government? Out of the total allocation, how much have been set aside for Seberang Perai and Butterworth? Please give a list of roads in Butterworth that have been identified to be taken over by the Government.*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Sebanyak \$300,000.00 telah diperuntukkan bagi menaikkan taraf jalan untuk tahun 1985.

Dari jumlah tersebut \$160,000.00 adalah diperuntukkan bagi kawasan Seberang Perai dan Butterworth.

Jalan yang telah dikenalpasti untuk dinaikkan taraf dan diambilalih oleh Kerajaan ialah Jalan Mohd. Saad, Butterworth, akan tetapi memang ada lain-lain jalan yang belum diambilalih oleh pihak Kerajaan Negeri untuk penyelenggaraan dan di atas aduan-aduan dan kajian yang sedang dijalankan oleh pihak J.K.R. saya harap tidak lama lagi jalan-jalan yang kurang dari taraf Kerajaan dan yang gagal diambilalih pada masa yang dulu akan diambilalih untuk penyelenggaraan Kerajaan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Adakah sebanyak \$300,000.00 peruntukan ini dianggap sebagai cukup untuk menyelesaikan maksud iaitu kerja-kerja menaikkan taraf-taraf jalan-jalan yang lama. Jika tidak mencukupi bagaimana pihak Kerajaan akan mencadang untuk mengatasi masalah pada keseluruhannya?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, peruntukan ini adalah peruntukan kali yang pertama yang telah diperolehi untuk mengambilalih jalan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bagan Jermal dan kalau didapati peruntukan ini tidak cukup kelak, pihak Kerajaan akan menimbangkan peruntukan tambahan.

III. Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Hj. Shafie) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Hj. Shafie):

Tuan Speaker, soalan pertama:

1. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar tentang sebatang titi J.K.R. di Tasek Kachang Puri, Jalan Ara Kuda, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara, telah lama runtuh dan tidak dapat dilalui oleh kenderaan? Jika ya, bilakah titi tersebut akan diperbaiki?
- (1. *Is the Hon'ble Chief Minister aware that a J.K.R. bridge at Tasek Kachang Puri, Jalan Ara Kuda, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara, has collapsed a long time ago and is not possible to traffic? If so, when will the bridge be repaired?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, jambatan di Tasek Kachang Puri, Jalan Ara Kuda, Tasek Gelugor merupakan jambatan yang sangat tua. Usaha untuk memperbaikinya telahpun dijalankan tetapi oleh kerana jambatan ini agak teruk dan tidak dapat diperbaiki samasekali, pihak Ibu Pejabat J.K.R. telah menasihatkan supaya jambatan ini dirobohkan dan sebagai gantinya sebuah jambatan yang baru akan didirikan. Jambatan ini telahpun sampai ke peringkat kerja-ukur dan sebagainya. Jadi untuk sementara waktu sebuah jambatan "Bailey" akan disediakan bagi kemudahan penduduk-penduduk di sana.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Hj. Shafie):

Tuan Speaker, soalan ke 2:

2. Adakah pihak Jabatan Parit dan Taliair akan memperbaiki semula ban yang menghalang banjir ke Guar Petai oleh

kerana selepas Pihak Berkuasa Air memasang sesalur besar banjir selalu berlaku dan menyebabkan kawasan tanaman di Kampong Baru, Guar Petai dan Kampong Tok Jawa ditenggelami air?

- (2. *Will the Drainage and Irrigation Department repair the bund to prevent floods in Guar Petai because floods have frequently occurred in Kampong Baru, Guar Petai and Kampong Tok Jawa since the State Water Authority laid its mains in the area?*)

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, Pihak Berkuasa Air sedang memperbaiki semula ban-ban yang rosak. Satu kerja kontrak telah disediakan oleh Jabatan Parit dan Taliair untuk membaiki ban di sepanjang Sungai Kulim. Pada masa sekarang, tawaran tersebut masih di dalam pertimbangan Lembaga Tawaran Negeri dan selepas siapnya kerja projek ini, masalah banjir di kawasan tersebut akan dapat diatasi.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Haji Shafie):

Tuan Speaker, soalan ke 3:

3. Bilakah Pihak Berkuasa Air akan mengambil pekerja-pekerja baru untuk Empangan Mengkuang dan adakah keutamaan akan diberi kepada penduduk-penduduk tempatan?

- (3. *When will the State Water Authority recruit staff for its Mengkuang Dam and will priority be given to the local people?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah meluluskan pengujudan 40 jawatan bagi Projek Mengkuang, iaitu:

Jurutera	1
Juruteknik	2
Jurugagas Jentera	1
Drebar Jentera	4
Pekerja Rencan	4
Jaga	10
Buruh	18
Jumlah semuanya	40

Pengambilan pekerja-pekerja baru ini akan dibuat secepat yang mungkin, dan dalam soal pengambilan pekerja-pekerja ini memanglah akan diberi keutamaan kepada mereka yang terlibat dengan pengambilan tanah untuk projek Mengkuang ini. Walau macam manapun perkara ini masih tertakluk kepada pergerakan dan kebolehan calon-calon yang tersebut.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Hj. Shafie):

Tuan Speaker, soalan ke 4:

4. Apakah langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan yang beragama Islam Negeri ini memberi sumbangan kepada Tabung Amal Jariah yang dianjurkan oleh Kerajaan Pusat?

- (4. *What steps have been taken by the State Government to encourage its Muslim employees and Government officers to contribute towards the Jariah Welfare Fund sponsored by the Federal Government?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah meminta kerjasama Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan serta Badan-badan Berkanun untuk menggalakkan kakitangan yang beragama Islam memberikan sumbangan kepada Tabung Amal Jariah.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Hj. Shafie):

Tuan Speaker, soalan ke 5:

5. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaikkan taraf Kadi dan Pegawai-pegawai Kanan di Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam yang telah lama berkhidmat di Negeri ini?

- (5. *Does the State Government intend to upgrade the posts of Kadi and senior officers with long service in the State Religious Affairs Department?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, Kerajaan Memang berhasrat untuk menaikkan taraf kadi yang telah lama berkhidmat dan juga pegawai kanan di Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam. Langkah-langkah berkaitan dengannya sedang diambil dan disediakan.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Hj. Shafie):

Tuan Speaker, soalan ke 6:

6. Apakah Kerajaan Negeri bercadang akan memberi kuasa kepada Majlis Ugama Islam meminjamkan wang untuk mengembangkan taraf ekonomi orang Islam memandangkan Majlis berkenaan adalah satu badan yang boleh memainkan peranan memajukan sesebuah projek di atas tanah-tanah wakaf? Adakah pinjaman ini daripada badan luar atau usahasama dengan agensi Kerajaan dan swasta mengikut keadaan Islam?

- (6. *Does the State Government plan to empower the Muslim Religious Council to borrow money to improve the economic status of the Muslims in view of the fact that the Council is a body which can develop the Muslim burial grounds (tanah wakaf)? Will such a loan be from the body itself or join with a Government agency or the private sector in accordance with Islamic teachings?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, Majlis sedang meminda Undang-undang Pentadbiran Ugama Negeri Pulau Pinang, iaitu Bil. 3 Tahun 1959 dengan mengadakan seksyen-seksyen untuk memberi kuasa kepada Majlis Ugama Islam untuk meminjam dari sumber-sumber kewangan daripada badan-badan, dan juga untuk membolehkan Majlis Ugama Islam menubuhkan anak-anak syarikat. Seksyen-seksyen yang berkaitan ialah 7(a), 7(b) dan 7(c) yang sedang dikemukakan untuk kelulusan Kerajaan.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Hj. Shafie):

Tuan Speaker, soalan ke 7:

7. Berapakah bilangan Keramat yang dipuja oleh orang-orang Islam sebagai amal kurafat yang ditegah oleh Islam selain daripada Bukit Chenana yang mana telahpun diambil tindakan oleh Kerajaan?

- (7. *What is the number of shrines worshipped by Muslims but condemned by Islam apart from the shrine on Bukit Chenana against which the State Government has already taken action?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, tidak ada bangunan keramat selain dari Bukit Chenana yang diambil tindakan oleh Kerajaan.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Hj. Shafie):

Tuan Speaker, soalan ke 8:

8. Bagaimanakah percubaan ternakan ikan siakap di Sungai Prai? Adakah telah berjaya atau tidak? Jika ya, adakah ianya akan ditambah lagi?

- (8. *What is the progress of the pilot project breeding siakap fish in the Prai River? Has it been successful? If so, will there be more of such projects?*)

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, kemajuan percubaan ternakan ikan siakap di dalam Sungai Perai yang dimulakan sejak bulan November 1984 yang lalu sangatlah memuaskan. Walau bagaimanapun, kejayaan sebenar akan dapat diketahui apabila projek ini mula berhasil, iaitu pada bulan Ogos, 1985. Jika ianya berjaya, sudah tentulah projek ini akan ditambah dan diperkembangkan ke kawasan lain yang sesuai.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bolehkah Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Sungai Dua beritahu berapa banyak wang peruntukan yang diperuntukkan untuk projek ini?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Peruntukan adalah sebanyak \$18,000.00

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Shafie):

Tuan Speaker, soalan ke 9:

9. Adakah pihak yang berkenaan akan melepaskan lagi anak-anak udang galah ke dalam Sungai Perai sebagai tambahan kerana percubaan yang dilakukan telah berhasil mengikut pengakuan dari penangkap-penangkap udang di kawasan berkenaan?

- (9. *Will the relevant authority relevant*

more tiger prawn fry into the Prai River because the pilot project has been successful as acknowledged by the people in the area?)

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, kita telah melepaskan sebanyak 140,000 ekor benih udang galah di Sungai Perai dan projek ini akan diteruskan dari masa ke semasa, tertakluk kepada bekalan benih udang galah yang akan kita perolehi daripada Instituti Penyelidikan Perikanan Malaysia, Glugor.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Saya ingin tahu adakah rancangan untuk melepaskan anak-anak udang galah ini di kawasan Telok Bahang?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, kita akan timbangkan.

IV. Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli) bertanya kepada Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan saya yang pertama.

1. Adakah Kerajaan Negeri menghadapi kegagalan atau tergendala dengan kerja-kerja menyiapkan projek perumahan kos rendah Kerajaan? Adakah diharapkan agar projek-projek tersebut dapat disiapkan seperti dijadualkan.

- (a) Apakah punca dan sebab-sebabnya perkara ini boleh berlaku?
- (b) Berapakah jumlah unit yang terlibat dan nilainya?
- (c) Di kawasan-kawasan manakah? Sila sebutkan mengikut daerah.

(1. *Does the State Government encounter problems and delays in its low-cost housing projects? It is hoped that the such projects can be completed on schedule.*

- (a) *What are the causes for these problems and delays?*
- (b) *How many units are involved? What is the value of such units?*

(c) Where are these projects located according to districts?)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Pada keseluruhannya pelaksanaan projek-projek perumahan kos rendah Rancangan Malaysia Keempat berjalan lancar mengikut jadual yang ditetapkan kecuali dua buah projek di mana sedikit kelewatan telah berlaku. Yang pertama ialah di Permatang Damar Laut, di Daerah Barat Daya, di mana jumlah unit yang terlibat ialah sebanyak 216. Sebab berlaku kelewatan dalam pelaksanaan projek ini ialah kerana masalah setinggan. Walau bagaimanapun, masalah ini telahpun diselesaikan dan tawaran bagi projek ini akan dibuat tidak lama lagi.

Kedua, projek di Seberang Jaya, Daerah Seberang Perai Tengah, di mana jumlah unit yang terlibat ialah sebanyak 304 dan projek ini tidak dapat disiapkan dalam waktu yang ditetapkan kerana beberapa masalah di luar kawalan kontraktor. Walau bagaimanapun, ianya dijangkakan siap pada tahun ini.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan saya bahagian (b) berkenaan jumlah nilainya belum dijawab.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, butir-butir akan dikemukakan kepada Yang Berhormat Ahli Kawasan Kubang Semang nanti.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan ke 2:

2. Adakah unit-unit perumahan kos rendah yang telah siap tetapi belum didiami?

- (a) Sebutkan jumlah unit mengikut daerah.
- (b) Sila jelaskan apakah sebab-sebabnya dan tujuan unit-unit tersebut dikosongkan?

(2. *Are there low-cost housing units which have been completed but not yet occupied?*

- (a) *State the number of units according to districts.*

(b) Please explain why these units have not been occupied?)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, jawapan kepada soalan kedua ialah bilangan unit yang dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketiga tetapi belum didiami mengikut daerah adalah seperti berikut:-

(i) Daerah Timur Laut	21 unit
(ii) Daerah Barat Daya	1 unit
(iii) Daerah Seberang Perai Utara	25 unit
(iv) Daerah Seberang Perai Tengah	1 unit
(v) Daerah Seberang Perai Selatan	24 unit
Jumlah:	72 unit

Rumah-rumah tersebut akan diperuntukkan tidak lama lagi.

Sebab-sebab rumah tersebut masih kosong ialah:

- (i) pemohon-pemohon yang berjaya tidak hadir mengundi untuk unit;
- (ii) peruntukan dibatalkan kerana pemohon-pemohon yang berjaya memberi maklumat palsu; dan
- (iii) unit-unit kosong di rancangan perumahan kos rendah adalah seperti ditunjukkan dalam jadual 1.

Dan bagi item (i), ada 29 unit, item (ii), 12 unit dan item (iii), 31 unit.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan ke 3:

3. Berapakah jumlah jalan di Negeri ini yang telah dinaikkan taraf dan ditar? Sila sebutkan kawasannya mengikut daerah.
- (3. *How many roads in the State have been upgraded and tarred? Please state their locations according to district.*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1981-85), projek-projek yang melibatkan sejumlah 299.0 km jalan kampung

telah dinaikkan taraf dan diturap dengan tar. Jumlah perbelanjaan yang terlibat ialah \$9,422,403.49, manakala dalam tahun 1985 pula sejumlah \$1.75 juta akan dibelanjakan bagi menaikkan taraf serta menurap tar jalan kampung sepanjang 47 km. Panjang jalan dan jumlah yang dibelanjakan mengikut daerah dalam tempoh 1981-84 adalah seperti berikut:-

	Perbelanjaan \$	Jumlah Projek	Panjang Km
SPU	4,379,780.00	325	128.0
SPT	2,205,377.00	181	72.4
SPS	844,138.00	117	39.1
DBD	1,552,971.00	154	46.1
DTL	440,135.00	59	13.3

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Saya ingin tahu di Daerah Barat Daya adakah termasuk Jalan Telok Tempoyak dan adakah akan dinaikkan taraf oleh sebab penduduk-penduduk di sana minta supaya jalan ini dinaikkan taraf supaya bas dapat masuk ke sana?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, saya minta tempoh untuk mengkaji. Saya yakin projek ini memang ada di dalam senarai akan tetapi bila peruntukan ini akan diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan atau tertakluk kepada keadaan kewangan.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Di Seberang Perai Tengah, projek yang telah diluluskan ialah sebanyak \$2.2 juta lebih dan projeknya sebanyak 181 projek. Adakah ini termasuk jalan tanah merah ke Permatang Nibong?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, projek yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat memang telah dimasukkan di dalam senarai ini akan tetapi untuk saya menentukannya saya akan mengkaji semula.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan tambahan lagi: Projek tanah merah di Permatang Nibong ini sudah 3 tahun dan telah dijawab di dalam Dewan yang mulia ini banyak kali, tetapi sehingga kini belum

ada tindakan dilaksanakan lagi. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa ini adalah satu projek yang mustahak dan bilakah akan ditarkan. Saya harap ianya akan ditarkan dengan seberapa segera jika Yang Berhormat dapat mengkaji dan menelitinya.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, jumlah perbelanjaan yang dijangkakan adalah begitu besar dan pihak Kerajaan Negeri telahpun mengemukakan rayuan kepada Kerajaan Pusat untuk mendapatkan wang ini dan saya akan cuba kemukakan rayuan ini. Saya percaya tidak lama lagi peruntukan ini akan didapati.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan : Saya minta jaminan daripada Yang Berhormat supaya projek ini dilaksanakan.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, saya akan cuba.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan ke 4:

4. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengkaji semula kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang mana terlalu luas serta tidak dapat memberi perkhidmatan yang memuaskan terutama di kawasan luar bandar?

- (4. *Does the State Government intend to review the area under the jurisdiction of the Municipal Councils Penang Island and Province Wellesley as the areas are large and the Councils have not been able to provide satisfactory services especially in the rural areas?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, buat masa ini Kerajaan belum lagi bercadang mengkaji semula kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan ke 5:

5. Adakah penuntut-penuntut yang mendapat biasiswa Kerajaan Negeri Pulau

Pinang yang telah tamat pengajian mereka tetapi belum lagi mendapat pekerjaan? Jika ada, sila berikan:

- (a) jumlah penuntut yang tamat di peringkat ijazah;
- (b) jumlah penuntut yang tamat di peringkat diploma; dan
- (c) jumlah penuntut yang tamat di institusi-institusi lain seperti politeknik atau institut-institusi pertanian.

- (5. *Are there State scholars who have completed their education but are unemployed? If so, please state:-*

- (a) *the number of scholars who have completed their degree courses;*
- (b) *the number of scholars who have completed their diploma courses; and*
- (c) *the number of scholars who have completed their courses at institutions such as polytechnic or agricultural institutions?)*

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, ya. Jumlah di peringkat ijazah adalah 18 orang. Jumlah di peringkat diploma adalah seorang. Lain-lain tiada.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah penuntut-penuntut yang diberi pinjaman oleh Kerajaan Negeri untuk pelajaran lanjutan dan selepas mengakhiri pelajaran belum lagi membayar balik apa yang dipinjamkan?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, itu soalan lain.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Soalan tambahan, Tuan Speaker : Saya mengenali seorang penuntut yang keluar dari institusi tetapi belum lagi mendapat kerja dan saya minta Yang Amat Berhormat supaya penuntut ini dapat diberi pekerjaan kerana beliau telah mendapat biasiswa Kerajaan Negeri.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, sesungguhnya ini soalan lain.

tetapi jika Yang Berhormat boleh bawa perkara ini kepada pihak yang berkenaan, saya harap kita boleh selesaikan.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan ke 6:

6. Memandangkan penyakit sosial yang sedang merebak jadi terutama sekali penglibatan kalangan belia dalam penagihan dadah, untuk mengelakkan-nya, usaha-usaha dan kegiatan-kegiatan belia perlu dipertingkatkan dan diperbanyakkan. Adakah Kerajaan Negeri bercadang akan menambah peruntukan bagi belia?

(6. *In view of the increasing social problems especially drug addiction among youths, there should be more youth activities and programmes. Does the State Government intend to increase the financial allocation for youth programmes?*)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri dan Jabatan Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri memang sentiasa memberi dorongan kepada pertubuhan-pertubuhan belia dan sukarela di negeri ini supaya meningkatkan kegiatan-kegiatan mereka bagi mengurangkan penyakit sosial di kalangan masyarakat belia. Bantuan-bantuan untuk sambutan hari dan minggu belia, kursus kepimpinan, khemah kerja, kursus sivik, rancangan belia berniaga, rancangan belia peladang, kursus perpaduan dan latihan membina semangat telahpun disediakan untuk menggalakkan lebih banyak lagi aktiviti belia dan sosial yang sihat di kalangan ahli-ahli Pertubuhan Belia.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Ramli):

Soalan tambahan, Tuan Speaker : Adakah Kerajaan Negeri bercadang hendak menambahkan peruntukan yang sedia ada?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tuan Speaker, peruntukannya ada, mengikut rancangan yang sedang kita rancang.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Soalan tambahan, Tuan Speaker : Berapa banyak yang akan disediakan?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tuan Speaker, kita sedang menyusun satu program untuk meminta Kerajaan Negeri memberi pertimbangan dan peruntukan ini lebihkurang \$100,000.00 dan kita jangka bila kita kemukakan kita akan mendapat sokongan ataupun mendapat pertimbangan.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Soalan tambahan, Tuan Speaker : Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa penglibatan belia dalam kegiatan ini seperti yang dikatakan itu amatlah besar? Bagi saya, kalau setakat \$100,000.00 itu memang tidak cukup demi untuk membanyakkan kegiatan belia yang dirancang tadi.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tuan Speaker, sebagai permulaan itulah rancangan kita. Sekiranya didapati perlu ditambah maka kita akan usahakan untuk menambahkan peruntukan ini.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan ke 7:

7. Adakah Kerajaan Negeri bercadang akan mengadakan padang permainan di tiap-tiap KADUN?

(7. *Does the State plan to have playing fields in every State Constituency?*)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tuan Speaker, jawapannya ya, objektif utama Majlis-majlis Perbandaran di sini adalah mengadakan seberapa banyak padang permainan yang boleh terutamanya di kawasan kediaman. Pemilihan tapak yang sesuai adalah bergantung kepada tempat dan tanah.

Sejajar dengan objektif ini, pemaju-pemaju rancangan perumahan diminta menguntukkan kira-kira 10% tanah untuk padang permainan.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Soalan tambahan, Tuan Speaker : Bagi KADUN yang tidak mempunyai rancangan perumahan, bagaimana pula?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tuan Speaker, kita akan cuba untuk men-

dapatkan padang permainan bagi kawasan ADUN.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan ke 8:

8. Memandangkan perusahaan pemeliharaan ikan air tawar mempunyai potensi yang baik di Negeri ini, adakah Kerajaan Negeri bercadang akan memperbanyakkan lagi ternakan ikan air tawar dan memulihkan semua kolam ikan yang sedia ada?

(8. *In view of the potentials of the freshwater fish breeding industry in the State, does the State Government intend to increase the number of such projects and improve all existing ponds?*)

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, jawapannya ialah ya, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak \$10,000.00 pada tahun 1985 untuk maksud pemulihan kolam-kolam ikan air tawar yang sedia ada. Melalui Kerajaan Pusat kita telah mendapatkan peruntukan sebanyak \$120,000.00 pada tahun ini bagi usaha-usaha penternakan ikan air tawar dan membina kolam-kolam baru.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Soalan tambahan, Tuan Speaker : Adakah Kerajaan Negeri menyediakan benih-benih yang cukup terutama sekali ikan keli?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, jenis ikan air tawar yang boleh kita sediakan ialah jenis ikan sepat siam, ikan lampam jawa, ikan kap rumput dan kap kepala besar.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Soalan tambahan, Tuan Speaker : Memandangkan ikan keli adalah ikan yang menjadi *demand* sekarang ini, adakah Kerajaan ataupun Yang Berhormat dapat memberi jaminan bahawa benih ikan keli akan disediakan kepada pemelihara-pemelihara ikan?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, kita memang sedar bahawa

ramai di antara penternak-penternak kita yang berminat untuk memelihara ikan keli dan kita sedang berusaha untuk mendapatkan benih-benih ikan keli ini daripada pihak-pihak yang tertentu.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan yang ke 9:

9. Berapa luaskah sawah telah ditambun dengan tanah di Negeri ini? Sebutkan mengikut daerah dan apakah tindakan telah diambil oleh Pihak Berkuasa Negeri?

(9. *What is the area of padi land which has been filled with earth in the State? State according to district and what action has been taken by the State Authority?*)

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, sejumlah lebihkurang 32 ekar tanah sawah telah ditambun dan kawasan-kawasan yang terlibat adalah berikut:-

Di Kawasan Seberang Perai Utara — 12 ekar
Di Kawasan Seberang Perai Tengah — 20 ekar

Notis telahpun dikeluarkan kepada tuan-tuan tanah berkenaan seperti mengikut Ordinan Kawasan-kawasan Pengairan Tanah 1953 (Bil. 31 Tahun 1953) di bawah Seksyen 5(4) dan (5).

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Soalan tambahan, Tuan Speaker : Setakat ini apakah tindakan berkesan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, seperti yang saya kata, mula-mula notis telah dikeluarkan dan pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan dalam perkara itu.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Soalan tambahan, Tuan Speaker : Adakah pihak yang berkuasa pernah mengheret atau mendakwa orang-orang yang melanggar undang-undang ini di mahkamah?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, saya minta notis dan saya boleh jawab terus kepada Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan ke 10:

10. Adakah Kerajaan Negeri akan bertolak ansur serta memberi pertimbangan untuk memberi kelulusan terhadap permohonan-permohonan menukar syarat kegunaan tanah pertanian kepada perumahan?)

(10. Will the State Government relax its conditions for approval of applications for change of land use from agriculture to housing?)

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri tatkala meluluskan permohonan tukarsyarat tanah pertanian ke perumahan akan mempertimbangkan sokongan daripada jabatan-jabatan teknikal dan juga Pemungut Hasil Tanah akan mengambil perhatian perkara-perkara berikut:-

- i) Mengawal corak pembangunan supaya tidak menjejaskan perancangan pelebaran kawasan perbandaran dan keupayaan Majlis memberi perkhidmatan yang memuaskan.
- ii) Menentukan supaya sumber-sumber air tidak tergugat dan tidak akan menyebabkan berlakunya banjir.
- iii) Tidak akan menyebabkan berlakunya pencemaran dan hakisan.
- iv) Tidak akan menjejaskan dengan ketara pengeluaran hasil pertanian.
- v) Mengawal berlakunya spekulasi penjualan tanah yang mungkin akan meningkatkan harga rumah.
- vi) Memastikan tanah yang ditukar syarat ini akan dimajukan dengan mempunyai rumah-rumah kos rendah dan sederhana dengan tujuan mengujudkan konsep masyarakat berintegrasi dan juga selaras dengan prinsip Dasar Ekonomi Baru.

Oleh itu, Kerajaan tidaklah boleh bertolak ansur sangat untuk meluluskan permohonan tukar syarat tanah pertanian ke perumahan.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan yang ke 11:

11. Bilakah rancangan perumahan kos rendah di Kubang Semang yang telah diluluskan itu akan dimulakan?

(11. When will the low-cost housing project

in Kubang Semang which has already been approved begin?)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, projek perumahan di Kubang Semang dirancang untuk dilaksanakan secara pengswastaan di mana penender yang berjaya dalam projek itu akan membina rumah dengan menggunakan sumber kewangannya sendiri. Pelaksanaan-nya dijangka pada penghujung tahun ini.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa perkara ini telah lama diluluskan dan terbengkalai dan masalah tanah telahpun selesai dan menjadi idaman dan buah mulut penduduk-penduduk di situ. Mengapakah Kerajaan Negeri melambatkan-lambatkan projek ini dan bilakah sebenarnya dapat dimulakan oleh swasta?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, pada mulanya Kerajaan Negeri merancang untuk melaksanakan projek ini di bawah Rancangan Malaysia Kelima melalui sumber-sumber pinjaman dari Kerajaan Persekutuan, tetapi memandangkan keadaan ekonomi negara yang meleset di dalam tempoh itu maka peruntukan pinjaman tidak dapat diluluskan bagi projek ini.

Tuan Speaker, sebidang tanah seluas 5.4 ekar telah diambilalih oleh Kerajaan pada 15 Februari, 1983 dengan bayaran harga sebanyak \$632,487.00 telah dibuat. Akan tetapi oleh kerana kedudukan kewangan yang tidak begitu baik projek tersebut telahpun dirancang untuk dilaksanakan secara pengswastaan.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Soalan tambahan, Tuan Speaker : Saya faham dengan keadaan kewangan, tetapi adakah Kerajaan sedar bahawa satu pun rancangan perumahan tidak ujud di kawasan Kubang Semang di bawah Rancangan Malaysia Keempat?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, pihak Kerajaan akan mengambil perhatian.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan ke 12:

12. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa pasar-pasar persendirian yang ada sekarang ini tidak mencerminkan dasar DEB? Jika ya, adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk mengambilalih dan membangunkannya?

(12. *Is the State Government aware that existing private markets do not reflect the New Economic Policy? If so, does the State Government have any plan to take over the markets?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, sebenarnya pasar-pasar persendirian ini telah lama ujud. Buat masa ini Kerajaan Negeri belum lagi bercadang untuk mengambil alih pasar-pasar tersebut. Walau bagaimanapun, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menambahkan lagi kemudahan-kemudahan pasar awam secara *centralisation* untuk mengatasi masalah kesesakan dan sebagainya.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Di samping tidak mematuhi Dasar Ekonomi Baru dan juga pasar-pasar ini sungguh uzur, kebersihan tidak terjamin dan saya minta Kerajaan Negeri akan memberi jaminan untuk memperbaiki keadaan ini.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, perkara ini akan diberi perhatian yang serious.

(V) Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo) bertanya kepada Ketua Menteri:-

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tuan Speaker, soalan yang pertama:

1. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa tangki air di Blok A, Kampong Melayu didapati berkarat telah beberapa lama dan baru-baru ini seramai 8 orang penghuni di situ telah membuat aduan tentang air yang dibekalkan itu mengandungi karat? Jika ya, adakah pihak yang berkenaan akan mengganti atau membersihkan tangki air tersebut?

- (1. *Is the Hon'ble Chief Minister aware that the water tank in Block A, Kampong Melayu is rusty and has been so for some time and that 8 occupants in the flats have recently lodged complaints that their water supply contains rust? If so, will the relevant authority replace or clean the tank?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, siasatan ke atas tangki air di Blok A, Kampong Melayu, telahpun selesai dijalankan dan kerja memperbaiki tangki itu akan dibuat pada akhir bulan ini.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tuan Speaker, soalan ke 2:

2. Apakah projek-projek pembangunan yang telah disiapkan di Kawasan Paya Terubong di bawah Rancangan Malaysia Keempat?
- (2. *What are the development projects that have been completed in Paya Terubong under the Fourth Malaysia Plan?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, projek-projek pembangunan yang telah disiapkan di kawasan Paya Terubong di bawah Rancangan Malaysia Keempat ialah seperti berikut:

- (i) Jalan Tun Sardon (Jalan Balik Pulau – Air Itam/Relau Road)
- (ii) Melebarkan jambatan di Jalan Thean Teik.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tuan Speaker, soalan ke 3(a), (b) dan (c):-

3. (a) Bilakah dua blok rumah pangsa yang baru saja siap dibina di Paya Terubong yang terletak berhampiran dengan rumah panjang itu akan diperuntukkan kepada pemohon-pemohon yang layak?
- (b) Adakah Kerajaan akan menetapkan tingkat bawah sebagai balai rakyat?
- (c) Adakah keutamaan akan diberi kepada penduduk-penduduk di rumah panjang memandangkan

mereka dipindahkan ke situ disebabkan tempat tinggal asal mereka diambilalih oleh Kerajaan untuk projek pembangunan?

- (3. (a) *When will the two blocks of flats completed recently in Paya Terubong and located close to the long house be allocated to eligible applicants?*
- (b) *Will the Government reserve the ground floor for use as a community hall?*
- (c) *Will priority be given to occupants of the long house in view of the fact that they were resettled there because their land had been acquired by the Government for development projects?*

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, peruntukan 2 blok rumah pangsa kos rendah sebanyak 80 unit di Paya Terubong akan dibuat tidak berapa lama lagi.

Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan mengadakan kemudahan-kemudahan sosial di semua rancangan perumahan kos rendah, dan cadangan Yang Berhormat itu akan diambil perhatian.

Kerajaan akan memberi pertimbangan yang wajar kepada penghuni-penghuni tersebut.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tuan Speaker, soalan ke 4:

4. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar tentang keadaan tepi jalan di hadapan S.R.J.K. (C) Kong Ming (Pusat) di Jalan Air Itam hingga ke pekan Air Itam dalam keadaan buruk? Jika ya, adakah ianya akan diperbaiki dan ditarkan semula?
- (4. *Is the Hon'ble Chief Minister aware of the damaged side-walks in front of S.R.J.K. (C) Kong Ming (Central) in Jalan Air Itam up to Air Itam town? If so, will repairs and re-surfacing be carried out?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tindakan sedang diambil sekarang untuk

melaksanakan projek ini yang dijangka siap tidak berapa lama lagi.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tuan Speaker, soalan ke 5:

5. Adakah pihak yang berkenaan telah diarah mengecat semula pusat penjaja di pekan Air Itam?
- (5. *Has the relevant authority been directed to give the hawker stalls at Air Itam town a fresh coat of paint?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, kompleks gerai-gerai di Ayer Itam akan dicat semula sebaik-baik sahaja pengecatan semula Pasar Ayer Itam yang mana telah bermula tahun lalu itu siap.

(VI) Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Kooi Sneah) bertanya kepada Ketua Menteri:

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Kooi Sneah):

Tuan Speaker, soalan pertama:

1. Memandangkan kepada pelancaran Kajian Pelan Struktur Seberang Perai baru-baru ini, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini:-
- (a) Sejauh manakah pelan struktur ini akan memberi faedah kepada penduduk-penduduk di Seberang Perai khususnya di Daerah Seberang Perai Selatan?
- (b) Apakah pelan struktur yang telah disediakan bagi Daerah Daerah Seberang Perai Selatan?
- (c) Adakah dalam tempoh kajian ini akan mengganggu dan melambatkan kelulusan permohonan projek-projek pembangunan di Seberang Perai?
- (d) Berapa lamakah tempoh kajian ini dijalankan dan berapakah kesemua perbelanjaan yang akan terlibat?
- (e) Siapakah yang membiayai projek ini?
- (1. *In view of the implementation of the Province Wellesley Structural Plan Survey can the Hon'ble Chief Minister inform this House:-*

- (a) *to what extent will the structural plan benefit the people in Province Wellesley especially those people in Province Wellesley South;*
- (b) *what is the structural plan that has been drawn up for Province Wellesley South;*
- (c) *will this period of survey disrupt and delay the approval of development projects in Province Wellesley;*
- (d) *how long will this survey be and what is the cost involved; and*
- (e) *who will bear the cost for the project?*

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, Kajina Pelan Struktur Seberang Perai melibatkan ketiga-tiga daerah di Seberang Perai. Pelan Struktur akan dibentuk di bawah Peruntukan D, Akta Perancang Bandar dan Desa, dan akan berpanduan kepada dasar-dasar Perancangan Bandar yang cuba

- (i) mengujudkan persekitaran yang harmoni dan sesuai untuk didiami bagi rakyat;
- (ii) menghasilkan kesejahteraan hidup dengan membekalkan keperluan dan kemudahan asas yang cukup; dan
- (iii) menentukan bahawa penggunaan, kemajuan dan pemeliharaan tanah akan bersesuaian dengan keperluan penduduknya.

Jawapan saya kepada bahagian (b), untuk maklumat Yang Berhormat pelan yang telah disediakan bagi Daerah Seberang Perai Selatan sebenarnya bukan Pelan Struktur. Kajian ini adalah Pelan Pembangunan Interim (*or guideline plan*) dan dikenali sebagai 'Kajian Seberang Perai Selatan'. Ianya tidak terikat kepada Akta Perancang Bandar dan Desa 1976.

Jawapan saya bagi bahagian (c), kajian ini tidak akan mengganggu atau melambatkan kelulusan permohonan.

Bagi bahagian (d), kajian ini akan memakan masa selama dua tahun dan anggaran perbelanjaan ialah sebanyak sekurang-kurangnya \$1.5 juta.

Dan bagi menjawab bahagian (e), Majlis Perbandaran Seberang Perai akan membiayai Kajian Pelan Struktur Seberang Perai dengan sumbangan kakitangan daripada Jabatan Peran-

cang Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Kooi Sneah):

Tuan Speaker, soalan ke 2:

2. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar dengan kenaikan kadar bayaran cukai tanah di Negeri Pulau Pinang telah menimbulkan bebanan yang lebih berat ke atas rakyat lebih-lebih lagi dalam masa kemerosotan ekonomi dan ini meruncingkan lagi kesulitan dan kesusahan orang ramai khususnya mereka yang berpendapatan rendah di mana kena menanggung kenaikan bayaran yang berganda? Jika ya, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengkaji semula kenaikan ini? Adakah pembayar-pembayar cukai ini diberi peluang untuk membuat rayuan atas sebab-sebab yang tertentu?

- (2) *Is the Hon'ble Chief Minister aware that the increase in quit-rent in Penang has increased the burden of the people especially in these times of economic recession and this has caused problems and hardship to the people, especially those in the lower-income group? If so, will the State Government review the increase? Are the rate-payers given an opportunity to appeal on specific grounds?*

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Pihak Kerajaan Negeri sedar bahawa kenaikan kadar bayaran cukai tanah di Negeri Pulau Pinang sedikit sebanyak akan menimbulkan bebanan kepada rakyat. Walau bagaimanapun, kadar bayaran tersebut hanyalah merupakan kadar yang sederhana di Semenanjung Malaysia. Jika dibandingkan dengan keadaan semasa kenaikan tersebut dianggap tidaklah begitu tinggi. Kenaikan ini adalah dibuat sedemikian dengan tujuan tidak membebankan sangat terutamanya kepada kumpulan yang berpendapatan rendah dan tuan-tuan tanah di kawasan luar bandar. Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengkaji semula kenaikan ini kerana kenaikan ini melibatkan seluruh negeri di Semenanjung. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan menimbang kes-kes yang berkecualan untuk diberi pengurangan.

Tuan Speaker, Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Rayuan

untuk mendengar rayuan-rayuan daripada tuan-tuan tanah yang tidak berpuashati.

(VII) Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad) bertanya kepada Ketua Menteri:

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan pertama:

1. Adakah Kerajaan sedar tentang jalan tanah merah yang dibina di Kampong Genting ke Pulau Betong, Jalan Permatang Tengah dan jalan ke Pondok Upeh dari Pinang Nirai telah berlopolop dan tidak rata permukaan jalan akibat hakisan dan menyebabkan jalan ini sukar dilalui oleh kenderaan? Bilakah jalan-jalan ini hendai dibaiki dan adakah cadangan untuk ditarkan?

(1. *Is the Government aware that the earth roads from Kampong Genting to Pulau Betong, Jalan Permatang Tengah and from Pinang Nirai to Pondok Upeh are filled with pot-holes and uneven as a result of erosion and this has caused difficulties for vehicles to use the roads? When will these roads be repaired and is there any plan for tarring?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Jabatan Kerja Raya telah menyediakan program untuk membaiki Jalan Genting Pulau Betong, Jalan Permatang Tengah dan Jalan Pondok Upeh — Padang Nirai. Kerja-kerja membaiki adalah dijadualkan pada bulan Jun tahun ini (1985). Rancangan untuk mengetarkan jalan-jalan tersebut telahpun dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kelima dan kerja-kerja akan dilaksanakan apabila peruntukan diterima.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Siapakah yang bertanggungjawab menyelenggarakan supaya jalan-jalan ini senantiasa berkeadaan baik dan bersih?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Kerja Raya untuk menjalankan penyelenggaraan jalan-jalan ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Tidakkah Kerajaan sedar semenjak jalan-jalan ini dibina sehingga hari ini belum sekalipun kita nampak pihak Jabatan Kerja Raya mengambil tindakan sedemikian?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Saya akan mengkaji perkara ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ke 2:

2. Berapakah jumlah bilangan jentera berikut yang dimiliki oleh Jabatan Pertanian dan boleh digunakan di seluruh Negeri Pulau Pinang sehingga tahun 1984 seperti berikut:-

- (i) traktor berat 4 roda; dan
- (ii) traktor ringan 2 roda?

- (2. *How many units of the following vehicles are owned by the Agriculture Department and which can be used for the whole State of Penang as at 1984:-*

- (i) four-wheeled heavy tractor; and
- (ii) two-wheeled light tractor?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, bilangan jentera pembajak yang dimiliki oleh Jabatan Pertanian Pulau Pinang dan yang boleh digunakan pada akhir tahun 1984 adalah seperti berikut:-

- (a) Jentera Pembajak 4 roda — 19 buah
- (b) Jentera Pembajak 4 roda — 24 buah

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Soalan tambahan : Adakah bilangan yang sedemikian ini mencukupi untuk Kerajaan memberi bantuan kepada petani miskin mengikut dasar Kerajaan untuk meninggikan taraf mereka itu?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, di samping jentera-jentera yang disediakan oleh pihak Jabatan Pertanian, para petani sendiri juga mempunyai jentera pembajak. Bilangan jentera pembajak yang disediakan oleh Jabatan Pertanian merupakan sebagai bantuan tambahan kepada jentera-jentera pembajak yang dimiliki oleh para petani.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ke 3:

3. Bagaimanakah bentuk pembahagian jentera-jentera ke Jabatan Pertanian Daerah di Negeri Pulau Pinang serta bilangannya mengikut daerah:-

- (i) Daerah Seberang Perai Utara
- (ii) Daerah Seberang Perai Selatan
- (iii) Daerah Seberang Perai Tengah
- (iv) Daerah Barat Daya

- (3. *What is the distribution of machinery of the Agriculture Department and the number according to the following district:-*

- (i) *Province Wellesley North district;*
- (ii) *Province Wellesley South district;*
- (iii) *Province Wellesley Central district;*
- (iv) *South-West district?*

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, pembahagian jentera pembajak ke daerah-daerah dalam Negeri Pulau Pinang adalah berdasarkan kepada keperluan kegunaan bagi satu-satu masa dan biasanya bilangan jentera di daerah-daerah bergantung kepada kawasan projek-projek yang memerlukan bajakan. Ketutamaan akan diberi kepada kawasan-kawasan di bawah program pemulihan tanah terbiar.

Pembahagian jentera-jentera pembajak mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Daerah	Bilangan Jentera	
	4 roda	2 roda
a) Seberang Perai Utara	9	9
b) Seberang Perai Selatan	2	3
c) Seberang Perai Tengah	7	9
d) Barat Daya	—	3
e) Pusat Pertanian Relau	1	—

Bagi Daerah Timur Laut tidak dibekalkan sebarang jentera oleh kerana tidak ada sawah ataupun bendang di kawasan itu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ke 4:

4. Berapakah jumlah permohonan untuk menukar milik rumah kos rendah Kerajaan yang telah dikemukakan dan jumlah yang telah diluluskan hingga

tahun 1984 di seluruh Negeri Pulau Pinang? Daripada jumlah tersebut, berapa pula daripada Rancangan Perumahan Kos Rendah Kerajaan Kampong Nelayan, Telok Bahang?

- (4. *What is the total number of applications received for change of ownership of low-cost housing and the number approved up to 1984 in the State? Out of this total, how many are from the low-cost housing scheme in Kampong Nelayan, Telok Bahang?*

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, bilangan rumah kos rendah yang telah dikeluarkan hakmilik sehingga tahun 1984 di seluruh Negeri Pulau Pinang ialah sebanyak 296 unit manakala permohonan untuk mengeluarkan hakmilik bagi 147 unit rumah kos rendah, termasuk 49 buah di Kampong Nelayan, Telok Bahang, telahpun dibuat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ke 5:

5. Bilakah projek paip besar yang hanya disambung dari Kolam Air Sungai Pinang sehingga ke Sungai Rusa akan disambungkan ke Pekan Balik Pulau dan perkampungan sekitar? Bilakah perkhidmatan air ini dapat berfungsi sepenuhnya untuk dinikmati oleh orang ramai?

- (5. *When will the water mains which have been laid from Kolam Air Sungai Pinang to Sungai Rusa be extended to Balik Pulau town and the surrounding villages? When will water supply be provided.?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, Pihak Berkuasa Air telahpun merumuskan suatu program berterusan bagi memperbaiki lagi bekalan air di kawasan Balik Pulau. Paip bergarisputat 450 mm (18 inci) yang telah dipasang dari Loji Pembersihan Sungai Pinang ke Sungai Rusa akan disambung pada tahun ini dan akan disempurnakan pada tahun hadapan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ke 6:

6. Adakah Kerajaan merancang akan membina tangki takungan air seperti yang terdapat di Pejabat Pihak Berkuasa Air, Balik Pulau, di kawasan-kawasan tekanan air rendah, seperti di Jalan Bharu, Titi Serong, Simpang Empat, Pulau Betong dan Pondok Upeh?

(6. *Does the Government plan to build a reservoir similar to the one in the State Water Authority Office in Balik Pulau in the areas with low-water pressure such as at Jalan Bharu, Titi Serong, Simpang Empat, Pulau Betong dan Pondok Upeh?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, dalam rancangan memperbaiki bekalan air ke Balik Pulau, selain daripada pembesaran loji pembersihan air, sesalur-sesalur baru akan dipasang di kawasan itu. Pihak Berkuasa Air sedang mengkaji semula masalah tekanan air yang lemah dan jika ianya mendatangkan faedah, tangki-tangki simpanan air akan dipasang di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ke 7:

7. Mengapakah Pihak Berkuasa Air enggan membekalkan air ke rumah-rumah yang menggunakan nombor sementara (tanpa izin) atau dengan menggunakan nombor bersebelahan seperti yang diamalkan oleh Lembaga Letrik Negara?

(7. *Why is the State Water Authority reluctant to provide water supply to those houses with temporary numbers as practised by the National Electricity Board?*)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, sungguhpun seboleh-bolehnya Pihak Berkuasa Air ingin memberi bekalan air kepada semua pemohon yang memenuhi segala kehendak Pihak Berkuasa Air, persetujuan telah dibuat bahawa sedikit sebanyak kerjasama harus diberi kepada pihak berkuasa bangunan yang sedang berusaha demi mengawal bangunan-bangunan yang haram. Rumah-rumah yang menggunakan nombor sementara atau menggunakan nombor ber-

sebelahan yang tidak dapat memperolehi bekalan air biasanya rumah-rumah yang dianggap haram oleh pihak berkuasa bangunan. Pihak Berkuasa Air telah merumuskan suatu polisi mengenai pembekalan air ke rumah-rumah yang sedemikian. Di bawah polisi ini, bekalan air dapat diberi kepada rumah-rumah ini atas syarat-syarat yang tertentu, antaranya:-

- (a) bahawa tuan tanah mesti membenarkan atau menyetujui pemasangan paip-paip hubung individu melalui tanahnya;
- (b) bahawa pemohon hendaklah mengiktirafkan Majlis Perbandaran sama ada Majlis Perbandaran Pulau Pinang ataupun Majlis Perbandaran Seberang Perai sebagai pihak berkuasa bangunan yang mana pelan bangunan rumah yang berkenaan mesti dikemukakan kepada kedua-dua Majlis tadi untuk kelulusan; dan
- (c) di mana bekalan air diberi, pengguna berkenaan hendaklah menandatangani suatu perisytiharaan melepaskan tanggungjawab Pihak Berkuasa Air terhadap sebarang yang mungkin diambil oleh mana-mana pihak juapun.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Soalan tambahan : Dalam masalah T.I. ini, Lembaga Letrik Negara boleh memasang lampu tetapi Pihak Berkuasa Air tidak mahu membekalkan air. Ini masalahnya, bukan masalah berkenaan dengan pelan Majlis Perbandaran Pulau Pinang atau Majlis Perbandaran Seberang Perai. Mengapakah perkara ini boleh berlaku di mana satu lembaga boleh, sementara satu badan pula tidak boleh memberi perkhidmatan. Inilah soal yang banyak timbul di cawangan saya.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Terima kasih, Pihak Berkuasa Air dan Lembaga Letrik Negara merupakan dua badan yang berbeza, dan Pihak Berkuasa Air merupakan badan yang terletak di bawah Kerajaan Negeri. Yang sebenarnya, bukanlah Pihak Berkuasa Air tidak mahu memasang paip ke rumah-rumah tersebut, tetapi dengan syarat-syarat yang tertentu dan mudah. Pihak Berkuasa Air bersedia untuk memasangnya tetapi ini memerlukan kerjasama antara dua belah pihak, iaitu tuan rumah dan Pihak Berkuasa Air. Pihak Berkuasa Air bersedia menolong dengan syarat tuan-tuan punya rumah

nya, pokok mangga, pokok durian sepokok dan sebagainya di atas tanah besarnya. Jadi dalam soal ini berbaliklah kita kepada soal kerjasama, ataupun seperti kata orang, jiran sepakat, masyarakat akan lebih berkat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):

Soalan tambahan : Apa yang saya tahu mengenai masalah pemasangan sesalur empat inci di kampung-kampung, kalau tuan tanah tidak berikan kebenaran, beliau akan dihantar notis dan dimasuk *paper* dan sebagainya, kemudian setelah tempoh 14 hari boleh dimasukkan sesalur ini. Masalah memasukkan sesalur ke rumah itu adalah satu perkara yang kecil, tetapi yang besar kita boleh buat yang kecil kita tidak boleh buat.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Begini, dari penerangan itu sendiri kita sudah dapat fahamkan bahawa Pihak Berkuasa Air memang hendak tolong, tinggal lagi sampai ke suatu peringkat tidak dibolehkan oleh undang-undang. Itu yang menjadi masalah kepada Pihak Berkuasa Air. Ertinya kalau Pihak Berkuasa Air sanggup membuat kerja yang besar, takkanlah masalah yang kecil ia tidak sanggup, tinggal lagi masalah tuan tanah tadi. Ini bererti kita semua kena mainkan peranan, memujuk tuan tanah itu supaya dia benarkan. Saya ingat kalau kita bercakap dan berunding dengan baik, insya Allah akan dapat diselesaikan perkara ini oleh sebab Pihak Berkuasa Air pun kita punya; kita yang membuat undang-undang peraturan dan sebagainya, dan dia adalah kembali berkhidmat kepada kita dengan peraturan dan undang-undang yang kita buat dan tentukan. Pegawai-pegawai hanya menjalankan apa yang kita telah putuskan. Jadi saya rasa Pihak Berkuasa Air memang bersedia bersungguh-sungguh untuk menolong yang mana boleh — boleh walaupun besar sampai ke peringkat kecil — tetapi kalau perkara yang tidak boleh maka tetaplah tidak boleh. Peraturan adalah peraturan. Apa yang hendak buat? Kita hanya boleh berunding balik.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Memang kita sedar apa yang dibincangkan tadi, tetapi yang menjadi masalah di sini ialah kalau di masa dahulu boleh dijalankan mengapa di akhir-akhir ini saya dapati dua-tiga kes dalam masa sebulan di mana tuan tanah bagi kebenaran, Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak melarang dan mengata-

kan bahawa itu terpulang kepada badan yang berkenaan, api pun boleh masuk, tapi mengapa air tidak boleh masuk? Ini yang menjadi masalah. Saya harap Pihak Berkuasa Air boleh menjalankan satu polisi yang boleh menolong rakyat yang tidak mampu dan pada masa ini tinggal di kawasan pendalaman. Saya ingin mendapat keterangan mengapa kelulusan tuan tanah diberi, Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak melarang, Lembaga Letrik Negara meluluskan, tapi Pihak Berkuasa Air pula tidak mahu masukkan air. Ini yang saya soalkan.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Nampak sudah jelas di sini, kalau tuan tanah benarkan, Majlis tidak soal, sila bawa perkara itu kepada saya. Saya akan tengok. Itu yang saya tidak mahu. Kalau tuan tanah benarkan, O.K., tidak ada masalah. Yang kita bercakap panjang tadi, tuan tanah tidak benarkan. Kalau tuan tanah benarkan, Majlis Perbandaran Seberang Perai atau Majlis Perbandaran Pulau Pinang pun benarkan tapi Pihak Berkuasa Air tidak mahu bawa masuk, bawa perkara itu kepada saya. Saya hendak tengok.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Saya ada satu perkara yang boleh menjadi satu masalah yang besar di sini. Bolehkah Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri membuat satu enakmen bahawa kalau tuan tanah boleh meluluskan pembinaan rumah di tanahnya, beliau mestilah juga beri air?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, tidak perlu diadakan enakmen. Jika tuan tanah benarkan pembinaan rumah dan benarkan kemasukan paip, kita akan masukkan paip. Kalau ada pihak-pihak tertentu yang sengaja tidak mahu, bawa perkara itu pada saya. Kalau tuan tanah tidak benarkan, saya kena minta maaf, memang tidak boleh.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):

Saya ingin tahu dan mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Bertam, untuk memasukkan paip besar ini di bawah seksyen berapa dan yang kecil di bawah seksyen berapa?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Perkara itu boleh dirujuk kemudian.

Tuan Speaker:

Saya ingat itupun soalan lain.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ke 8:

8. Bilakah rancangan Kerajaan untuk memperindahkan kiri dan kanan jalan di Negeri Pulau Pinang dengan pokok-pokok naungan khasnya bagi Kawasan Telok Bahang?

(8. *When will Government initiate programmes to beautify the roads in Penang by planting trees on both sides of the roads especially in Telok Bahang?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, sebenarnya Kerajaan sentiasa menjalankan aktiviti menghiaskan kiri-kanan jalan dengan menanam pokok-pokok naungan.

Sejak tahun 1982 Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah menanam lebih dari 1,000 batang pokok di kiri-kanan jalan besar dari Tanjung Tokong sehingga ke Kem Jubli di Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Soalan tambahan : Berapakah jarak di antara tengah jalan hingga ke kawasan sempadan bahu jalan yang ditanam oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang itu? Berapakah jaraknya supaya kita boleh nampak keindahan di sepanjang kiri-kanan jalan yang ditanam?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Jaraknya ialah di antara dua pokok.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Soalan tambahan : Tanah tengah jalan dengan tepi jalan.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Ini tertakluk kepada *dimension* jalan masing-masing.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya Md. Isa bin Hj. Ramli):

Soalan tambahan : Adakah Kerajaan Negeri

bercadang hendak menanam pokok-pokok yang ada kaitan dengan nama-nama tempat seperti pokok bertam, pokok pauh dan sebagainya?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Cadangan ini boleh ditimbangkan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan ke 9:

9. Bilakah Kerajaan Pulau Pinang hendak memperbaiki bahu-bahu jalan di Jalan Tun Sardon yang telah terbiar lama dan mungkin mengancam keselamatan para pengguna? Bilakah batu-batu besar yang dipecahkan di sepanjang jalan tersebut hendak dibersihkan bagi mengelakkan bahaya?

(9. *When will the Government repair the side-walks along Jalan Tun Sardon which have been neglected for a long time and may be a source of danger to road-users? When will the big rocks which have been broken along the road be removed to prevent accidents?*)

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, kerja-kerja memperbaiki bahu-bahu jalan di Jalan Tun Sardon adalah dilaksanakan dari masa ke semasa.

Kerja-kerja pembersihan batu-batu besar yang dipecahkan di sepanjang jalan tersebut sedang dilaksanakan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Tidakkah Kerajaan sedar bahawa kelembapan memperbaiki lopak-lopak besar di kiri-kanan jalan Tun Sardon itu telah mengakibatkan banyak kereta terjatuh ke dalamnya?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Pihak Jabatan Kerja Raya telahpun mengambil perhatian berkenaan dengan kedudukan ini dan berusaha dengan sedaya upaya untuk menghapuskan bahaya ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Soalan tambahan : Adakah Kerajaan sedar

bahawa batu-batu yang telah dipecahkan baru-baru ini dibiarkan begitu sahaja sehingga menimbulkan perasaan takut di kalangan pengguna-pengguna jalan itu. Adakah Kerajaan sedar akan bahayanya kalau-kalaulah batu ini jatuh?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, pihak Kerajaan akan mengkaji kedudukan jalan ini.

Tuan Speaker:

Dewan ditangguhkan hingga 2.30 petang dan saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat menghadiri jamuan makan tengahari di Dewan Makan.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.07 tengahari.

Dewan bersidang semula pada jam 2.57 petang.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, soalan-soalan mulut yang belum dijawab akan dijawab dengan cara bertulis.

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN MULUT

(VII) Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahya bin Ahmad) bertanya kepada Ketua Menteri:

10. Apakah rancangan Kerajaan bagi membersihkan pasir-pasir yang berselerak di jalanraya di Negeri Pulau Pinang, khususnya di kawasan Dewan Undangan Negeri Telok Bahang dan kawasan-kawasan pecah batu?

(10. What is the Government's plan for sweeping sand off the roads in Penang especially in Telok Bahang constituency and quarry areas?)

11. Adakah Kerajaan merancang akan merobohkan keramat di Bukit Chenana serta mengambil tindakan terhadap tempat-tempat keramat yang lain di seluruh Negeri Pulau Pinang?

(11. Does the Government intend to demolish the shrine in Bukit Chenana and take action against other shrines in the State?)

12. Berapa ramai belia-belia yang mendapat bantuan galakan 'Latihan Sambil Kerja' sehingga akhir tahun 1984?

Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan dan jumlah yang telah dibelanjakan? Sejauh manakah kemajuan yang telah tercapai?

(12. How many youths have received assistance in the 'Latihan Sambil Kerja' programme up to 1984? What is the financial allocation provided and the total spent? To what extent has progress been achieved?)

13. Berapakah jumlah kursus-kursus kepimpinan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri hingga akhir tahun 1984? Adakah kesan-kesan yang diperolehi dalam meninggikan prestasi perkhidmatan mereka terhadap persatuan-persatuan sukarela terutama di kawasan luar bandar?

(13. How many leadership courses have been organised by the State Government up to the end of 1984? What benefits have been achieved from upgrading their performances towards their organisations especially in the rural areas?)

14. Bagaimanakah Majlis-majlis Belia Daerah di Negeri Pulau Pinang menjalankan fungsi mereka, khasnya Daerah Barat Daya? Adakah Majlis ini telah berjaya mengujudkan perpaduan dan menyelaraskan semua pertubuhan sukarela di bawah naungannya?

(14. How do the District Youth Councils in Penang carry out their functions especially in the South-west District? Has the Council been successful in forging unity and co-ordinating all the volunteer bodies under its patronage?)

15. Berapakah jumlah permohonan Pesaka Kecil Tanah di seluruh Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1980 hingga 1984 dan jumlah yang telah diselesaikan?

(a) Adakah Kerajaan bercadang akan menyelesaikan perkara pembahagian pesaka kecil terhadap tanah-tanah pesaka yang diambil oleh Kerajaan untuk sesuatu projek di Negeri Pulau Pinang bagi mengelakkan wang gantirugi daripada disimpan di Mahkamah Tinggi?

(b) Mengapakah urusan pendaftaran pesaka yang telah diselesaikan di-

sesuatu projek yang hendak dijalankan terutamanya di luarbandar. Untuk lebih berkesan lagi khidmat ini mereka telah menganggotai "Kelab Kepimpinan" yang ditubuhkan terdiri dari bekas-bekas peserta kursus kepimpinan.

Tidak dapat dinafikan bahawa selepas mereka mengikuti kursus kepimpinan peranan mereka di dalam persatuan adalah lebih aktif dan berkesan cuma bergantunglah kepada badan-badan sukarela terutamanya persatuan belia yang mereka anggotai untuk terus memberi kepercayaan kepada mereka mentadbir dan menunjukkan kebolehan dan kematangan fikiran.

14. Majlis Belia Daerah adalah merupakan satu badan penyelaras yang menggabung semua persatuan-persatuan belia dalam satu-satu daerah. Fungsinya ialah selain daripada menjalani aktiviti-aktiviti untuk faedah belia, ianya bergerak sebagai mewakili persatuan-persatuan dalam daerahnya ke Majlis Belia Pulau Pinang.

Majlis Belia Daerah Barat Daya yang diaftarkan pada 10 September, 1979 telah berjaya menggabungkan lebih dari 90% persatuan-persatuan belia yang terdapat dalam daerah tersebut.

15. Jumlah permohonan Pesaka Kecil Tanah di seluruh Negeri Pulau Pinang yang diterima dari tahun 1980 hingga 1984 ialah 3,284 dan dari jumlah ini sebanyak 2,184 telah diselesaikan.

Kerajaan sememangnya hendak menyelesaikan pembahagian pesaka kecil terhadap tanah-tanah pesaka yang diambil balik oleh Kerajaan untuk sesuatu projek tetapi kerap kali menghadapi masalah untuk mengesan waris-waris tuan-tuan tanah yang telah meninggal dunia. Walaubagaimanapun, Pemungut Hasil Tanah di daerahdaerah telah dan sedang mengambil tindakan untuk menyiasat waris-waris yang terlibat menerusi Penghulu, Jawatankuasa Kemajuan Kampung, Ketua-ketua Kaum dan orang-orang yang boleh memberikan maklumat tersebut.

Pihak Berkuasa Negeri telah mengenakan bayaran pendaftaran Perintah Pesaka Kecil (*Registration of Small Estates Distribution Order*) sebanyak \$10.00 bagi tiap-tiap satu perintah mulai 12 Mac, 1981.

Mengikut peruntukan Kanun Tanah Negara tiap-tiap penyerahan yang dibuat di Pejabat Pendaftaran dan di Pejabat Tanah hendaklah

disertakan dengan bayaran pendaftaran. Oleh itu Pejabat Penyelesai Pesaka Kecil terpaksa menyerahkan perintah yang dibuatnya terhadap sesuatu kes Pesaka Kecil itu kepada pemohon/waris untuk membawa perintah tersebut ke Pejabat Pendaftaran atau Pejabat Tanah di mana tanah itu berdaftar untuk tujuan mendaftarkan perintah tersebut.

Sebelum 12 Mac, 1981, tidak ada bayaran pendaftaran dikenakan oleh Kerajaan Negeri untuk mendaftar perintah Pesaka Kecil. Oleh itu Pejabat Pesaka Kecil telah menghantar terus perintah yang dikeluarkan oleh mereka ke Pejabat Pendaftaran atau Pejabat Tanah yang berkenaan.

Pentadbiran tanah akan meninjau kemungkinan Pegawai Penyelesai Pesaka Kecil diberi kebenaran untuk memungut bayaran pendaftaran sebanyak \$10.00 dan seterusnya mengambil tindakan mendaftarkan Perintah Pesaka Kecil di Pejabat Tanah atau di Pejabat Pendaftaran.

16. Majlis Ugama Islam telah mengadakan tidak kurang daripada 5 kursus pada tahun 1984. Kursus berkenaan diberikan kepada pegawai-pegawai Mesjid, Amil-amil, Jawatankuasa Keselamatan Kampung dan orang ramai.

Kerajaan sedang merancang untuk mengadakan Majlis Penerangan/Ceramah mengenai penerapan nilai Islam kepada semua pegawai/kakitangan Kerajaan, Badan Berkanun dan orangramai pada tahun 1985. Mungkin pegawai-pegawai dari Jabatan Perdana Menteri akan memberi ceramah/penerangan mengenai penerapan nilai Islam tersebut.

17. Ya. Kerajaan Negeri memang ada rancangan untuk menggemukkan lembu daging di Negeri ini.

Untuk tahun 1985, Kerajaan Pusat akan membekalkan 230 ekor lembu daging di bawah Skim Penggemuk. Daripada jumlah ini, sebanyak sepuluh unit (10 ekor tiap-tiap satu unit) adalah sebagai sambungan kepada Skim Penggemuk tahun 1984. Bakinya sebanyak 130 ekor lagi akan dibekalkan kepada peserta-peserta yang berjaya dalam tahun 1985.

18. Ya. Benih kerang telah timbul di suatu kawasan yang kecil di Kuala Sg. Pinang dan Pantai Acheh.

19. Lesen-lesen memungut benih kerang dikeluarkan kepada anak-anak tempatan. Ke-

bersedia mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Air.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):

Soalan tambahan : Menurut ucapan Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri, matlamat 90% akan dipenuhi. Jadi kalau keadaannya begini, Tuan Speaker, matlamat 90% itu tidak akan ujud jika syarat yang begitu ketat dikenakan. Orang-orang yang berkehendakkan bekalan air ini ialah orang-orang yang tinggal di luar bandar dan orang-orang kampung yang rumahnya di pendalaman. Untuk mendapat api begitu senang tapi pihak air pula yang susah. Saya minta jaminan di Dewan ini supaya Kerajaan Negeri hendaklah mencari jalan memberi kemudahan kepada orang-orang kampung di luar bandar ini yang *ignorant* atau tidak begitu arif dalam masalah permohonan ataupun borang dan sebagainya. Masalah-masalah lain telah selesai, hanya masalah air sahaja yang masih ketinggalan.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Terima kasih. Ini adalah lagi satu permintaan yang akan kita beri perhatian yang serious juga, dan kita harap akan mendapat kerjasama daripada semua pihak sama ada pihak ADUN atau J.K.K.K. untuk menolong mereka yang tidak begitu faham dengan kehendak-kehendak dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Air. Syarat-syarat ini pun diadakan untuk kebaikan kita bersama iaitu untuk kebaikan negeri seluruhnya dan saya yakin masalah 90% akan dapat dicapai juga dengan adanya kerjasama daripada semua pihak.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Majlis Perbandaran Pulau Pinang juga tidak menghalang tetapi Pihak Berkuasa Air yang tidak mahu membekalkan air. Alasannya ialah T.I., pada hal kita ingin melihat penduduk-penduduk luar bandar yang miskin dan tidak berkemampuan mendapat air yang bersih supaya dengan kesihatan dan tenaga yang kuat mereka boleh bekerja kuat seperti yang dikehendaki oleh Y.A.B. Perdana Menteri kita. Oleh sebab itu saya ingin melihat Pihak Berkuasa Air memberi bekalan air yang bersih.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Terima kasih, Tuan Speaker. Seperti yang saya katakan tadi, Pihak Berkuasa Air tidak berhasrat untuk tidak mahu memasukkan paip-paip

air, tapi cuma dikenakan beberapa syarat yang tertentu sebab untuk melalui tanah orang lain. ini akan menimbulkan masalah. Kalau Pihak Berkuasa Air disue misalnya ataupun dibawa ke Mahkamah, ini akan menimbulkan masalah. Oleh itu saya minta kerjasama tuan-tuan rumah supaya berunding dengan tuan-tuan tanah, dan apabila selesai perundingan dan ada persetujuan, Pihak Berkuasa Air pula akan menjalankan tugasnya untuk menyediakan paip-paip air. Adalah tidak adil kalau kita minta Pihak Berkuasa Air berhubung dengan tuan-tuan tanah sebab perhubungan antara tuan kalau tuan tanah benarkan, Insya Allah Pihak Berkuasa Air akan menyelesaikan masalahnya dengan cepat.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, soalan tambahan : Demi peri kemanusiaan adakah Pihak Berkuasa Air mempunyai undang-undang untuk mengecualikan kebenaran tuan tanah yang mana rumahnya telah lama ujud di atas tanah itu? Ada juga kemungkinan tuan tanah itu adalah tuan tanah baru. Saya berharap Pihak Berkuasa Air ada peruntukan ataupun undang-undang untuk mengecualikan kebenaran tuan tanah demi peri kemanusiaan.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Begini, Tuan Speaker, berkenaan masalah tuan tanah, tuan tanah mempunyai hak atas tanahnya; ini yang membimbangkan Pihak Berkuasa Air. Pihak Berkuasa Air boleh masuk, tetapi masalah akan timbul kalau tuan tanah itu *sue* ataupun membawa Pihak Berkuasa Air ke Mahkamah. Oleh sebab itu kita minta kerjasama supaya pemohon itu berunding dahulu dengan tuan tanah, ataupun menggunakan jasa baik pegawai-pegawai misalnya, Wakil-wakil Rakyat, untuk menyelesaikan masalah itu dengan tuan tanah. Apabila sudah selesai kita akan masuk dan jika di peringkat itu Pihak Berkuasa Air tidak masuk, maka Pihak Berkuasa Air akan dipersalahkan; tapi jika masih di peringkat tanah belum selesai – Pihak Berkuasa Air bukan tak kasihan, tapi tak boleh nak buat apa-apa sebab undang-undang tanah adalah begitu – hak tuan tanah itu masih ada, jadi perlu kita mendapatkan persetujuan daripada tuan tanah. Kita bersimpati, tinggal lagi hak itu tetap hak, undang-undang tetap undang-undang. Yang boleh kita buat ialah mempengaruhi tuan tanah, dan di sini saya rasa Wakil-wakil Rakyat, ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampong, Penghulu-penghulu, Pegawai-pegawai Daerah dan sebagainya boleh memainkan peranan melembutkan tuan tanah yang barangkali berhati batu yang cuma memikirkan akan rumah-

lakukan sendiri oleh pihak permohonan? Mengapakah pihak jabatan pendaftaran ini seperti yang pernah dilakukan pada masa yang lalu?

(15. *How many applications for small estate distribution have been received in the State for the years 1980 to 1984 and the total that have been resolved?*

(a) *Does the Government intend to complete the hearings of the small estates distribution for those lands that have been acquired by the Government in order to avoid the compensation moneys being deposited in the High Court?*

(b) *Why is the registration exercise for small estates which have been resolved being carried out by the applicants themselves? Why is the department concerned reluctant to register the cases as was practised in the past?*

16. Berapa banyakkah kursus-kursus yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri, khususnya Majlis Ugama Islam Negeri dalam tahun 1984, untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan penerangan-penerangan kepada orang awam? Apakah pula rancangan Kerajaan bagi tahun 1985?

(16. *How many courses have been organised by the State Government or more specifically, the State Religious Affairs Council in 1984 to incorporate Islamic values in the administration and in explaining the same to the public? What is the Government's programme for 1986?*)

17. Adakah apa-apa rancangan Kerajaan hendak mengemukakan lembu-lembu daging di Negeri Pulau Pinang?

(17. *Is there any plan by the Government to fatten cattle in the State?*)

18. Adakah benar, benih-benih kerang terdapat di kawasan perairan pantai di kawasan Kuala Sungai Pinang dan Pantai Acheh?

(18. *Is it true that cockle fry are found in the river mouth of Sungai Pinang and Pantai Acheh?*)

19. Adakah Kerajaan mengeluarkan lesen-lesen benih kerang ini kepada anak tempatan? Jika tidak, kepada siapakah lesen-lesen memungut kerang ini dikeluarkan?

(19. *Does the Government issue licences for cockle fry to the people in the locality? If not, to whom are the licences to harvest cockles issued?*)

Ketua Menteri:

10. Majlis Perbandaran Pulau Pinang menyediakan perkhidmatan pembersihan harian kepada semua jalan awam di dalam kawasan bandaraya, bandar dan kampung dan sekiranya pasir bertaburan di atas jalan-jalan tersebut, ianya akan dibersihkan oleh pekerja-pekerja Majlis.

11. Struktur haram keramat Bukit Chenana telahpun dirobuhkan pada 7 November, 1984. Kerajaan telah melantik satu jawatankuasa untuk mengkaji masalah-masalah seperti ini. Jika tempat-tempat keramat didapati menyalahi peraturan, tindakan sewajarnya akan diambil.

13. Semenjak 1976 hingga 1984 seramai 632 orang telah mendapat bantuan galakan di bawah skim "Latihan Sambil Bekerja".

Jumlah peruntukan yang disediakan sebanyak \$379,800.00. Jumlah peruntukan yang dibelanjakan sebanyak \$368,800.00.

Kemajuan yang telah dicapai adalah seperti berikut:-

Jumlah yang dilatih	632 orang
Tamat latihan bekerja sendiri	401 orang
Mendapat pekerjaan (makan gaji)	88 orang
Berpindah tempat/tak dapat dikesan	100 orang
Sedang berlatih	43 orang

Kursus-kursus kepimpinan yang dikelolakan oleh Jabatan Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang sehingga tahun 1984 ialah sebanyak 32 yang disertai oleh kira-kira 1,000 orang.

Mereka yang telah mengikuti kursus kepimpinan ini telah memberi sumbangan tenaga dan fikiran terhadap pergerakan persatuan masing-masing. Bekas-bekas pelatih kepimpinan ini juga bersedia memberi khidmat sukarela mereka dari segi memberi ceramah dan membantu mengendalikan kursus-kursus

utamaan diberi kepada ahli-ahli Persatuan Nelayan yang tinggal di kampung yang berdekatan dengan kawasan di mana benih kerang itu timbul.

(VIII) Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng) bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Paip air di sepanjang Jalan Gharry Kuchi, Nibong Tebal telah beberapa kali didapati bocor dalam bulan Februari, 1985 ini. Apakah sebab-sebab utama yang menyebabkan paip air itu bocor?
 - (1. *The water mains along Jalan Gharry Kuchi, Nibong Tebal have been found to be leaking many times in February 1985. What are the main causes for the leaks?*)
2. Bilakah kali terakhirnya Jalan Gharry Kuchi, Nibong Tebal, ditarkan? Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar tentang keadaan jalan ini yang begitu buruk dan akan mengancam keselamatan pengguna-pengguna jalanraya terutamanya kanak-kanak sekolah? Jika ya, adakah jalan ini akan segera ditar semula? Jika tidak, mengapa?
 - (2. *When was the last time Jalan Gharry Kuchi, Nibong Tebal, was tarred? Is the Hon'ble Chief Minister aware of the poor condition of the road which pose a hazard to the safety of road users, especially the school children? If so, will this road be resurfaced quickly? If not, why not?*)
3. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar keadaan jalanraya-jalanraya di Seberang Perai adalah buruk jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain? Jika ya, apakah tindakan berkesan yang akan diambil agar jalanraya di Negeri Pulau Pinang sentiasa dalam keadaan baik dan sempurna.
 - (3. *Is the Hon'ble Chief Minister aware that the roads in Province Wellesley are in a state of disrepair compared to roads in other States? If so, what action will be taken to ensure that roads in the State are always in a good and satisfactory condition?*)
4. Adakah pemaju-pemaju perumahan di skim perumahan Taman Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan akan diarah mematuhi sepenuhnya segala aspek Akta Jalan dan Tali-air 1974 dan Undang-undang Kecil Bangunan sebelum Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan agar kepentingan pembeli rumah dapat terjamin?
 - (4. *Will the housing developer in the Taman Nibong housing scheme in Province Wellesley South be directed to abide by all aspects of the Streets and Drainage Act, 1974 and the Building By-laws before occupation certificates are issued in the interests of the house buyers?*)
5. Adakah benar Kerajaan Negeri telah berjanji dalam Dewan ini bahawa selepas Empangan Mengkuang di Bukit Mertajam siap kelak tekanan air di Seberang Perai Selatan akan bertambah baik? Adakah Kerajaan sedar bahawa tekanan air di kawasan Seberang Perai Selatan, terutamanya di Sungai Bakap, Nibong Tebal dan Sungai Udang bukan sahaja tidak bertambah baik, malahan semakin kurang? Jika ya, apakah tindakan segera yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini?
 - (5. *Is it true that the State Government has given an understanding in this House that after the completion of the Mengkuang Dam in Bukit Mertajam, the water pressure in Province Wellesley South will be improved? Is the Government aware that the water pressure in Province Wellesley South, especially in Sungai Bakap, Nibong Tebal and Sungai Udang not only has not improved but has grown worse? If so, what action will be taken to overcome this problem?*)
6. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar paip air yang dibekalkan ke kawasan Seberang Perai Selatan sentiasa kotor dan tidak jernih? Jika ya, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil agar rakyat di kawasan ini dibekalkan dengan air yang bersih dan jernih?
 - (6. *Is the Hon'ble Chief Minister aware that the water supplied to areas in Province Wellesley South is dirty and not clear? If so, what effective steps will be taken in order that the people in the area will be supplied with clean and clear water?*)
7. Adakah Kerajaan telah mengenalpasti sebab-sebab utama berlakunya banjir di Sekolah Methodist, Taman Sri Nibong, Taman Sentosa dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Jalan Sungai Daun di pekan Nibong Tebal apabila musim hujan? Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini?
 - (7. *Has the Government identified the main causes for floods in the Methodist School,*

Taman Sri Nibong, Taman Sentosa and other areas near Jalan Sungai Daun in Nibong Tebal town during heavy rain? What steps have been taken to overcome this problem?)

Ketua Menteri:

1. Sesalur air di sepanjang Jalan Gharry Kuchi, Nibong Tebal telah pecah sebanyak 10 kali dalam bulan Februari, 1985. Paip ini telah dirosakkan oleh kenderaan-kenderaan yang memindahkan tanah dari kawasan persendirian. Kenderaan-kenderaan ini bukan sahaja telah merosakkan sesalur air bahkan juga jalan di situ. Pihak Berkuasa Air telah pun membincangkan masalah ini dengan pihak Jabatan Kerja Raya dan Pegawai Daerah. Pihak Polis sedang mengambil tindakan untuk menegah kenderaan-kenderaan itu daripada menggunakan jalan yang berkenaan buat sementara waktu sehingga jalan itu diperbaiki.
2. Kali terakhir jalan ini diturap ialah pada tahun 1960. Keadaan jalan bertambah buruk sejak lima bulan kebelakangan ini disebabkan oleh lori-lori pengusaha kuari dan juga paip Pihak Berkuasa Air yang pecah. Walau bagaimanapun, semua bahagian-bahagian yang terlibat telah dibaiki.
Kerja-kerja menurap jalan ini akan dilaksanakan dalam tahun 1986.
3. Keadaan jalanraya di Seberang Perai adalah lebih kurang sama keadaan dengan jalan di negeri lain. Kerja-kerja menurap akan dijalankan bergantung kepada peruntukan kewangan.
4. Pemaju Perumahan Taman Nibong Tebal dikehendaki mematuhi kehendak-kehendak/syarat-syarat Undang-undang Kecil Majlis 'Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974' dan 'Undang-undang Kecil Bangunan' sebelum Sijil Menduduki dikeluarkan.
5. Pembinaan Empangan Mengkuang di Bukit Mertajam adalah untuk menentukan bekalan air yang mencukupi bagi Negeri Pulau Pinang. Sesalur-sesalur induk dan sesalur-sesalur agihan yang baru dipasang untuk membekalkan lebih banyak air ke merata Negeri Pulau Pinang termasuk Seberang Perai Selatan.
Semenjak tahun 1973, Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang telah mengambil langkah-langkah ke arah memperbaiki bekalan air di

Seberang Perai Selatan. Rekod Pihak Berkuasa Air menunjukkan bahawa tekanan air di sesalur agihan di Seberang Perai Selatan adalah memuaskan pada amnya dan tidak merosot. Tekanan-tekanan air yang lemah di kawasan-kawasan yang tertentu mungkin disebabkan oleh paip-paip penghubung yang terlampau lama atau terlalu kecil. Paip-paip seperti ini patutlah diganti. Mengikut Undang-undang Kecil Air Pihak Berkuasa Air, paip-paip penghubung ini adalah tanggungjawab pengguna-pengguna sendiri. Pengguna-pengguna air mengalami masalah-masalah bekalan air adalah dinasihatkan supaya memberi butir-butir lanjut yang berkenaan agar siasatan dapat dibuat dan nasihat atau tindakan pembaikan dapat dijalankan.

6. Mutu air yang dikeluarkan daripada loji-loji pembersihan air Pihak Berkuasa Air mematuhi piawaian Antarabangsa bagi air minuman yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Air berwarna karat yang didapati oleh sebilangan pengguna di beberapa kawasan di Seberang Perai Selatan mungkin disebabkan oleh karat di dalam sesalur-sesalur Pihak Berkuasa Air ataupun paip-paip penghubung individu yang lama. Karat ini tidak menjejaskan kesihatan awam. Pihak Berkuasa Air sedang melaksanakan suatu rancangan bagi menggantikan semua sesalur lama tetapi penggantian paip-paip penghubung yang lama menjadi tanggungjawab pengguna-pengguna sendiri. Pengguna-pengguna yang mengalami masalah bekalan air yang berwarna karat adalah dinasihatkan supaya berhubung dengan Pihak Berkuasa Air agar kawasan yang menghadapi masalah yang tertentu itu dapat dikenalpasti untuk tindakan sewajarnya.
7. Sebab-sebab banjir berlaku di kawasan yang disebutkan adalah kerana:
 - (a) Pemaju Perumahan Taman Nibong Tebal telah membina pembetung-pembetung yang tidak mengikut saiz pada beberapa tempat di sepanjang parit tanah dan ini telah mengganggu pengaliran air.
 - (b) Pintu air berdekatan Jalan Telok Ipil telah rosak dan tidak dapat digunakan.

Tindakan telahpun diambil. Pembetung-pembetung yang tidak mencukupi saiz telah diganti dan pintu air juga telah dibaiki. Untuk memperbaiki sistem pamaritan di

kawasan ini, pihak pemaju Taman Nibong Tebal telahpun mengemukakan pelan-pelan jalan dan parit untuk pembinaan:-

- (a) sebatang jambatan konkrit di Jalan Gharry Kuchi untuk mengalirkan parit selebar 12'.
- (b) Pembetung-pembetung yang mencukupi saiz bagi merentangi jalan-jalan di dalam kawasan perumahan Taman Sentosa dan Taman Nibong Tebal.
- (c) Lapisan konkrit untuk parit-parit pembuangan tanah yang berhadapan dengan rancangan perumahan Taman Nibong Tebal.

(IX) Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat) bertanya kepada Ketua Menteri:

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan kepada Dewan ini anggaran kos perbelanjaan permulaan projek KOMTAR dan kos perbelanjaan sekarang? Berikan sebab-sebab tentang kenaikan kos perbelanjaan itu.

(1. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House what is the initial estimated cost of the KOMTAR project and the present cost of the project? Give reasons for the variance in the costings.)

2. Di bawah fasa projek KOMTAR sekarang ini, berapa ramai penghuni-penghuni yang telah terlibat dan bagaimana cara mereka dibayar gantirugi?

(2. Under the present phase of the KOMTAR project how many residents are affected and how are they compensated?)

3. Adakah Y.A.B. sedar tentang kerja pembinaan KOMTAR yang kini sedang berjalan itu telah mencemar dan mengotorkan dengan sampah-sarap yang bertaburan di kawasan sekeliling? Jika ya, apakah tindakan yang telah diambil bagi memastikan kebersihan kawasan ini?

(3. Is the Hon'ble Chief Minister aware that work in progress in the KOMTAR site has polluted and littered the surrounding environment? If so, what steps have been taken to ensure that the area will be kept clean?)

4. Memandangkan kekurangan rumah-rumah murah untuk orang-orang miskin, berapa banyakkah unit perumahan kos rendah yang akan disiapkan oleh Kerajaan Negeri dalam tahun 1984 dan 1985? Sila nyatakan lokasi-

lokasinya. Nyatakan juga bayaran permulaan yang perlu dibayar oleh pihak pembeli dan adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa kebanyakan pembeli perumahan ini tidak dapat menjelaskan sejumlah wang yang begitu banyak sepertimana dikehendaki bagi bayaran permulaan? Jika ya, apakah tindakan yang telah diambil atas perkara ini?

(4. in view of the shortages of low-cost houses for the poor, how many low-cost houses will be completed in the years 1984 and 1985 by the State Government and state the locations? Also state the initial payment to be paid by purchasers and whether he is aware that most house purchasers cannot meet the large sum of monies as required by the initial payment and what steps have been taken on this matter?)

5. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa sebanyak 27 gerai di pasar Jalan Kuantan dijangka akan diruntuhkan bagi membolehkan pembinaan bangunan Koperasi Polis? Jika ya, adakah Kerajaan bercadang untuk membinanya semula dengan sebuah pasar baru?

(5. Is the Hon'ble Chief Minister aware that 27 stalls in the Kuantan Road Market are expected to be demolished to make way for a police co-operative building and whether there is any proposal to re-build a new market?)

6. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa industri pelancongan dan perniagaan am dalam Negeri ini telah terjejas oleh kemelesetan ekonomi? Jika ya, apakah tindakan yang telah diambil untuk membantu perniagaan ini?

(6. Is the Hon'ble Chief Minister aware that tourism business and general businesses in the State are affected by the recession and what actions have been taken to assist these businesses?)

Ketua Menteri:

1. Anggaran asal kos projek KOMTAR telah dibuat pada tahun 1974. Anggaran kos pembangunan ini berdasarkan kos semasa pembangunan dan atas andaian bahawa projek itu akan dibina pada tahun 1981. Dalam pelaksanaan projek KOMTAR, projek ini telah dibangunkan berperingkat-peringkat mengikut fasa. Untuk menempatkan semula orang-orang yang terlibat dalam projek ini

dengan cara teratur dan baik, telah mengakibatkan kelewatan dalam pelaksanaan sebenar projek. Fasa 1 dijangka akan siap pada tahun 1986.

Oleh kerana projek ini telah mengambil masa 12 tahun berbanding dengan jangka-masa asal 7 tahun, anggaran asal kos mestilah dipinda. Perkara ini adalah dijangka oleh kerana kenaikan kos pembinaan dari tahun ke setahun. Faktor kenaikan kos dalam industri pembangunan telah diketahui pada beberapa tahun dan berdasarkan kadar ini dan kadar-kadar inflasi, anggaran kos asal yang berjumlah \$151 juta, sekiranya di-semak semula akan menjadi jumlah \$254 juta. Jumlah kos pembangunan Fasa 1, berdasarkan kepada fasa-fasa kecil yang telah siap dibina, dan tender-tender yang telah ditawarkan ialah sebanyak \$258 juta.

Sebab utama untuk perubahan anggaran kos ialah kerana kenaikan kos yang telah dialami dalam sektor pembangunan dalam jangka-masa 12 tahun ini. Keluasan kawasan untuk dibina juga telah bertambah, sebanyak lebih kurang 87,655 kaki persegi. Setengah ciri-ciri pembangunan telah juga diperbaiki.

Anggaran kos pembangunan Fasa II pada tahun 1982 ialah \$103 juta. Anggaran kos semasa ialah \$97 juta, tidak termasuk Fasa IIC yang telah diswastakan dan Fasa IIB.

2. Jumlah orang-orang yang terlibat dengan projek KOMTAR ialah 4,035. Untuk Fasa 1 dan 2 yang kini dalam pelaksanaan, jumlah orang-orang yang terlibat ialah 1,114. Orang-orang yang terlibat ditawarkan kemudahan-kemudahan penempatan semula oleh Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di projek-projek perumahan masing-masing. Penghuni-penghuni dibayar saguhati, elaun sara hidup dan elaun pengangkutan apabila mereka keluar daripada bangunan-bangunan mereka.
3. Apabila kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan pasti akan berlaku dislokasi dan gangguan di sekeliling tempat kerja. Memandangkan dari segi itu, kerja-kerja pembinaan KOMTAR tidaklah mengotorkan alam sekelilingnya. Badan-badan yang berkenaan sedang mengawasi kemungkinan berlakunya pengotorkan dan kerap mengadakan mesyuarat dengan kontraktor-kontraktor untuk menentukan kebersihan kawasan sekeliling.
4. Pembinaan 1,712 unit rumah kos rendah di

bawah Rancangan Malaysia Keempat di Kampong Besar, Kampong Selamat, Batu Lanchang, Paya Terubong, Telok Bahang, Nibong Tebal, Jalan Mohd. Saad, Mak Mandin 1 dan Rumah Hijau Mak Mandin telah siap sepenuhnya pada tahun 1984 manakala 504 unit di Jawi dan Seberang Jaya akan siap pada tahun ini. Dua projek lagi di Berapit dan Permatang Damar Laut akan dilaksanakan pada tahun ini dan dijangka siap pada tahun 1986.

Mengenai bayaran pendahuluan yang akan dikenakan kepada pembeli pada masa ini Kerajaan belum lagi membuat keputusan, Walau bagaimanapun, mengikut amalan biasa Kerajaan hanya mengenakan bayaran pendahuluan bagi dua bulan ansuran dan satu bulan ansuran bagi bulan semasa yang berjumlah lebihkurang \$500.00, iaitu 2% daripada harga rumah. Bayaran sebanyak ini adalah jauh lebih rendah dari bayaran yang dikenakan oleh pemaju swasta yang biasanya mengenakan bayaransebanyak 10% daripada harga rumah sebagai bayaran pendahuluan, dan pembeli rumah dikehendaki menyelesaikan baki bayaran apabila rumah siap dibina.

5. Pemilik 27 buah gerai yang terlibat dengan projek pemajuan Koperasi Polis di luar Pasar Jalan Kuantan telah diberi tapak gerai yang lain.
6. Kedudukan ekonomi dunia terus mengalami ketidaktentuan menunjukkan aliran kemelesetan. Ekonomi Malaysia sebagai ekonomi terbuka juga terlibat dengan keadaan dunia. Ekonomi kita tidak boleh dilindungi atau diasingkan.

Bagi Negeri Pulau Pinang, keseluruhannya terdapat keadaan lembab di berbagai aktiviti ekonomi, dan kesannya perniagaan am dan sektor perkhidmatan telah terjejas. Bagaimanapun, ekonomi kita berasas luas dan pada masa lampau telah menunjukkan kebingkasan mengharungi detik-detik ketidaktentuan ekonomi. Kami yakin bahawa kebingkasan kita akan memastikan kita melalui jangka masa ketidaktentuan dengan jayanya.

Ekonomi Negeri bagi tempoh 1981-1983 mencatatkan kadar pertumbuhan 6.9% setahun bagi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berbanding dengan angka purata nasional 6.2%.

Dalam perdagangan bebas seperti kita, peranan bebas kuasa-kuasa pasaran menentu dan membentuk keadaan ekonomi. Kerajaan boleh mengadakan panduan dan melaksanakan keputusan-keputusan dasar bagi mengawal keadaan. Tetapi ini terpuhlulah kepada sektor swasta dalam analisa terakhirnya untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti perniagaan. Di samping itu, Kerajaan boleh juga melancarkan lebih usaha-usaha penggalakan dan mengadakan perkhidmatan infrastruktur yang sesuai untuk menghasilkan aktiviti-aktiviti perniagaan.

Di sektor industri Kerajaan Negeri secara giat menggalakkan perluasan kilang-kilang yang sedia ada bagi menghasilkan perhubungan akan datang dan yang telah lalu. Pada masa yang sama Kerajaan sedang menggalakkan industri-industri kecil ditingkatkan taraf dan dipermodenkan. Galakan juga diberikan kepada industri-industri berteknologi tinggi.

Bagi industri pelancongan, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri sedang meningkatkan usaha-usaha penggalakkan bagi memasarkan Pulau Pinang sebagai suatu destinasi pelancongan utama di rantau ini. Penganjuran Persidangan Tahunan Persatuan Pelancongan Kawasan Pasifik (PATA) oleh Malaysia dalam tahun 1986, cadangan menganjur suatu simposium pelancongan di Pulau Pinang selepas Persidangan PATA dan Perayaan 200 tahun (Bicentennial Anniversary Celebration) Negeri akan mengujudkan lebih peluang bagi memajukan industri pelancongan.

Sedang Kerajaan akan terus mengadakan peluang untuk menggalakan dan pengeluaasan berbagai aktiviti ekonomi sektor swasta haruslah memainkan peranan dengan cara baru dan berazam untuk mengatasi masalah-masalah ekonomi yang mereka hadapi.

(X) Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad) bertanya kepada Ketua Menteri:

1. Setakat manakah perkhidmatan-perkhidmatan dan kuasa-kuasa yang boleh dimainkan oleh Pihakberkuasa Tempatan, seperti Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang kepada rakyat terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar Negeri ini?

(1. *To what extent can the Municipal Council Penang Island and the Municipal Council*

Province Wellesley play their respective role in providing services to the people, especially those living in the rural areas?)

2. Apakah garis-garis panduan sempadan kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan PERDA dan juga Majlis Perbandaran Pulau Pinang dengan PERDA bagi kedua-dua Pihakberkuasa Tempatan Negeri Pulau Pinang ini?
- (2. *What is the distinction between the Municipal Council Penang Island and PERDA and also between the Municipal Council Province Wellesley and PERDA (in their roles and functions)?*)
3. Bilakah pemberian geran tanah kepada peneroka-peneroka tanah di Tasek Kachang Puri akan dilaksanakan oleh Kerajaan? Nyatakan sekali harga premium bagi setiap ekar.
- (3. *When will land grants be given to the land cultivators in Tasek Kachang Puri? State the premium for each acre of land.*)
4. Bilakah Kerajaan Negeri akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Rayuan mengenai cukai tanah serta terangkan juga fungsi-fungsi jawatankuasa dan kuasa-kuasa yang akan diberikan kepadanya?
- (4. *When will the State Government set up an Appeals Committee regarding quit rent and also explain the functions and powers of the Committee?*)
5. Bilakah cukai taliair di kawasan-kawasan sawah padi di Negeri ini akan dihapuskan? Berapakah tunggakan-tunggakan yang masih belum dijelaskan oleh rakyat dan adakah ianya akan dihapuskan atau dimansuhkan oleh Kerajaan?
- (5. *When will irrigation rates in the State be abolished? What are the total arrears of irrigation rates owing by the people and will these be written off by the Government?*)
6. Adakah rancangan Kerajaan Negeri untuk meneruskan Expo Usahawan Bumiputra seperti yang telah diadakan di Kepala Batas tempoh hari akan diadakan pada tiap-tiap tahun atau setiap dua tahun sekali?
- (6. *Is there any plan by the State Government to continue organising the Bumiputra Entrepreneurs Expo similar to the one held*

recently in Kepala Batas, every year or every two years?)

7. Berapakah peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi bantuan pemuliharaan tanah-tanah rang di Negeri ini? Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan setakat ini dan berapa luas tanah yang telah diusahakan?
- (7. *What is the allocation provided by the State Government for rehabilitation of idle land in the Statel How much has been spent and what is the acreage of land that has been rehabilitated?*)
8. Di Mesyuarat Dewan yang lalu saya telah membangkitkan supaya satu peruntukan sebanyak lebih kurang \$50,000.00 disediakan untuk tujuan meninggikan lagi taraf pembacaan Al Quran di kalangan Qari dan Qariah Negeri ini bagi maksud meninggikan mutu pembacaan mereka dengan mengadakan guru-guru yang berkelayakan tinggi. Bagaimanakah kedudukan tentang peruntukan itu?
- (8. *In the past State Assembly Meeting, I have suggested that an allocation of approximately \$50,000.00 be set aside for purposes of upgrading the standard of Koran-reading among the male and female readers in the State by engaging more qualified teachers. What is the present position regarding the allocation?*)

Ketua Menteri:

1. Peranan Pihak Berkuasa-Pihak Berkuasa Tempatan dalam memberi perkhidmatan dan menjalankan kuasa-kuasa adalah diuraikan dalam peruntukan akta yang berkuatkuasa sekarang iaitu:-
 - (a) Perkhidmatan-perkhidmatan:
 - (i) Perlupusan sampah sarap dan najis
 - (ii) Kesihatan awam dari segi mencegah dan mengubati
 - (iii) Kemudahan-kemudahan kesenangan dan riadah
 - (iv) Penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur
 - (v) Penyediaan dan penyelenggaraan pementungan
 - (b) Kuasa-kuasa:
 - (i) Pengawasan kesihatan dan pemeliharaan alam sekitar dan ekologi

- (ii) Pengawasan pembangunan melalui kawalan perancangan dan bangunan
- (iii) Pengatur dan perancangan sistem lalulintas jalan

Dalam konteks kawasan-kawasan luarbandar Pihak Berkuasa-Pihak Berkuasa Tempatan adalah memainkan peranan terutamanya dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Dalam hubungan ini, Pihak Berkuasa-Pihak Berkuasa Tempatan berperanan untuk menaikkan taraf sosio-ekonomi masyarakat luarbandar melalui penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan asas dan infrastruktur.

2. Kerajaan Negeri bersama dengan Kementerian Tanah dan Wilayah serta PERDA sedang mengkaji cadangan yang dibuat oleh PERDA dan keputusan ini akan diambil tidak lama lagi.
3. Permohonan pemberian milik tanah Tasek Kachang Puri masih lagi dalam proses pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri dan oleh itu belumlah dapat dipastikan bilakah hak-milik tanah itu boleh dikeluarkan dan begitu juga mengenai premium yang akan dikenakan.
4. Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Rayuan Cukai Tanah.

Fungsi dan kuasa jawatankuasa tersebut ialah:-

- (1) mengkaji kesan dan maklumbalas akibat dari kenaikan cukai tanah;
- (2) mempertimbangkan / memperakukan 'general remission' tertakluk kepada peraturan tanah negeri dan jika diperakukan menentukan kadarnya; dan
- (3) mengujudkan garis panduan bagi mempertimbangkan kes-kes rayuan secara individu.
5. Pihak Berkuasa Negeri telah membentuk satu Jawatankuasa Kecil untuk menimbang cadangan untuk menghapuskan cukai taliair. Cadangan-cadangan itu nanti akan dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk mendapatkan keputusan. Walau bagaimanapun, perlu diambil perhatian bahawa cadangan penghapusan itu jika diluluskan akan mengurangkan hasil negeri sebanyak \$284,356.00 yang tidak termampu oleh kita pada masa ini.

Tunggakan cukai taliair yang belum dijelaskan di Pulau Pinang sehingga bulan Disember, 1984 ialah \$466,784.29. Kerajaan terpaksa mengutip tunggakan-tunggakan ini daripada tuan-tuan tanah.

6. Memandangkan sambutan yang baik terhadap EKSPLO Usahawan Bumiputra tersebut, ianya akan diadakan dari masa ke semasa.
7. Jumlah yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk pemulihan tanah terbiar sejak 1981 ialah \$2,430,000.00. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahun	Peruntukan	Dibelanjakan
1981	\$ 70,000.00	\$ 68,862.50
1982	360,000.00	327,699.27
1983	500,000.00	472,165.39
1984	500,000.00	482,662.25
1985	1,000,000.00	234,363.93 (hingga 5.3.85)
	<u>\$2,430,000.00</u>	<u>\$1,585,753.36</u>

Keluasan tanah yang telah dipulihkan sehingga kini ialah seluas lebihkurang 14,000 ekar (5,665 hektar) oleh agensi Kerajaan dan swasta dari peruntukan Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

8. Peruntukan bagi meninggikan taraf pembacaan Al-Quran belum dapat diadakan pada masa ini. Walau bagaimanapun, pihak Jawatankuasa Musabiqah Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan akan mengadakan seminar untuk membincangkan cara-cara meninggikan mutu membaca Al-Quran di seluruh negara.

5.(B) JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, jawapan kepada soalan yang telah dikemukakan adalah dibentangkan di atas meja Dewan.

JAWAPAN-JAWAPAN KEPADA SOALAN BERTULIS

(I) Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Adakah bangunan-bangunan ugama dan tanah-tanah perkuburan dikecualikan daripada bayaran cukai tanah?
(b) Jika ya, sila berikan senarai bangunan-bangunan ugama dan tanah-tanah perkuburan yang terdapat di Negeri Pulau Pinang.
2. (a) Adakah tanah perkuburan Lot No. 66 TS. 5, DTL yang dimiliki oleh Hong Sen Seah Temple dikecualikan daripada bayaran cukai tanah?
(b) Jika tidak, adakah kadarnya dikurangkan?
(c) Berapakah pengurangan kadar yang diberikan pada tahun 1984 dan juga tahun-tahun sebelum itu?
(d) Mengapakah cukai tanah untuk tanah perkuburan ini bagi tahun 1985 berjumlah sebanyak \$18,982.00?
3. Apakah sebab-sebabnya cukai tanah untuk Lot 115 Sek. 2, Seberang Perai Utara, Butterworth yang dimiliki oleh Hong Sun Seah Temple dinaikkan dari jumlah \$106.00 pada tahun 1984 kepada \$318.00 pada tahun 1985, walaupun ianya tanah kosong? Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa sebanyak 3 keluarga setingan di tanah tersebut sedang menghadapi tindakan pembicaraan?
4. Apakah sebab-sebabnya cukai tanah untuk Lot No. 776 Sek. 2, Bandar Butterworth Seberang Perai Utara yang dimiliki oleh Hong Sun Seah Temple dinaikkan dari jumlah \$680.00 pada tahun 1984 kepada \$6,044.00 pada tahun 1985? Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa rumah-rumah yang sewanya terkawal berada di atas tanah tersebut?
5. (a) Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar akan aduan-aduan orangramai terhadap kenaikan cukai tanah pada tahun 1985?
(b) Jika ya, memandangkan kepada kemelesetan ekonomi dan kesulitan orangramai, adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk mengurangkan kadar dan memberi rebate kepada tuan-tuan tanah pada tahun-tahun akan datang sebagai simpati kepada orangramai?

- (c) Apakah tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mengurangkan kesulitan orangramai terhadap kenaikan cukai tanah pada tahun ini?
6. Adakah satu Jawatankuasa telah diwujudkan untuk tujuan menguruskan aduan-aduan disebabkan oleh kenaikan cukai tanah? Jika ya, siapakah ahli-ahli Jawatankuasa tersebut?
7. Adakah M.P.P.P. akan membatalkan 50% pengurangan kadar cukai taksiran bagi rumah-rumah yang didiami oleh tuanrumah mulai tahun 1986? Jika ya, apakah sebabnya? Bagaimanakah kedudukan di negeri-negeri lain?

KETUA MENTERI:-

1. (a) Mengikut Pg. P.U. 38/83 mengenai kadar baru cukai tanah, pengecualian dari kenaikan cukai tanah diberi kepada tanah-tanah yang digunakan untuk tempat ibadat dan tanah perkuburan.

- (b) Senarai tanah kepunyaan badan-badan ugama dan tanah perkuburan di Pulau Pinang tidak dapat diberikan satu persatu kerana ianya melibatkan jumlah lot yang banyak.

Walau bagaimanapun, mengikut rekod di Pejabat ini tidak semua tanah-tanah di atas dicatitkan sebagai hak badan-badan keugamaan dan perkuburan. Kebanyakannya dicatat sebagai pemegang amanah. Pembahagian tanah-tanah berkenaan adalah seperti berikut:-

Daerah	Tempat Ibadat	Perkuburan	Tanah Lot
Seberang Perai Tengah	46	28	74
Seberang Perai Utara	45	24	69
Seberang Perai Selatan	26	8	34
Daerah Timur Laut	233	63	296
Daerah Barat Daya	14	19	33

Hanya terdapat sebilangan kecil di antara lot-lot di atas yang tercatat di bawah nama badan-badan ugama dan perkuburan. Antaranya ialah:-

1. Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai.
2. Lembaga Wakaf Orang-orang Hindu.
3. Leong San Tong Khoo Kongsi.
4. The Titular Roman Catholic Bishop of Penang.
5. Methodist Episcopal Building & Location Board.
6. Hong Sen Seah Temple.
7. Wesley Church Jalan Burmah.
8. Hokkien Cemeteries Pulau Pinang.
9. Masjid Kapitan Keling.
10. Goddess of Mercy Temple, Lebuh Pitt.
11. Jesus Saves Mission Tanjung Bungah.

2. (a) Tanah perkuburan lot No. 66 TS 5 yang dimiliki oleh Hong Sun Seah Temple tidak dikecualikan dari bayaran cukai tanah tetapi ianya dikecualikan dari kenaikan cukai tanah yang dilaksanakan mulai 1.1.1985. Pembetulan telahpun dibuat di mana cukai tanah bagi lot tersebut ialah sebanyak \$19.95 (mengikut kadar lama).
- (b) Tidak dikecualikan, tapi tidak ada kenaikan.
- (c) Pengurangan kadar cukai tanah tidak diberikan pada tahun 1984 tetapi bagi tahun-tahun sebelumnya diberi pengurangan.
- (d) Ini adalah merupakan kesilapan mencetak bil hasil. Syaratnya kadar cukai bagi tanah perkuburan tersebut masih pada kadar lama iaitu \$19.95.

3. Sebenarnya cukai tanah untuk tanah lot 1115 Seksyen 2, Bandar Butterworth tidak terlibat dengan kenaikan kerana tujuannya adalah untuk kepentingan badan keugamaan. Kadar cukainya masih pada kadar lama iaitu \$106.00. Pembetulan telahpun dibuat untuk meminda kadar dari \$318.00 ke \$106.00.

Pihak Kerajaan Negeri tidak maklum akan tindakan yang diambil ke atas 3 setinggan yang berada di atas tanah tersebut kerana tanah itu adalah tanah persendirian dan kes sivil.

4. Sebenarnya cukai tanah bagi lot 776 Seksyen 2, Bandar Butterworth tidak terlibat dengan kenaikan kerana tujuan adalah untuk kepentingan badan keugamaan. Kadar cukainya masih pada kadar lama iaitu \$680.00. Tindakan telahpun dibuat untuk meminda kadar dari \$6,044.00 ke \$680.00.

Ya. Ada 2 buah rumah di atas tanah ini yang terlibat di bawah Akta Kawalan Sewa, 1966.

5. (a) Ya. Pihak Berkuasa Negeri memang menjangkakan akan ada aduan-aduan dan rayuan mengenai kenaikan kadar cukai tanah pada tahun 1985.

- (b) Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa rayuan untuk menimbang dan memperakukan rayuan-rayuan mereka sama ada patut diberi pengurangan atau tidak.
- (c) Tindakan-tindakan yang telah diambil untuk tujuan mengurangkan kesulitan orangramai akibat kenaikan cukai tanah ini ialah dengan penubuhan jawatankuasa rayuan bagi membincang kes-kes tertentu akibat dari kenaikan cukai tanah tersebut.
6. Untuk menyelesaikan masalah aduan dan rayuan-rayuan akibat dari kenaikan kadar cukai tanah, Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan penubuhan sebuah Jawatankuasa Rayuan mengandungi ahli-ahli yang berikut:-
- | | |
|--|------------------|
| (1) Y.B. Datuk Khor Gark Kim
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan ADUN Kawasan Tanjung Bungah | - Pengerusi |
| (2) Y.B. Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan ADUN Kawasan Sungai Dua | - Naib Pengerusi |
| (3) Dr. Tan Chong Teik
ADUN Kawasan Sungai Nibong | - Ahli |
| (4) Y.B. Wong Hoong Keat
ADUN Kawasan Kampong Kolam | - Ahli |
| (5) Y.B. Tuan Hj. Yahaya bin Ahmad
ADUN Kawasan Telok Bahang. | - Ahli |
| (6) Y.B. Dr. Sak Cheng Lum
ADUN Kawasan Bagan Jermal | - Ahli |
| (7) Y.B. Encik Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad
ADUN Kawasan Tasek Gelugor | - Ahli |
| (8) Y.B. Encik Song Ban Kheng
ADUN Kawasan Pekan Bukit Mertajam | - Ahli |
| (9) Y.B. Tuan Hj. Md. Isa @ Adnan bin Haji Ramli
ADUN Kawasan Kubang Semang | - Ahli |
| (10) Y.B. Encik Teoh Chung Hor @ Teoh Kooi Sneah
ADUN Kawasan Sungai Bakap | - Ahli |
| (11) Y.B. Tuan Hj. Ahmad bin Saleh
ADUN Kawasan Sungai Acheh | - Ahli |
| (12) Y.B. Encik Lim Heng Tee
ADUN Kawasan Machang Bubuk | - Ahli |
| (13) Y.B. Encik Liang Thau Sang
ADUN Kawasan Bukit Tengah | - Ahli |
| (14) Y.B. Encik Md. Yusof bin Salleh
ADUN Kawasan Bagan Ajam | - Ahli |
| (15) Penolong Pengarah Tanah & Galian (PPT 1). | - Setiausaha |
7. Tidak. Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak bercadang untuk membatalkan pengurangan ini. Majlis Perbandaran Pulau Pinang merupakan satu-satunya pihakberkuasa tempatan di negara ini yang memberi konsesi ini.

(II) Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini tentang segala tuntutan dan elaun setiap Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli M.M.K. dari tahun 1982 hingga 1984.

KETUA MENTERI:

1. Sila lihat Lampiran I, II, III dan IV.

TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN (1982 – 1984)
(MILEAGE CLAIM ALLOWANCE (1982 – 1984))

BIL.	YANG BERTHORMAT	1982	1983	1984
1.	Tan Sri Datuk Teh Ewe Lim	780.00	1,336.00	11,596.92
*2.	Dr. Lim Chong Eu	7,761.09	2,387.70	—
*3.	Datuk Abd. Rahman b. Hj. Abbas	7,421.61	1,760.00	2,849.50
*4.	Datuk Khor Gark Kim	2,013.95	2,364.77	53,636.70
*5.	Datuk Hj. Hassan b. Hj. Mohd. Noh	1,882.42	6,490.52	6,133.16
*6.	Datuk T. Subbiah	723.38	2,497.90	2,552.20
*7.	Encik Mohd. Shariff b. Hj. Omar	5,205.70	9,884.85	20,521.69
*8.	Dr. Ong Hean Tee	4,733.38	5,731.00	2,820.00
*9.	Encik Lee Jong Ki	1,108.25	6,748.87	11,117.08
*10.	Encik Mohd. Zain b. Haji Omar	8,633.73	7,686.67	5,822.00
11.	Tuan Hj. Md. Isa b. Haji Ramli	2,866.78	5,159.50	6,983.26
12.	Encik Ahmad bin Salleh	5,285.14	3,086.05	—
13.	Dr. Sak Cheng Lum	—	—	—
14.	Encik Jusoh @ Yusoff Hilmi b. Hj. Shafie	5,158.05	6,268.11	9,960.04
15.	Encik Song Ban Kheng	266.00	718.30	1,095.50
16.	Encik Samsuddin @ Md. Noor b. Ahmad	4,115.60	7,085.10	8,514.78
17.	Encik Teoh Kooi Sneah	—	—	1,329.50
18.	Encik Lim Teng Tee	1,346.40	2,271.30	2,018.70
19.	Encik Liang Thau Sang	1,317.90	3,603.86	3,770.60
20.	Dr. Tan Chong Teik	2,915.80	1,976.30	3,883.84
21.	Dr. Khoo Soo Kheng	—	—	1,031.90
22.	Encik Chin Nyok Soo	200.00	—	—
23.	Encik Yusof b. Salleh	350.00	—	—
24.	Encik Wong Hoong Keat	1,596.50	1,922.20	1,373.80
25.	Encik Yahaya bin Ahmad	5,298.46	10,187.32	14,835.29
26.	Encik Karpal Singh	400.00	200.00	100.00
27.	Encik Teoh Teik Huat	754.50	2,214.50	1,616.20
Jumlah:		\$72,134.64	\$91,580.82	\$173,565.66

TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN – TAHUN 1982
(MILEAGE CLAIM ALLOWANCE – 1982)LAMPIRAN II
(APPENDIX II)

BIL.	YANG BERTHORMAT	JAN.	FEB.	MAC	APR.	MEI	JUN	JUL.	OGOS	SEPT.	OKT.	NOV.	DIS.	JUMLAH
1.	Tan Sri Datuk Teh Ewe Lim	—								780.00				780.00
2.	Dr. Lim Chong Eu	—			2,262.00					2,014.00		3,485.09	*	7,761.09
3.	Datuk Abd. Rahman b. Haji Abbas	—								364.00	1,400.00	359.30	5,298.31	7,421.61
4.	Datuk Khor Gark Kim	—						690.39		774.00	355.56	194.00		2,013.95
5.	Datuk Haji Hassan b. Haji Mohd. Noh	—	448.12	271.90			400.00	300.00		462.40				1,882.42
6.	Datuk T. Subbiah	—							519.38	204.00				723.38
7.	Encik Mohd. Shariff b. Haji Omar	—				1,167.00	936.80		604.00	987.12	1,033.18	477.60		5,205.70
8.	Dr. Ong Hean Tee	—					1,334.00	535.20	204.00	807.10	595.98	450.00		4,733.38
9.	Encik Lee Jong Ki	—					600.00					508.25		1,108.25
10.	Encik Mohd. Zain bin Haji Omar	—					1,090.00		248.00	648.00	470.00	6,177.73		8,633.73
11.	Tuan Haji Md. Isa b. Haji Ramli	—							1,594.78	147.35	155.55	178.90	790.20	2,866.78
12.	Encik Ahmad bin Salleh	441.95	587.24	377.65			648.97	208.90	118.75	273.30	118.75	456.25	2,053.48	5,285.14
13.	Dr. Sak Cheng Lum	—												—
14.	Encik Jusoh @ Yusoff Hilmi b. Hj. Shafie	—				152.80	648.18	384.25	592.34	345.15	491.90	512.85	1,993.98	5,158.05
15.	Encik Song Ban Kheng	216.00				50.00								266.00
16.	Encik Samsuddin @ Md. Noor b. Ahmad	—		972.80		273.70	378.70	192.40	404.00	1,082.90	811.10			4,115.60
17.	Encik Teoh Kooi Sneah	—												—
18.	Encik Lim Heng Tee	—					299.00		458.35	81.35		51.10	456.60	1,346.40
19.	Encik Liang Thau Sang	—		216.60						755.05	174.75	171.50		1,317.90
20.	Dr. Tan Chong Teik	—		1,237.50		65.50	222.00	167.60	278.60	277.50	277.50	112.10	277.50	2,915.80
21.	Dr. Khoo Soo Kheng	—												—
22.	Encik Chin Nyok Soo	—					200.00							200.00
23.	Encik Yusof b. Salleh	—						100.00	100.00		50.00	100.00		350.00
24.	Encik Wong Hoong Keat	—				54.40	217.20	54.40	163.20		108.80	88.10	910.40	1,596.50
25.	Encik Yahaya bin Ahmad	—				106.10	520.50	735.20	1,050.77	210.33	168.20	2,487.76	19.60	5,298.46
26.	Encik Karpal Singh	—					200.00						200.00	400.00
27.	Encik Teoh Teik Huat	—						288.50		222.00			244.00	754.50
JUMLAH:														<u>\$72,134.64</u>

TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN – TAHUN 1983
(MILEAGE CLAIM ALLOWANCE – 1983)

LAMPIRAN III
(APPENDIX III)

BIL.	YANG BERTHORMAT	JAN.	FEB.	MAC	APR.	MEI	JUN	JUL.	OGOS	SEPT.	OKT.	NOV.	DIS	JUMLAH
1.	Tan Sri Datuk Teh Ewe Lim	—				460.00			876.00					\$1,336.00
2.	Dr. Lim Chong Eu	500.00	1,008.00	754.00				125.70						2,387.70
3.	Datuk Abd. Rahman b. Haji Abbas	—	804.00		800.00		156.00							1,760.00
4.	Datuk Khor Gark Kim	—				625.76	341.00		1,398.01					2,364.77
5.	Datuk Hj. Hassan b. Hj. Mohd. Noh	477.88	566.40			1,291.70		210.00		3,476.90		467.64		6,490.52
6.	Datuk T. Subbiah	—	542.00		800.00	588.40	567.50							2,497.90
7.	Encik Mohd. Shariff b. Hj. Omar	784.60		300.00		3,141.29	473.20				2,148.70	3,037.06		9,884.85
8.	Dr. Ong Hean Tee	—											5,731.00	5,731.00
9.	Encik Lee Jong Ki	—			5,659.67		1,089.20							6,748.87
10.	Encik Mohd. Zain b. Haji Omar	698.00	439.60	911.28	495.00					4,416.79		488.00	288.00	7,686.67
11.	Tuan Hj. Md. Isa b. Haji Ramli	504.05	277.75	926.30	432.20	576.95	407.15	579.15	261.00	231.90	252.30	250.05	460.70	5,159.50
12.	Encik Ahmad bin Salleh	—								3,086.05				3,086.05
13.	Dr. Sak Cheng Lum	—												—
14.	Encik Jusoh @ Yusoff Hilmi b. Haji Shafie	825.98	269.90	832.65	448.00	546.35	414.40	617.85	475.00	222.05	286.95	410.20	818.78	6,268.11
15.	Encik Song Ban Kheng	—		96.70	97.20	244.70	167.10	50.40	21.30			23.90	17.00	718.30
16.	Encik Samsuddin @ Md. Noor b. Ahmad	627.30	642.30	757.30	798.60	909.00	399.60	379.30	174.80	17.90	961.90	415.10	1,002.00	7,085.10
17.	Encik Teoh Kooi Sneah	—												—
18.	Encik Lim Heng Tee	262.50	264.80	235.00	383.60	332.50	30.80	67.05	66.50	129.70	120.35	320.30	58.20	2,271.30
19.	Encik Liang Thau Sang	174.25	83.00	517.25	1,021.50	402.25			490.25	310.56	271.50	59.70	273.60	3,603.86
20.	Dr. Tan Chong Teik	43.10	66.30	81.40	145.60	226.50	53.30	108.80	169.80	288.50	122.00	122.00	549.00	1,976.30
21.	Dr. Khoo Soo Kheng	—												—
22.	Encik Chin Nyok Soo	—												—
23.	Encik Yusof b. Salleh	—												—
24.	Encik Wong Hooong Keat	75.00	92.90	193.00	522.00	124.10	146.00	177.70	148.40	100.70	86.60	86.80	168.10	1,922.20
25.	Encik Yahaya b. Ahmad	941.15	499.96	1,108.60	1,972.89	1,453.47	591.85	794.75	686.92	344.65	1,050.55		742.53	10,187.32
26.	Encik Karpal Singh	—				50.00			50.00				100.00	200.00
27.	Encik Teoh Teik Huat	—	100.20	187.68	378.72	401.70	220.00	82.70	165.60	99.50	159.20	124.60	294.60	2,214.50

JUMLAH:- \$91,580.82

TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN TAHUN 1984
(MILEAGE CLAIM ALLOWANCE – 1984)

LAMPIRAN IV
(APPENDIX IV)

BIL.	YANG BERTHORMAT	JAN.	FEB.	MAR.	APR.	MEI	JUN	JUL.	OGOS	SEPT.	OKT.	NOV.	DIS	JUMLAH
1.	Tan Sri Datuk Teh Ewe Lim	140.36		8,383.56			220.00	613.00	2,010.00			230.00		\$11,596.92
2.	Dr. Lim Chong Eu	—												—
3.	Datuk Abd. Rahman bin Hj. Abbas	—		526.00	1,214.60	412.00		430.90	306.00			266.60		2,849.50
4.	Datuk Khor Gark Kim	—			732.50	598.75			430.38	2,883.95	236.00		48,794.12	53,636.70
5.	Datuk Hj. Hassan b. Hj. Mohd.	465.78				1,226.10	1,245.38	694.35			1,928.55		573.00	6,133.16
6.	Datuk T. Subbiah	466.00	542.10					526.00		377.10	644.00			2,555.20
7.	Encik Mohd. Shariff b. Hj. Omar	1,82.55	530.40	2,544.52	2,037.39	3,969.70		1,103.20	3,337.72	2,030.14	1,143.10	1,602.97	402.00	20,521.69
8.	Dr. Ong Hean Tee	911.00		567.00	515.00	827.00								2,822.00
9.	Encik Lee Jong Ki	—			2,761.71		1,311.48		565.89			6,478.00		11,117.08
10.	Encik Mohd. Zain b. Hj. Omar	700.00	600.00	1,048.79		1,648.79		875.70			710.72	238.00		5,822.00
11.	Tuan Hj. Md. Isa b. Hj. Ramli	554.65	622.95	1,146.94	674.40	741.92	564.50	369.80	813.85	810.90	683.50			6,983.26
12.	Encik Ahmad b. Salleh	—												—
13.	Dr. Sak Cheng Lum	—												—
14.	Encik Jusoh @ Yusoff Hilmi b. Hj. Shafie	585.71	445.25	934.18	1,087.45	585.90	378.20	386.45		3,240.25	744.38	956.85	615.42	9,960.04
15.	Encik Song Ban Kheng	18.00	44.10	61.60	116.10	293.80	50.00	40.40		30.10	328.80	112.60		1,095.50
16.	Encik Samsuddin @ Md. Noor b. Ahmad	905.38	632.10	1,155.50	1,005.50	463.30	320.10	253.70	459.50	429.90	851.50	1,665.80	372.10	8,514.78
17.	Encik Teoh Kooi Sneah	—							222.60		562.85	392.35	151.70	1,329.50
18.	Encik Lim Heng Tee	48.70	104.00	58.20	67.80	76.40	91.00	64.60	125.50	836.60	404.90	26.10	114.90	2,018.70
19.	Encik Liang Thau Sang	539.10	694.60	327.00		665.35			439.45		585.85	368.75	150.50	3,770.60
20.	Dr. Tan Chong Teik	111.00	222.00		111.00	2,549.94	58.80			176.40	300.60		354.10	3,883.84
21.	Dr. Khoo Soo Kheng	—								1,031.90				1,031.90
22.	Encik Chin Nyok Soo	—												—
23.	Encik Yusof b. Salleh	—												—
24.	Encik Wong Hoong Keat	—			115.50	202.70	62.20	195.60	183.80	130.50	319.80	163.70		1,373.80
25.	Encik Yahaya b. Ahmad	998.98	1,133.68	100.00	1,549.22	558.85	851.95	2,288.64	1,290.87	1,820.22	2,045.36	1,208.12	989.40	14,835.29
26.	Encik Karpal Singh	—				50.00					50.00			100.00
27.	Encik Teoh Teik Huat	64.70	60.50	72.30	79.80	257.70	112.70	138.80	112.50	183.20	336.80	197.20		1,616.20
JUMLAH														\$173,567.57

(III) Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Song Ban Kheng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa Lorong Ciku, Bukit Mertajam, merupakan salah satu jalan penting untuk lalu lintas ke bandar Bukit Mertajam dengan terlaksananya sistem baru lalu lintas pada 1 Ogos, 1984? Jika ya, adakah cadangan Kerajaan akan mengetarkan jalan tersebut?
2. Pada tahun lalu berapa kilometerkah jalan baru yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri dan berapa kilometer daripadanya yang telah dibina di Seberang Perai Tengah?
3. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa sebahagian daripada pemilik-pemilik rumah kos rendah yang dibina pada tahun 1960an di Berapit, Bukit Mertajam masih tidak diberi suratan hakmilik oleh Pihak Berkuasa Negeri? Jika ya, apakah tindakan yang harus diambil untuk meneygerakan pemberian suratan yang berkenaan?
4. Adakah Pihak Berkuasa Negeri mengadakan Inspektor Jalanraya untuk menentukan segala kerosakan jalanraya di negeri kita dapat dilaporkan dan tindakan yang sewajar diambil untuk membaiki jalan-jalan yang rosak supaya tidak menjejaskan keselamatan pengguna jalanraya? Jika tidak, apakah yang menjadi halangan?
5. (a) Pada tahun lalu, berapakah perbelanjaan Kerajaan Negeri untuk menyelenggara jalan-jalan negeri?
(b) Berapakah daripadanya telah digunakan untuk menyelenggara jalan-jalan di Seberang Perai Tengah?
6. Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk mengadakan tapak-tapak yang sesuai untuk menempatkan bengkel-bengkel dan perusahaan kecil yang lain di Seberang Perai supaya dapat menjaga keindahan dan mencegah pencemaran? Jika tidak, apakah sebabnya?
7. Bilakah lampu isyarat yang sangat diperlukan di persimpangan Jalan Padang Lallang dan Jalan Tembikai, Bukit Mertajam akan dipasang?
8. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa sistem lalu lintas di Bukit Mertajam sekarang sangat menyusahkan pengguna-pengguna jalanraya? Jika ya, apakah rancangan Kerajaan untuk mengadakan satu sistem yang lebih sempurna dan membuka jalan-jalan baru untuk mengurangkan masalah lalu lintas di bandar ini?

KETUA MENTERI:

1. Kerajaan Negeri sedar akan hal ini. Dengan ini Kerajaan Negeri telah mengenalpasti dua alternatif untuk memperbaiki keadaan kesesakan jalan di Bukit Mertajam. Alternatif-alternatif itu ialah:
 - (i) mencadangkan jalan simpanan atas paip P.B.A. dari simpang Jalan Berapit/Jalan Tanah Liat menghubungkan sebahagian Jalan Ciku kemudian ke Jalan Muthupalaniappa.
 - (ii) Menaikkan taraf jalan sepanjang Lorong Ciku dari simpang Jalan Arumugam Pillai/Jalan Aston ke Jalan Muthupalaniappa.

Dua cadangan di atas adalah untuk menentukan penyuraian kenderaan pada waktu pagi yang datang dari kawasan Jalan Tanah Liat sebelum memasuki pusat bandar.

2. Projek pembinaan jalan pada tahun 1984 adalah projek sambungan dan sekarang masih lagi dalam peringkat pembinaan. (Oleh yang demikian tidak ada jalan baru yang disiapkan pada tahun 1984).

Di Seberang Perai Tengah tidak ada projek pembinaan jalan pada tahun 1984. Walau bagaimanapun, Jalan Sungai Semilang – Bagan Nyior – Kuala Juru telah ditarkkan sepanjang 1.5 km pada tahun 1984).

Di dalam kawasan bandaraya Georgetown, sepanjang 1.437 kilometer jalan telah dibina.

3. Rancangan rumah kos rendah di Berapit mengandungi 104 unit kesemuanya. Kedudukan pengeluaran hakmilik adalah seperti berikut:-

(a)	Jumlah hakmilik yang telah dikeluarkan	— 37
(b)	Jumlah hakmilik yang sedang disediakan untuk pengeluaran	— 14
(c)	Jumlah lot dalam siasatan Bahagian Perumahan untuk menentukan pemilikan lot-lot tersebut	— 48
(d)	Jumlah lot yang belum jelas bayaran	— 5

		104
		====

Mengenai perkara (c) di atas terdapat di mana orang-orang yang diperuntukkan rumah-rumah ini telah meninggal dan ada juga di antaranya telah membuat penjualan secara tidak rasmi. Sebelum hakmilik dapat dikeluarkan Jawatankuasa Perumahan akan menyiasat untuk menentukan kepada siapa hakmilik bagi tapak rumah itu boleh diberi. Pengeluaran hakmilik ini akan dikeluarkan sebaik sahaja masalah penentuan pemilik-pemilik tersebut diselesaikan.

4. Inspektor Jalanraya yang dicadangkan itu tidak diperlukan, oleh kerana pihak JKR mempunyai kakitangan yang cukup untuk membuat pemeriksaan ke atas keadaan jalan dan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan, apabila perlu. Kerosakan jalan bertambah pada musim hujan dan pembaikan adalah lambat sedikit.
5. (a) Pada tahun lalu sebanyak \$884,062.00 telah dibelanjakan untuk penyelenggaraan jalan Negeri.
(b) Daripada jumlah tersebut sebanyak \$143,782.00 telah digunakan untuk penyelenggaraan jalan Negeri di Seberang Perai Tengah.
6. Ya. Buat masa sekarang Kerajaan Negeri sedang merancang untuk mengadakan tapak-tapak yang sesuai untuk bengkel-bengkel dan lain-lain perusahaan kecil di Kawasan Perusahaan Perai dan Seberang Jaya.
7. M.P.S.P. telah meluluskan permohonan mengadakan lampu isyarat di persimpangan Jalan Padang Lallang/Jalan masuk ke Taman Sri Rambai, Bukit Mertajam.
Pemasangan akan dibuat bila peruntukan telah diluluskan.
8. Kerajaan Negeri sedar akan hal ini. Kerajaan telah mengenalpasti alternatif berikut:-
 - (i) menaikkan taraf Lorong Ciku dari simpang Jalan Arumugam Pillai/Jalan Aston ke Jalan Muthupalaniappa.
 - (ii) Jalan simpanan atas paip P.B.A. dari simpang Jalan Berapit/Jalan Tanah Liat menyambung ke Lorong Ciku kemudian Jalan Muthupalaniappa. Dengan ini diharapkan kesesakan Lalulintas di Bukit Mertajam dapat dikurangkan. Sistem Lalulintas di Bukit Mertajam yang ada sekarang di mana Jalan Arumugam Pillai telah dijadikan jalan sehalu telah dimulakan pada 1.8.84, untuk kemudahan menanam paip pembetung dan projek adalah dijalankan oleh Telekom dan L.L.N.

Sistem Lalulintas ini adalah untuk percubaan selama 12 bulan. Sejak ia dijalankan beberapa perubahan kecil telah berlaku, semua ini adalah untuk melicinkan Lalulintas. Perubahan kecil terhadap sistem Lalulintas masih boleh dijalankan untuk menyesuaikan keadaan tapak yang mana perlu.

M.P.S.P. telah menyediakan kertas kerja untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Kerjaraya Negeri meminta peruntukan dan pilihan di antara satu daripada dua jalan yang dicadangkan.

(IV) Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Merujuk kepada soalan bertulis saya iaitu soalan No. 7 di sidang Dewan Undangan Negeri pada 29 Oktober, 1984 yang lalu mengenal hal memperbaiki Lorong Chiku di Pekan Bukit Mertajam, sila beritahu Dewan mengenai kemajuan terbaru berhubung dengan projek tersebut. Adakah ini bermakna yang projek tersebut telahpun diluluskan? Benar atau tidak Jawatankuasa Kerja Raya Negeri telah memutuskan akan membiarkan pemaju-pemaju pihak swasta memperbaiki Lorong Chiku itu? Jika benar, bilakah projek tersebut akan dimulakan?
2. Memandangkan kepada begitu banyak masalah yang ditimbulkan oleh sistem Lalulintas di Pekan Bukit Mertajam, adakah pihak berkuasa yang berkenaan bertujuan:
 - (a) mengkaji dan merancang semula sistem Lalulintas tersebut; dan
 - (b) membina "ring-road" sepertimana yang telah dicadangkan iaitu dari persimpangan Berapit-Tanah Liat ke Jalan Muthupalaniappa, di Kampong Cross Street?
3. Adakah jalan-jalan di perkampungan baru tidak termasuk dalam rancangan mengetar jalan-jalan luarbandar? Jika benar, apakah sebabnya? Mengapakah tidak ada peruntukan sama sekali bagi memperbaiki jalan di perkampungan-perkampungan baru bagi tahun-tahun 1982 dan 1983?
4. Suatu permohonan untuk memperbaiki dan memperluaskan masjid Machang Bubuk telahpun disampaikan kepada pihak Kerajaan pada bulan November 1984. Adakah Kerajaan akan meluluskan projek tersebut untuk tahun ini?
5. Banyak tanah pajakan di perkampungan baru akan tamat tempohnya dalam satu atau dua tahun lagi.
 - (a) Bilakah penduduk-penduduk di perkampungan baru yang berkenaan mesti membuat permohonan untuk memperbaharui serta melanjutkan tempoh pajakan mereka itu?
 - (b) Adakah Kerajaan bercadang akan memberi tempoh pajakan yang lebih panjang serta menurunkan kadar bayaran premium kepada Kerajaan?
6. Permohonan untuk mendapatkan tanah di Perkampungan Baru Machang Bubuk telah dibekukan sejak 3 tahun yang lalu disebabkan cadangan hendak mengadakan rancangan perumahan kos rendah di tempat tersebut. Oleh kerana projek itu tidak dapat segera dilaksanakan kerana beberapa sebab tertentu, adakah Pihak Berkuasa Negeri akan melayani permohonan-permohonan untuk mendapatkan tanah daripada penduduk-penduduk di situ supaya tanah-tanah di situ tidak terbiar begitu saja memandangkan kepada kekurangan rumah yang terdesak?
7. Kadar cukai tanah di Negeri Pulau Pinang telah dinaikkan begitu tinggi sekali bagi tahun 1985.
 - (a) Berdasarkan kepada ukuran apakah kadar cukai baru itu ditetapkan?

- (b) Bagaimanakah kadar cukai tanah baru di Negeri Pulau Pinang jika dibandingkan dengan kadar cukai tanah di negeri-negeri lain dalam Malaysia? Sila kemukakan angka-angka sebenar seperti yang terdapat di negeri-negeri lain.
8. Tidak berapa lama dahulu, Kerajaan telahpun melancarkan Pelan Struktur Seberang Perai dan orang ramai dipelawa mengemukakan saranan-saranan dan cadangan-cadangan masing-masing.
- (a) Sila nyatakan bagaimanakah cara-cara untuk penyertaan awam?
- (b) Bilakah orang ramai diberi peluang mengemukakan pendapat-pendapat dan cadangan-cadangan mereka?
- (c) Siapakah yang telah dilantik untuk menjalankan penyelidikan dan perancangan itu?
- (d) Bilakah draf pelan yang pertama dijangka siap untuk tatapan awam dan bilakah pelan tersebut dijangka siap dengan sempurnanya?
- (e) Adakah Pelan Struktur Pulau Pinang dan Pelan Struktur Seberang Perai akan dilaksanakan serentak? Bilakah tarikh pelaksanaan pelan tersebut?

KETUA MENTERI:

1. Lorong Chiku ialah sebatang jalan yang melalui tanah persendirian dan resab paip Pihak Berkuasa Air. Pelan tata letak oleh pihak pemaju, termasuk jalan laluan telahpun diluluskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai.
2. Setakat ini pihak pemaju belum lagi mengambil tindakan terhadap pembinaan projeknya. Oleh itu, soalan ketiga tidak mungkin timbul.
2. Sistem Lalulintas yang sedia ada sekarang di Bukit Mertajam telah diperkenalkan pada 1 Ogos, 1984 untuk percubaan selama 12 bulan. Kemudiannya pihak lalulintas mencadangkan perkara-perkara berikut:-
- (a) membuat perubahan kecil kepada sistem lalulintas untuk mengatasi masalah yang timbul; dan
- (b) mengemukakan dua cadangan alternatif kepada Jawatankuasa Kerjaya mengarahkan kenderaan ke Butterworth dari Jalan Tanah Liat melalui -
- (i) Lorong Chiku dari simpang Jalan Arumugam Pillai/Jalan Aston ke Jalan Muthupalaniappa; dan
- (ii) jalan simpanan Pihak Berkuasa Air dari simpang Jalan Berapit/Jalan Tanah Liat menyambung bahagian Jalan Chiku dan kemudian Jalan Muthupalaniappa.
3. Pelaksanaan jalan-jalan di dalam kawasan "kampung-kampung baru" (New Villages) adalah di bawah bidang-kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menyalurkan peruntukan tersebut kepada Kerajaan Negeri yang seterusnya diberikan kepada daerah-daerah berkenaan untuk dilaksanakan. Oleh kerana peruntukan untuk jalan-jalan ini diberikan oleh Kementerian yang berkeadaan, maka peruntukan yang biasa bagi menaikkan taraf dan memperbaiki jalan-jalan kampung telah disalurkan ke kampung-kampung tradisional dan kampung-kampung nelayan yang lebih mundur. Tambahan pula kedudukan infrastruktur di kampung-kampung baru adalah jauh lebih baik dari kampung-kampung tradisional dan kampung-kampung nelayan.
- Peruntukan untuk memperbaiki jalan-jalan di Perkampungan-perkampungan Baru yang tidak diberikan pada tahun 1982 dan 1983 adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang memutuskan-nya.
4. Projek-projek yang tidak dapat diluluskan pada tahun lalu sedang disenaraikan semula mengikut keutamaan bagi pertimbangan untuk tahun ini. Jika perbelanjaannya tidak tinggi dan peruntukannya mencukupi, projek ini akan diberi pertimbangan sewajarnya.
5. (a) Permohonan untuk membaharui pajakan boleh dibuat kira-kira setahun sebelum tempoh pakaian luput.
- (b) Sehingga sekarang belum ada permohonan membaharui pajakan tanah Kampong Baru yang pernah dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Oleh itu tidaklah dapat dipastikan sama ada tempoh pajakan yang lebih lama dan pengurangan pembayaran kadar premium akan diberi.
6. Sebahagian daripada kawasan Kampong Baru Machang Bubuk yang masih belum berhakmilik telah dicadangkan untuk Projek Perumahan Kos Rendah Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Malangnya projek tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana masalah kewangan.
- Jika projek ini tidak dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelima nanti, maka Pihak Berkuasa Negeri bolehlah mempertimbangkan kawasan tersebut diberi kepada pemohon-pemohon perseorangan.
7. (a) Kadar cukai baru tanah adalah ditetapkan mengikut jenis kegunaan tanah semasa pemeriksaan dibuat atas tanah dan juga dengan berpandukan kadar-kadar yang ditetapkan oleh negeri-negeri lain di Semenanjung. Ia juga mengambil kira pindaan hanya boleh dibuat sekali dalam masa 10 tahun.
- (b) Kedudukan Negeri Pulau Pinang dalam perbandingan antara kadar cukai tanah dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia bagi tanah bandar dan tanah desa adalah seperti berikut:-

PERBANDINGAN DENGAN KADAR BARU NEGERI-NEGERI LAIN

Negeri	Tanah Bandar			Tanah Desa			Pertanian (ekar)		
	Perniagaan	Perusahaan	Kediaman	Perniagaan	Perusahaan	Kediaman	Getah	Kelapa Sawit	Padi
1. PERAK									
a. Ipoh	20 sen	6 sen	3 sen	12 sen	2 sen	2 sen	\$4 – \$20.00 seekar	\$4 – \$20.00	\$4.00
b. Parit Buntar	12 sen	6 sen	2 sen	12 sen	2 sen	2 sen	\$4 – \$20.00	\$4 – \$20.00	\$4.00
c. Taiping	15 sen	6 sen	2.5 sen	12 sen	2 sen	2 sen	\$4 – \$20.00	\$4 – \$20.00	\$4.00
2. SELANGOR									
a. Petaling Jaya	18 sen	14 sen	1.2 sen	12 sen	6 sen	1.3 sen	\$7 – \$8.50	\$7 – \$8.50	\$2.50
b. Kuala Selangor	6 sen	3 sen	0.39 sen	4 sen	1.8 sen	0.39 sen	\$7 – \$8.50	\$7 – \$8.50	\$2.50
c. Kelang	18 sen	8 sen	1.3 sen	10 sen	3.6 sen	0.65 sen	\$7.00	\$7.00	\$2.50
3. WILAYAH PERSEKUTUAN	24 sen	20 sen	4 sen	18 sen	10 sen	2 sen	\$14.00	\$14.00	\$5.00
4. NEGERI SEMBILAN	4.6 sen	6.5 sen	2.8 sen	2.8 sen	4.6 sen	1.85 sen	\$4 – \$26	\$4 – \$26.00	\$6.00
5. MELAKA	9 sen	12 sen	3 sen	2.04 sen	3.06 sen	0.65 sen	\$14.00	\$18.00	\$6.00
6. JOHOR	9.1 sen	\$300 – \$600 seekar	8 sen	2 – 4 sen	–	0.5 sen	\$6 – \$20	\$7 – \$24.00	\$3.00
7. PULAU PINANG	12 sen (max)	6 sen (max)	3 sen (max)	10 sen (max)	5 sen (max)	2 sen (max)	\$10.00 seekar bawah 6 ekar	\$6.00 seekar bawah 6 ekar	\$2.00 seekar bawah 6 ekar
	8 sen (min)	5 sen (min)	2 sen (min)	6 sen (min)	3 sen (min)	1 sen (min)	\$12.00 seekar lebih 6 ekar	\$8.00 seekar lebih 6 ekar	\$2.00 seekar lebih 6 ekar

Kegunaan	Tanah Bandar	Tanah Desa
Perniagaan	Kelima tinggi sekali	Keempat tinggi sekali
Perusahaan	Kelima tinggi sekali	Ketiga tinggi sekali
Kediaman	Ketiga tinggi sekali	Kedua tinggi sekali

Bagi tanah pertanian kadar cukai di Negeri Pulau Pinang adalah di golongan yang rendah sekali di Semenanjung Malaysia.

Kadar-kadar cukai tanah yang terdapat bagi negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia berbanding dengan Negeri Pulau Pinang adalah seperti di Lampiran A.

8. (a) Cara-cara untuk penyertaan awam adalah diterangkan di bawah Seksyen 9, Bahagian III Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 di mana disebutkan bahawa apabila mana-mana pihak berkuasa perancangan tempatan hendak menyediakan sesuatu deraf rancangan struktur bagi sesuatu kawasannya, pihak berkenaan adalah dikehendaki:-
 - (i) memberi seranta (pengumuman) di dalam kawasannya kepada laporan pemeriksaan dan juga perkara-perkara yang dicadangkan untuk dimasukkan di dalam pelan itu; dan
 - (ii) memastikan orang-orang ingin membuat rayuan kepada pihak berkuasa perancangan tempatan diberi peluang untuk merayu.
- (b) Orangramai boleh mengemukakan pendapat-pendapat dan cadangan semasa pemeriksaan rancangan tersebut dijalankan (iaitu tidak kurang daripada 1 bulan dari tarikh notis dikeluarkan).
- (c) Satu pasukan kajian yang disertai oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Kuala Lumpur telah dilantik bagi menjalankan kajian dan penyelidikan tersebut. Pasukan kajian ini terdiri dari Pegawai-pegawai Ikhtisas dan Separa Ikhtisas dengan khidmat 5 pakar perunding serta khidmat dari Jabatan dan agensi seperti PERDA dan P.D.C.
- (d) Mengikut program kerja draf pelan yang pertama akan siap pada akhir bulan Jun, 1986 dan Pelan Struktur dijangka siap pada akhir bulan November, 1980.
- (e) Memandangkan kedua-dua kajian bagi pelan-pelan tersebut dijalankan pada masa yang berlainan, tidak ianya dijalankan serentak, tarikh perlaksanaan pelan tersebut berkuatkuasa setelah ianya diwartakan.

Proses penyediaan Pelan Struktur dibahagikan kepada 6 peringkat:-

- Pertama : Kaji selidik dan pengumpulan data
- Kedua : Analisa kajian dan penyediaan laporan pemeriksaan (Report of Survey)
- Ketiga : Penyediaan Seranta dan Perwakilan Awam
- Keempat: Penyediaan Deraf Pelan Struktur
- Kelima : Bantahan kepada Deraf Pelan Struktur
- Keenam : Pindaan (jika ada) kepada Deraf Pelan Struktur

Orangramai boleh mengemukakan pendapat-pendapat serta cadangan pada peringkat ketiga dan kelima penyediaan pelan struktur. Pada peringkat ketiga, perhatian diberi kepada pameran laporan pemeriksaan dan alternatif cadangan-cadangan pembangunan pada keseluruhannya. Laporan pemeriksaan ini dibuka kepada perwakilan awam untuk mendapatkan cadangan-cadangan dan pendapat-pendapat orangramai terhadap alternatif cadangan yang dipamerkan. Cadangan-cadangan dan pendapat-pendapat yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancangan Negeri untuk dipertimbangkan.

17. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House the terms and conditions entered into by Penang Development Corporation and Koperasi Gabungan Negeri for the reclamation of 360 hectares (900 acres) of land from the sea off Tanjong Tokong.
18. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House the terms and conditions of the contract entered into by the Municipal Council Penang Island and the following contractors for garbage disposal in the Island of Penang:
- i) Syarikat Waste Disposal Sdn. Bhd.;
 - ii) Syarikat Hashim bin Haji Yusof;
 - iii) Syarikat Omar Merican;
 - iv) AWS Jaya Sdn. Bhd.;
 - v) Syarikat Ibrahim Hashim; and
 - vi) Bumi Kekal Bekal?

19. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House:-

- (a) the progress of the Penang Hill Road;
- (b) the amount of money expended to date; and
- (c) the amount expected to be expended when completed;

CHIEF MINISTER:

1. Subject to audit the total expenditure by the State Government for the year ending 31.12.1984 out of the Development Estimate allocated in the 1984 Budget is as follows:-

Development Expenditure 1984

	Head	Allocation	Actual Expenditure	%
(a)	Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	48,983,290	30,612,921	62.5
(b)	Pertanian	1,981,000	1,371,366	69.2
(c)	Parit dan Talian	6,088,310	5,054,686	83.0
(d)	Kerja Raya	7,164,570	4,938,891	68.9
(e)	Haiwan	1,430,010	903,655	63.2
(f)	Hutan	581,830	421,566	72.5
(g)	Hal Ehwal Ugama	1,005,000	262,475	26.1
(h)	Kebun Bunga	319,510	294,461	92.2
		<u>67,553,520</u> =====	<u>43,860,021</u> =====	<u>64.9</u> =====

2. Subject to audit the total expenditure by the State Government at the year ending 31.12.1984 out of the operating expenditure allocated in the Supply Bill 1984 is as follows:-

Operating Expenditure 1984

	Head	Allocation	Actual Expenditure	%
(a)	Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	12,422,400	13,990,735	112.6
(b)	Tanah dan Galian	1,451,600	1,432,921	98.7
(c)	Daerah dan Tanah	3,992,700	3,761,515	94.2
(d)	Parit dan Talian	5,914,900	5,739,178	97.0
(e)	Hutan	445,900	424,788	95.3
(f)	Kebun Bunga	594,000	543,137	91.4
(g)	Kedai-kedai Tuak	1,453,200	1,287,134	88.6
(h)	Kerja Raya	13,342,800	12,037,369	90.2
(i)	Hal Ehwal Ugama	1,483,000	1,416,195	95.5
(j)	Kebajikan Masyarakat	1,151,500	1,030,711	89.5
(k)	Perancang Bandar dan Kampong	537,100	457,946	85.3
(l)	Pejabat Kewangan Negeri	3,164,300	3,648,731	115.3
(m)	Haiwan	1,106,100	927,322	83.8
(n)	Pertanian	1,951,200	1,673,118	85.7
		<u>49,010,700*</u> =====	<u>48,370,800*</u> =====	<u>98.7</u> =====

*The figures may vary after the closing of the account for the year 1984 at 31.3.85.

3. (a) The amount of money allocated for development expenditure and the actual amount of money utilised by the State Government within the respective year for 1969 to 1983 are as follows:-

Development Expenditure

Year	Allocation	Actual Expenditure
1969	18,983,560	8,158,131
1970	54,437,681	22,951,706
1971	26,832,171	11,128,198
1972	50,371,606	39,706,570
1973	21,789,357	10,076,513
1974	35,191,383	9,856,739
1975	43,334,196	30,833,491
1976	80,596,400	9,291,390
1977	39,509,650	29,489,462
1978	53,136,410	24,696,732
1979	68,080,550	32,521,867
1980	59,257,600	42,184,172
1981	96,586,330	35,206,088
1982	144,927,200	80,889,890
1983	110,062,910	99,389,106

- (b) The amount of money allocated for operating expenditure and the actual amount of money utilised by the State Government within the respective year for 1969 to 1983 are as follows:-

Operating Expenditure

Year	Allocation	Actual Expenditure
1969	17,000,288	15,079,593
1970	29,561,352	27,081,332
1971	30,826,402	28,170,964
1972	28,743,630	26,767,538
1973	27,641,571	24,464,357
1974	28,295,215	26,606,669
1975	32,002,260	26,187,872
1976	38,369,180	36,139,156
1977	58,361,175	54,674,629
1978	49,212,740	40,233,738
1979	47,963,930	39,076,353
1980	57,531,970	50,732,177
1981	88,100,730	82,251,686
1982	75,035,060	68,760,153
1983	69,492,300	66,488,566

- (c) The amount of revenue estimate to be derived and the actual amount of money derived as revenue by the State Government within the respective year for 1969 to 1983 is as follows:-

Year	Estimates	Actual Collection
1969	17,167,394	18,920,642
1970	20,522,323	21,907,920
1971	24,184,526	26,029,669
1972	27,233,888	30,556,021
1973	24,687,649	25,205,582
1974	27,047,115	28,235,876
1975	32,103,510	27,879,854

Year	Estimates	Actual Collection
1976	35,228,500	34,429,412
1977	35,284,170	42,198,758
1978	42,980,370	45,219,522
1979	41,805,130	43,863,133
1980	43,029,680	57,135,618
1981	64,095,970	78,789,442
1982	58,294,380	63,870,985
1983	61,827,400	74,412,336

4. The reply is as per appendix.
5. The total debt owed by the State Government to the Federal Government and other Financial Institution both local and foreign for the year 1964 to 1984 with year-by-year breakdown figures and the total accumulated debts to date is as in Appendix 'A'.
6. (a) The total amount of money owed by the Penang Development Corporation as 31.12.84 from State and Federal Government and Financial Institutions are as follows:-

(i) State Government	\$ 359,510
(ii) Federal Government	70,520,238
(iii) Financial Institution	27,926,555
	<u>\$98,806,303</u>

- (b) The breakdown figures of the amount of money borrowed for the respective projects are:-

	State & Federal Government	Amount Borrowed	Balance as at 31.12.84
(i) Housing		30,736,700	14,921,336
(ii) Land Acquisition		34,903,678	41,018,761
(iii) KOMTAR		25,000,000	13,000,000
(iv) Equity Holdings in Subsidiary Companies		1,408,300	1,063,348
(v) Staff Housing Loans		821,250	876,303
	Financial Institutions		
(vi) Housing		41,843,160	27,926,555

- (c) & (d) The loans were drawn down in the following years:-

State & Federal Government

Housing	(c) Years	Amount (\$)	(d) Interest Payable (\$)
	1977	8,938,240	1,380,215
	1980	10,458,460	1,823,082
	1982	11,340,000	260,302
		<u>30,736,700</u>	<u>3,463,599</u>

Land

	1967	12,000,000	356,759
	1970	10,000,000	1,659,798
	1972	11,603,678	8,262,831
	1974	1,300,000	939,415
		<u>34,903,678</u>	<u>11,218,803</u>

KOMTAR

	1975	<u>25,000,000</u>	
--	------	-------------------	--

Equity Holdings in Subsidiary Companies	(c) Years	Amount (\$)	(d) Interest Payable (\$)
	1979	1,258,300	—
	1981	150,000	—
		<u>1,408,300</u>	<u>—</u>
Staff Housing Loan	1979	821,250	55,053
Financial Institutions	1983	18,154,160	10,956
	1984	23,689,000	252,508
		<u>41,843,160</u>	<u>263,464</u>
	TOTAL	<u>\$134,713,088</u>	<u>\$15,000,919</u>

(e) and the fines payable if any for late payments on loans for the respective projects: NIL

7. (a) The number of families and people affected by development projects in the State are as follows:-

No. of families : 928

No. of people : 3,432

It is estimated that the number of people affected is 3,432.

The breakdown figures of people affected by the 4th Malaysia Plan are as follows:-

Project	People affected
(a) Road	1,385
(b) Educational	95
(c) Penang Port Commission	300
(d) Penang Development Corporation	677
(e) Low Cost Housing	974
(f) Urban Development Authority	132
(g) Others	101
	<u>3,664</u>

(b) The number of low-cost housing units allocated to these people affected by Government development projects is 971.

(c) The number of Penang Development Corporation built housing units sold to those affected by the Komtar project is 300 housing units and 108 commercial units. For projects at other places the number is not available because those affected purchased their houses directly from P.D.C. just as any other buyer.

8. (a) The number of transitional houses built by the State Government to date is 262 units while the Penang Development Corporation has built 99 units.

(b) The location of the transitional houses built by the State Government is at Sungai Pinang while the Penang Development Corporation — built houses are in Weld Quay and Cecil Street.

(c) The number of state transitional houses occupied to date is 257 units and the number of units still unoccupied is 5. All the Penang Development Corporation units have been occupied.

(d) The unoccupied state units have been surrendered to the Postal Department to be used as its quarters.

(e) Transitional houses are rented out to people affected by natural disasters, fire and Government development projects where immediate resettlement is required.

The Government expects these occupiers to vacate the transitional housing when they have found alternative accommodation or when they have been allocated a Government Low-Cost House.

9. (a) The dates of allocation of low-cost housing projects built under the Third Malaysia Plan are as in Appendix whilst allocation for Fourth Malaysia Plan projects has not yet been made.

(b) The number of vacant units in the respective housing schemes is as follows:-

(i)	Taman Tun Sardon II	—	21 units
(ii)	Gertak Sanggol	—	1 units
(iii)	Taman Tun Dr. Awang	—	25 units
(iv)	Permatang Tinggi	—	1 unit
(v)	Jalan Bukit Panchor	—	2 units
(vi)	Jawi Peringkat I & II	—	22 units
			72 units

The reasons why these units are vacant are:-

- (i) the successful candidates failed to turn up to ballot for their units;
- (ii) the units were repossessed because of false declaration made by the successful applicants;
- (iii) the units are reserved for certain groups of people affected by Government development projects.

The Government is in the process of allocating these vacant units.

10. The Penang State Administration has submitted to the Federal Government the proposals and total allocation for the projects under the Fifth Malaysia Plan. The proposals and the total allocation requested for each vote are as follows:-

Sectors	Allocation requested \$ (million)
(a) Housing	608.729
(b) Culture, Youth & Sports	24.527
(c) Municipal Councils, Welfare and Community Services	332.173
(d) Sewerage	126.86
(e) Village and Community Development	21.04
(f) Agriculture and Rural Development	106.915
(g) Roads, Bridges and Public Works	357.036
(h) Tourism	58.314

11. (a) The total acreage of land acquired by the State Government under the Land Acquisition Act 1960 is 9,025.67 acres.

(b) The acreage of land acquired by the various districts are as follows:-

North-East District	—	1,305.45 acres
South-West District	—	3,649.37 acres
Province Wellesley North	—	1,765.26 acres
Province Wellesley Central	—	1,710.93 acres
Province Wellesley South	—	954.66 acres

Total		9,025.67 acres

The acquired lands are used for the following purposes:

- (a) Roads
- (b) Educational
- (c) Penang Port Commission
- (d) Penang Development Authority
- (g) Health
- (h) Others

(c) Nearly all land that have been acquired have been used for Government development projects except for a small portion which have not been developed because of the following reasons:

- (a) still awaiting financial allocation from the Government.
- (b) still awaiting Court decision on cases filed by land-owners to revoke the land acquisition process.
- (c) squatter problems which have not been resolved.
- (d) implementation of projects in stages or phases.

12. (a) As at 30 June, 1984, 60,300 persons were employed in the 8 industrial estates managed by the Penang Development Corporation.

- (b) The racial breakdown is as follows:-

Bumiputeras	27,900 (46.3%)
Non-Bumiputeras	32,200 (53.4%)
Expatriates	200 (0.3%)
	<u>60,300</u>
	=====

- (c) Data on the number of workers from within the State and those from other States is not available.

13. (a) Total advances given to Government servants, State Assemblymen, Exco Members and the Chief Minister for local and overseas trips not settled to date is \$69,119.38.
- (b) The breakdown figures for advances, the dates of the respective loans or advances and the purposes of the advances are as at Appendix A.
- (c) The State Financial officer has issued a circular dated 25.1.85 instructing all Heads of Department to take the necessary action to recover all unsettled advances taken by their officers in accordance with the Treasury Circular No. 8 of 1980 and also the Treasury Instruction 102.
14. (a) The total commercial and office space made available by the completed phases of KOMTAR, i.e. Phase IA, IB (podium) and the low and mid zones of the tower, is 71,959 sq.m. as follows:-

Phase	Net rentable area (sq.m.)
IA	6,095
IB (podium)	20,496
Tower Block	
Low Zone	26,052
Mid Zone	19,316
	<u>45,368</u>
	<u>71,959</u>

- (b) The Federal Government, State Government, Local Authority and other Government agencies had taken up office space totalling 43,707 sq.m., as at 28.2.85, as follows:-

Federal Government	9,995 sq. m.
State Government	19,986 sq. m.
M.P.P.P.	11,872 sq. m.
P.B.A.	1,439 sq. m.
L.L.N.	415 sq. m.
	<u>43,707 sq. m.</u>

- (c) As at 28.2.85, the private sector had taken up space totalling 16,098 sq.m. Bumiputra traders had taken up space totalling 6,754 sq.m. (which constitutes 41.96% of the space taken up by the private sector), whereas non bumiputra traders had taken up space totalling 9,344 sq.m.

15. Under the Lease Agreement signed between Penang Development Corporation and Tropiland Sdn. Bhd., an area of 22,900 sq. ft. in Phase 2C of KOMTAR has been leased to Tropiland Sdn. Bhd. for the purposes of building and managing a multi-storey car park. The main provisions of the Lease Agreement are as follows:

- (i) The lease is for an initial 30-year period with an option to renew on the same terms and conditions for a further 30 years. Upon the expiry of the second 30 years, the Lease has the option to renew for a further and final 30 year period on re-negotiated terms.
- (ii) The rental payable is M\$212,970.00 per year and this rental will be revised at 5-year intervals and any increase shall not exceed 40% of the previous rental paid.
- (iii) The building to be constructed will be in accordance to the plans, elevations and specifications already approved by the Penang Development Corporation and is subject to approvals of local and other relevant authorities.
- (iv) Tropiland Sdn. Bhd. shall commence construction within 2 months of the date of Agreement and shall complete the building within 18 months of the date of approval of plans.
- (v) Upon completion of the multi-storey car park, Tropiland Sdn. Bhd. are to maintain, manage and administer the car park in accordance with goods management standards to the satisfaction of the Penang Development Corporation.

- (vi) In the event of non-payment of rent or breach of any terms of the Agreement, the Penang Development Corporation shall be entitled to enter upon the lands and resume possession of the land and building thereon and terminate the lease.
16. (a) The amount of money expended on the Bukit Jambul Golf Course as at 31 December, 1984, is \$9,146,681.
 (b) The Golf Course has been leased to a company called Island Golf Properties Sdn. Bhd. The company is now responsible for providing all the facilities for the Bukit Jambul Country Club.
 (c) The Company is also responsible maintaining the course.
17. The express conditions laid down by the State Authority on KGN-PDC Holdings Sdn. Bhd. with regard to the land reclamation works at Tanjong Tokong are as follows:-

a.	Title	:	State Lease
b.	Lease	:	99 years (for building) 60 years (for industry)
c.	Use of land	:	Building/Industry
d.	Premium	:	\$16/- psf on total net saleable land
e.	Quit rent	:	As per PU 39/83
f.	Survey Fees	:	As per schedule/exempted
g.	Boundary Marks	:	As per schedule/exempted
h.	Preparation and registration of Final Title	:	\$40/-
i.	Application for Qualified title	:	\$160.00
k.	Express condition	:	As per layout plan approved by the local Authority. The land hereby alienated shall be used solely for business purposes only.

OR

The land hereby alienated shall be used solely for residential purposes only.

- | | | | |
|----|-------------------------|---|--|
| 1. | Restriction-in-interest | : | The land hereby alienated shall not be transferred leased or sub-leased without the written sanction of the State Authority except:- |
| | | | 1. the first transfer from KGN-PDC Holdings Sdn. Bhd. to the principal purchaser. |
| | | | 2. the first legal charge by KGN-PDC Holdings Sdn. Bhd. in favour of any bank/banks or financial institutions. |

However, a written sanction of the State Authority is not necessary in respect of any assignment for purpose of obtaining bridging finance for the project.

Other Conditions

1. KGN-PDC Holdings Sdn. Bhd. is to prepare and submit an overall plan to the State Authority for its approval within one year.
2. KGN-PDC Holdings Sdn. Bhd. is to comply with requirements of technical departments such as M.P.P.P., J.K.R., J.P.T., J.A.S., Jabatan Laut and other relevant authorities.
3. KGN-PDC Holdings Sdn. Bhd. is to submit progress reports on reclamation works once every six months to the State Authority and other reports as and when directed.
4. KGN-PDC Holdings Sdn. Bhd. is to commence construction of infrastructure facilities and building in accordance with plans approved by the Local Authority (M.P.P.P.) within two (2) years from the date of registration of the title.
5. KGN-PDC Holdings Sdn. Bhd. has to settle all payments of quit rent and other payments as imposed by the State Authority.
6. KGN-PDC Holdings Sdn. Bhd. has to allocate 30% of the overall residential units for low-cost-scheme.
7. KGN-PDC Holdings Sdn. Bhd. is to allocate 30% of the total residential industrial and commercial units constructed to Bumiputras.
8. The land that has been reclaimed by the J.K.R. is to be wholly excluded from the area that has been applied for.

18. The terms and conditions of the contract entered into by Majlis Perbandaran Pulau Pinang and each of the contractors for garbage disposal are as follows:-
- The agreement is for a period of three (3) years. The Majlis may upon the written request of the contractor, three months prior to the expiration of the Agreement, renew the Agreement for a further period of two (2) years upon such terms and conditions to be agreed upon by the parties hereto.
 - The system of collection shall be by the single-handling of refuse from individual household bins directly into the truck.
 - Payment shall be made based on tonnage of refuse collected by the Contractor.
 - All refuse collected shall be deposited at the dumping ground at Jelutong and the contractor shall apply for a permit from the Majlis authorising him to so deposit.
 - The contractor shall carry out the works in the said areas each and everyday including Sundays and other public holidays.
 - If the works are not carried out to the satisfaction of the Majlis, the Agreement may be terminated by the Majlis by giving three (3) months' notice in writing to the contractor expiring at any time of the year.
19. (a) The Penang Hill road is still in the planning stage as the necessary feasibility studies and investigations are being carried out by a Consultant Firm.
- (b) Total expenditure incurred up to this date is \$197,000.00 for consultation fee.
- (c) The total estimated cost will be determined in due course.

(VI) The Member for Tasek Gelugor (Tuan Haji Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad) asks the Hon'ble the Chief Minister:

- Who is the present President of the Municipal Council, Province Wellesley? If the post has not been filled, who has been acting in the post?
- Why are funds for tarring of roads in Pinang Tunggal so delayed? Name the roads that have been tarred in the Tasek Gelugor constituency.
- From 1982 to 1984, what is the number of foreign tourist arrivals in Penang? What is the general opinion the tourists have of Penang?

CHIEF MINISTER:-

- The post of the State Director of Veterinary Department has been filled on 15.3.85.
- This post has not been filled and at the moment the State Financial Officer is acting in the capacity.
- All the Federal and State roads have been tarred. Yearly maintenance works are carried out. The delay in obtaining allocation is due to the constraints of the present financial situation.

However, this year a sum of \$200,000.00 has been allocated for upgrading of roads in the Pinang Tunggal area. So far, there is no road being metalled around the area of Tasek Gelugor.

4. (a) From 1982 up to 1984, Penang registered 609,329 direct tourist arrivals. The breakdown figures of the total number of tourists according to years are as follows:-

Year	By Air	By Sea	Total
1982	202,710	34,810	237,520
1983	172,582	23,643	196,225
1984	154,168	21,416	175,584
	<u>529,460</u>	<u>79,869</u>	<u>609,329</u>
	=====	=====	=====

- (b) According to a survey conducted, foreign tourists generally have a good opinion of Penang. The opinions expressed can be listed as the following:-
- Natural and beautiful surroundings
 - Friendly people
 - Beautiful beaches
 - A multi-racial state where the people live in harmony with unique cultures and customs
 - Clean and fresh air
 - Good food at reasonable prices.

6. RANG UNDANG-UNDANG

(A) Rang Undang Pengubahan Sempadan (Negeri Pulau Pinang), 1985.

Bacaan Yang Pertama

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk memberi persetujuan di bawah perkara "Perlembagaan Persekutuan" dibacakan bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali pertama

Ketua Menteri:

tuan Speaker, saya mohon kebenaran Tuan Speaker di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 118 bagi mencadangkan penggantungan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibawa ke dalam semua peringkatnya dalam Majlis Mesyuarat ini.

Tuan Speaker:

Saya memberi kebenaran di atas cadangan penggantungan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat.

Bacaan Yang Kedua

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat digantikan kuatkuasanya untuk sementara bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibawa dalam semua peringkatnya dalam Majlis Mesyuarat ini.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Enakmen untuk memberi persetujuan di bawah perkara dan Perlembagaan Persekutuan" dibacakan bagi kali kedua.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memberi persetujuan Negeri Pulau Pinang di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan kepada pengubahan sebahagian dari sempadan di antara Negeri Kedah dengan Negeri Pulau Pinang.

Sempadan semasa kini boleh dikesan kepada treati yang ditandatangani oleh Kerajaan Raja Inggeris dan Kerajaan Raja Siam bertarikh 6 Mei, 1869. Sempadan itu sepertimana yang ditafsirkan dalam treati tersebut terletak di sepanjang tebing utara (tebing kanan) Sungai Muda. Dalam tahun 1973 Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan jasa baik Kerajaan Persekutuan memperolehi satu pinjaman dari ASIAN Development Bank untuk membina Empangan Jajar Muda yang terletak 6 batu dari kuala sungai tersebut. Pembinaan Empangan Jajar Muda telah menyebabkan sebahagian daripada Sungai Muda di sekeliling Empangan Jajar Muda itu menjadi kering.

Sejak tahun itu (1973) Negeri-negeri Pulau Pinang dan Kedah serta Kerajaan Persekutuan telah mengadakan beberapa rundingan yang teliti dan berlanjutan yang bertujuan untuk menentukan sempadan baru antara Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah. Dengan adanya kerjasama di antara Kerajaan-kerajaan Negeri Kedah, Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan, akhirnya semua pihak telah mencapai satu penyelesaian dalam mana adalah dipersetujui bahawa dengan adanya perubahan sempadan, kepentingan Negeri Pulau Pinang khususnya mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan bekalan air tidak terjejas. Sehubungan dengan ini, tanah di kawasan "flood plain" seluas lebihkurang 24.648 ekar yang berdekatan dengan Empangan Jajar telahpun diberimilik kepada Pihak Berkuasa Air. Di bawah Perjanjian Sempadan, Kerajaan Negeri Kedah bersetuju untuk memberi semua kemudahan kepada Pihak Berkuasa Air untuk mengawal dan mengurus Empangan Jajar Muda.

Tuan Speaker, Fasal 2(1) Rang Undang-undang ini bertujuan memperuntukkan supaya sempadan di antara dua negeri tersebut diubah dan sempadan baru ialah di sepanjang garis tengah alur Sungai Muda sebagaimana sungai itu mengalir. Sempadan baru (yang ditunjukkan dalam pelan di serahsimpan yang dikenalpasti mengikut pelan warta No. PW 1000 hingga PW 1008) akan berkuatkuasa hanya selepas Akta Persekutuan yang dicadangkan berkuatkuasa dan setelah suatu Rang Undang-undang yang serupa telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kedah. Sepertimana kita difahamkan, Dewan Undangan Negeri Kedah akan bersidang pada 20 Mac, 1985 dan satu Rang Undang-

undang yang serupa akan dibentangkan di dalam Persidangan Dewan Rakyat yang akan datang.

Tuan Speaker, Fasal 2(2) bertujuan membuat peruntukan mengenai sempadan tersebut sekiranya berlaku apa-apa perubahan dalam pengaliran sungai itu yang disebabkan oleh proses hakisan dan enaptimbus yang semulajadi dan secara perlahan-lahan.

Berbangkit daripada perubahan sempadan yang dicadangkan, Fasal 3 adalah bertujuan memperuntukkan bahawa kawasan yang disebutkan di atas itu dan juga Sungai Muda yang bermula dari garis tengah alur Sungai Muda hingga tebing utara sungai itu hendaklah berhenti daripada menjadi sebahagian dari Negeri Pulau Pinang, dan dengan itu, Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang hendaklah melepaskan dan berhenti daripada menjalankan apa-apa kedaulatan terhadap kawasan yang disebutkan itu, dan bahawa semua kuasa dan bidang-kuasa Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang dan Badan Perundangan Negeri Pulau Pinang dalam dan berkenaan dengan ini hendaklah berakhir.

Tuan Speaker, Fasal 4 Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memberi persetujuan Negeri Pulau Pinang di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan kepada perubahan sempadan di antara Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang, iaitu perubahan yang diperihalkan dalam Fasal 2 Rang Undang-undang dan peruntukan Akta Persekutuan yang dicadangkan (sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini).

Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini akan menghargai bahawa kelulusan Rang Undang-undang ini akan mengukuhkan lagi hubungan rapat antara Negeri Pulau Pinang dengan Negeri Kedah serta juga dengan Kerajaan Persekutuan. Ini boleh dikatakan satu Rang Undang-undang yang menjadi sejarah dan boleh membawa kita kepada satu zaman yang lebih makmur lagi.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Dewan dibuka untuk perbahasan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya bangun untuk meng-

ambil bahagian dalam perbahasan atas Enakmen Pengubahan Sempadan (Negeri Pulau Pinang) 1985.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri serta Kerajaan Negeri sepatutnya merasa malu akan diri masing-masing kerana terpaksa mengemukakan Rang Undang-undang ini di mana Kerajaan Negeri perlu menyerahkan kepada Negeri Kedah sekeping tanah yang jelas sekali dan yang tidak boleh dipertikaikan bahawa ianya adalah kepunyaan Negeri Pulau Pinang.

Hari ini akan menjadi suatu hari yang sedih bagi kita semua dalam Dewan ini yang merupakan Dewan Undangan Negeri yang Keenam jika Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan ini.

Jika Rang Undang-undang ini dibenarkan untuk dilulus oleh Dewan ini, ianya akan menjadi kali pertama, jika tidak salah saya, bagi Dewan Undangan Negeri ini meluluskan satu Rang Undang-undang untuk menyerahkan tanah yang sebenarnya kepunyaan Negeri Pulau Pinang kepada sebuah negeri lain dan kita akan gagal menjalankan tugas sebagai Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat. Kita akan digelar dan dicatit dalam sejarah negeri ini sebagai orang yang enggan melindungi hak-hak wilayah Negeri Pulau Pinang.

Sebelum membahaskan Rang Undang-undang ini saya perlu mengingatkan *backbenchers* Kerajaan berkenaan sumpah yang kita semua telah angkat sebagai Wakil Rakyat untuk mempertahankan hak Negeri Pulau Pinang. Saya menyeru Yang Berhormat sekalian supaya jangan mencemuh sumpah kesetiaan kepada Negeri Pulau Pinang dengan menunduk kepada nafsu dan kehendak Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang telah menjadi cuma patung UMNO. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri bukan sahaja akan menyerahkan wilayah negeri ini kepada negeri lain, malah juga, telah menjualkan segala hak politik, keagamaan, kebudayaan dan pelajaran rakyat terutama sekali yang bukan Bumiputra untuk mengekalkan jawatan beliau sebagai Ketua Menteri.

Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada Perkara 2(b) Perlembagaan Persekutuan berkenaan perubahan sempadan-sempadan negeri, iaitu sesuatu undang-undang yang mengubah sempadan-sempadan negeri, iaitu sesuatu undang-undang yang mengubah sempadan sesuatu negeri tidak boleh diluluskan tanpa kebenaran negeri (dinyatakan oleh satu undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Perundangan Negeri tertentu).

Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan jelas sekali memberi kita, iaitu Dewan ini, hak untuk bersetuju atau tidak bersetuju kepada perubahan sempadan-sempadan negeri. Oleh yang demikian adalah di dalam kuasa dan hak kita untuk membantah Rang Undang-undang ini yang menyerahkan kepada Negeri Kedah tanah tersebut yang sebenarnya adalah kepunyaan Negeri Pulau Pinang.

Saya merayu kepada Yang Berhormat sekalian yang dipilih dan dipertanggungjawabkan oleh rakyat Negeri Pulau Pinang untuk melindungi kebijakan Negeri Pulau Pinang serta rakyatnya, supaya melupakan politik kepartian dan menjalankan kewajipan sebagai Wakil Rakyat dengan membahaskan dan mengundi menentang Rang Undang-undang ini. Saya merayu kepada Yang Berhormat semua, sebagai anak Negeri Pulau Pinang yang mencintai dan mementingkan kedaulatan negeri membela hak-hak wilayah Negeri Pulau Pinang dengan menolak Rang Undang-undang ini.

Jika kita mengkaji dengan rapi peristiwa-peristiwa pertikaian Pulau Pinang/Kedah, adalah jelas bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri di bawahnya telah menyerahkan sebahagian wilayah Pulau Pinang yang disebutkan di dalam Rang Undang-undang kepada Negeri Kedah kerana ugutan Menteri Besar Kedah dan tekanan Kerajaan Persekutuan.

Dalam masalah pertikaian sempadan yang berpanjangan dengan Negeri Kedah sejak 1975, Kerajaan Negeri selalunya menegaskan dan Ketua Menteri sendiri juga telah memberitahu Ahli-ahli Dewan ini mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 10 Januari, 1980 mengulang pendiriannya bahawa seluruh kawasan di sepanjang garis tengah tengah alur Sungai Muda termasuk bahagian dari sungai yang telah menukar aliran (sekarang ini tanah daratan) menjadi sempadan Negeri Kedah dan Pulau Pinang.

Saya tidak faham mengapa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri berpatah balik kini dan berpisah daripada keputusan mereka yang diambil selama ini. Daripada peristiwa-peristiwa tersebut saya berani menganggap bahawa berikutan dengan ugutan Menteri Besar Kedah dan tekanan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Pulau Pinang telah menyerahkan tanah yang disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini kepada Negeri Kedah.

Semasa kemuncak pertikaian ini dalam tahun 1982 pada 29 Ogos, 1982 Menteri Besar Kedah pada masa itu telah mengeluarkan kata dua

kepada Negeri Pulau Pinang untuk menyelesaikan pertikaian sempadan Kedah/Pulau Pinang tersebut dalam tempoh sebulan. Menteri Besar Kedah seterusnya mengugut untuk tidak menandatangani perjanjian untuk memperuntukkan pembekalan air bagi projek pam air dan *barrage* di Bumbung Lima, Pulau Pinang, sekiranya Negeri Pulau Pinang gagal membuat keputusan atas isu sempadan dalam tempoh yang ditentukan itu.

Tuan Speaker, di pertengahan pertikaian sempadan itu, isu tersebut telah giat dibahaskan dalam Dewan Undangan Negeri Kedah dengan Ahli Dewan Negeri mereka menyokong kuat kata-dua selama sebulan yang diberi oleh Menteri Besar Kedah kepada Negeri Pulau Pinang bagi menyelesaikan isu pertikaian sempadan. Sebenarnya, seorang Ahli Dewan Undangan UMNO Kedah menyeru satu perbincangan bagi mendapat keputusan bersama diambil oleh Dewan Undangan Negeri Kedah mengenai tindakan seterusnya terhadap Pulau Pinang sekiranya Pulau Pinang gagal mematuhi kata-dua sebulan tersebut.

Malangnya, perkara yang sama tidak boleh dikatakan mengenai Pulau Pinang kerana saya rasa sungguh malu bahawa tiada seorang pun Ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional di sini yang bangun untuk mempertahankan hak Pulau Pinang dengan mengutuk ugutan Menteri Besar Kedah itu. Ugutan oleh Menteri Besar Kedah itu bukanlah satu tindakan yang mesra dari sebuah negeri jiran tapi adalah satu tindakan permusuhan oleh musuh yang mengancam Negeri Pulau Pinang. Sepatutnya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mempertahankan hak Negeri Pulau Pinang dan mengutuk ugutan yang dibuat oleh Menteri Besar Kedah, tetapi sebaliknya beliau telah cabut ke luar negeri atas alasan bercuti.

Tuan Speaker, sewaktu ketiadaan Ketua Menteri dari Negeri Pulau Pinang, Pemangku Ketua Menteri, Yang Berhormat Datuk Hj. Abdul Rahman Abbas, telah dalam keadaan terburu-buru menandatangani "Memorandum Persefahaman" dengan Negeri Kedah yang berpisah daripada keputusan Kerajaan Pulau Pinang yang telah diambil selama sembilan tahun yang lalu iaitu bahawa seluruh kawasan di sepanjang garis tengah alur Sungai Muda termasuk sebahagian dari sungai yang telah menukar aliran (sekarang ini tanah daratan) sepatutnya menjadi sempadan Kedah/Pulau Pinang. Dengan berbuat demikian, beliau telah menyerahkan kepada Negeri Kedah tanah tersebut yang sebenarnya kepunyaan Pulau Pinang.

Satu soalan yang menarik untuk dikemukakan di sini adalah mengapa pertikaian sempadan yang lama itu di antara Kedah dan Pulau Pinang tiba-tiba hendak disegerakan penyelesaiannya sehingga satu "Memorandum Persefahaman" harus ditandatangani di antara Kedah dan Pulau Pinang. Berkenaan dengan 'Memorandum Persefahaman' yang telah ditandatangani, saya pernah membangkitkan satu soalan di Dewan ini tentang mengapa perkara ini tidak harus ditangguh hingga Y.A.B. Ketua Menteri pulang ke Pulau Pinang dari luar negeri. Seterusnya, jawapan yang diberi oleh Y.A.B. Ketua Menteri bahawa 'Memorandum Persefahaman' ditandatangani bukan hanya untuk kemudahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kedah, tetapi juga untuk Kerajaan Persekutuan adalah sukar dipercayai dan tidak boleh diterima.

Adalah amat aneh dan sukar untuk dipercayai bahawa pertikaian sempadan di antara Pulau Pinang dan Kedah yang telah bermula dari 1975 dengan tiba-tiba menjadi mendesak sehinggakan ianya terpaksa diselesaikan secepat mungkin mengikut kehendak Kerajaan Persekutuan dan Negeri Kedah dan dengan ketiadaan Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang. Saya boleh menyatakan di sini tanpa ragu-ragu bahawa 'Memorandum Persefahaman' yang ditandatangani bukanlah untuk kemudahan Kerajaan Persekutuan dan Negeri Kedah seperti yang diterangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri tetapi sebenarnya adalah kerana ugutan dari Y.A.B. Menteri Besar Negeri Kedah dan tekanan dari Kerajaan Persekutuan.

Mengenai satu lagi soalan yang saya bangkitkan di Dewan ini tentang sebab-sebab mengapa Kerajaan Negeri berpatah balik daripada pendirian dan keputusan awal berkenaan pertikaian sempadan Kedah/Pulau Pinang, Y.A.B. Ketua Menteri dalam jawapannya telah menyatakan bahawa dasarnya Majlis Mesyuarat Kerajaan selalu mematuhi nasihat dan keputusan Kerajaan Persekutuan. Apa yang memeranjatkan ialah persetujuan Kerajaan Negeri mematuhi nasihat dan keputusan Kerajaan Persekutuan dalam perkara ini walaupun jelas sekali keputusan tersebut bukan untuk kepentingan Pulau Pinang dan rakyatnya.

Hubungan rapat dengan Kerajaan Persekutuan seperti yang selalu dibanggakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, jika ada pun, adalah diperolehi dengan pengorbanan besar rakyat Pulau Pinang, iaitu penyerahan sebulat-bulat diri Y.A.B. Ketua Menteri dan Negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan Persekutuan dan penerimaan sebulat-bulat nasihat dan keputusan Kerajaan Persekutuan tanpa memperdulikan sama ada ia memberi menafaat atau

tidak kepada rakyat Pulau Pinang.

Daripada cara terburu-buru pertikaian sempadan ini diselesaikan di antara Negeri Kedah dan Pulau Pinang, saya hanya boleh membuat kesimpulan bahawa Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri telah menunduk kepada ugutan Y.A.B. Menteri Besar Negeri Kedah dan tekana dari Kerajaan Persekutuan. Dengan berbuat demikian, Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri telah tidak berdiri tegas dan memperjuangkan apa yang menjadi hak Pulau Pinang dan sebenarnya telah gagal melindungi hak wilayah rakyat Pulau Pinang.

Sebagai kesimpulan, Y.A.B. Ketua Menteri telah menjadi satu patung yang dimanipulasi dan dikuasai oleh UMNO. Semenjak Y.A.B. Ketua dan partinya, Gerakan, menggadaikan rakyat Pulau Pinang dengan memasuki Barisan Nasional selepas rakyat memilihnya atas platform Pembangkang, beliau bolehlah dianggap sebagai '*politically impotent*' dan seorang '*political eunuch*' yang memilih untuk terus menggadaikan dan menjual (gangguan).

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon Y.B. Ahli Pengkalan Kota menarik balik perkataan "patung UMNO" yang bertujuan untuk membawa perasaan perkauman yang sensitif dan juga perkataan '*political eunuch*' yang tidak sesuai di dalam Dewan Undangan Negeri ini. Tuan Speaker, saya mohon Yang Berhormat berkenaan menarik balik.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Boleh, jikalau Y.A.B. Ketua Menteri boleh memberi satu perkataan yang sesuai, saya boleh tarik balik. Saya tidak tahu perkataan yang sesuai untuk *describe* Y.A.B. Ketua Menteri. Jika ada perkataan lain yang sesuai, saya boleh tarik balik.

Tuan Speaker:

Tidak payah bawa perkataan '*political eunuch*'.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Saya tidak tahu lain perkataan, jikalau Tuan Speaker (gangguan).

Tuan Speaker:

Sila tarik balik.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon Tuan Speaker mengambil keputusan bahawa Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Pengkalan Kota menarik balik dua perkataan : Pertamanya "patung UMNO" yang sesungguhnya fikiran (gangguan). Tuan Speaker, saya berdiri (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, *I have the right of way!*

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon Tuan Speaker mengambil keputusan menjelaskan kepada Yang Berhormat Ahli dari Pengkalan Kota menarik balik dua perkataan iaitu "patung UMNO" yang sesungguhnya perkataan yang bertujuan membawa perkara perkauman yang sensitif. Tuan — itu sungguh tujuan! Jangan berani bohong! Dan perkataan yang kedua ialah '*political eunuch*' yang saya kata tidak sesuai dalam Dewan Undangan ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, boleh saya terangkan.

Tuan Speaker:

Sila duduk, Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota. Saya harap Yang Berhormat tarik balik perkataan "patung UMNO" dan "*political eunuch*".

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Saya tidak tahu bagaimana "patung UMNO" boleh menjadi satu perkataan yang tidak boleh dipakai di sini, dan perkataan "*political eunuch*" ialah hanya satu peribahasa sahaja. Jika Ketua Menteri boleh beri satu perkataan yang sesuai, saya boleh tarik balik.

Tuan Speaker:

Tidak payah!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Jika saya tarik balik, ucapan saya tidak ada makna. *Give me a word that can be a substitute. What is wrong with mentioning "UMNO stooge"?*

Tuan Speaker:

Saya telah mengambil keputusan tarik balik kedua-dua perkataan ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya tidak mahu tarik balik fasal perkataan ini (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, *point or order* 47(4): Fatwa-fatwa yang diberi oleh Speaker adalah muktamat. Jadi saya mohon Y.B. Tuan Speaker bertegas dalam soal ini.

Tuan Speaker:

Saya sudah ambil keputusan oleh itu (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Jangan mengikut kehendak Ketua Menteri. Setahu saya kedua-dua perkataan ini tidak bersalahan di sini. *It is not unparliamentary. What is wrong with being a political eunuch?*

Tuan Speaker:

Tidak sesuai.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Kalau tidak sesuai, sila beri satu perkataan yang sesuai. Jika ada satu perkataan yang sesuai, saya akan tarik balik.

Tuan Speaker:

Tarik Balik!

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, peraturan : Saya ingat kalau kita boleh lihat Peraturan Mesyuarat 46 di bawah tajuk "*Rules of Debate*". Tuan Speaker, dengan izin jikalau saya boleh baca 46 (xiii)(a) dalam bahasa Inggeris:

"A Member must not —

(a) *impute improper motives to any other Member;*

(b) *make a personal charge against any other member;*

(c) *use offensive expressions;*

(d) *indulge in personalities.*

Saya rasa itu terus terang, Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, sebelum saya dikatakan (gangguan).

Tuan Speaker:

Tarik balik!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Saya tahu dan saya boleh tarik balik, Tuan Speaker, tapi saya boleh tarik balik jikalau Tuan Speaker boleh beri satu perkataan lain (gangguan).

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, saya ingin mengesyorkan perkataan “patung UMNO” diganti dengan perkataan (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan atau apa?

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Saya hendak bagi tahu (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Apa? Peraturan atau apa? Saya ada *right of way*!

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Erti “patung UMNO” (gangguan)

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, *I have got a right of way*. Jikalau tidak ada peraturan, duduk!

Tuan Speaker:

Kedua-duanya sila duduk! Saya sudah ambil keputusan supaya perkataan-perkataan itu ditarik balik.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Ya, saya pun setuju mahu tarik balik jika Ketua Menteri atau Tuan Speaker boleh beri satu perkataan lain sebab bahasa saya kurang baik.

Tuan Speaker:

Saya tidak ambil bahagian dalam perbahasa.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Beri satu perkataan lain. Bolehkah UMNO atau sesiapa berikan perkataan lain?

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, saya hendak beri ini (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

“*Political eunuch*” seorang politik (gangguan).

Tuan Speaker:

Sila duduk! Sila duduk!

Ahli Kawasan Sungai Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, (gangguan)

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

What are you trying to do? Standing order or what? Apa? Saya ada right of way!

Tuan Speaker:

Sila duduk, kedua-dua pihak. Saya pun sudah ambil keputusan dan saya berharap Ahli Kawasan Pengkalan Kota boleh terima keputusan saya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya tidak mahu bergaduh dengan Tuan Speaker dan saya setuju mahu tarik balik tapi dengan syarat perkataan lain boleh dicari. Bahasa saya kurang baik, barangkali UMNO boleh berikan perkataan lain.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Yalah, itu yang saya hendak bagi tapi *you* yang tidak mahu dengar.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, boleh saya teruskan?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tidak boleh! Tarik balik dulu!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tarik balik apa? Adakah lain-lain perkataan yang Tuan Speaker boleh berikan? Tuan Speaker,

seperti sudah saya katakan tadi, bukan saya tidak mahu tarik balik sebab setahu saya kedua-dua perkataan ini adalah sesuai, dan jikalau Barisan Nasional sama ada Gerakan, UMNO, MCA atau boleh berikan perkataan yang sesuai, saya mesti setuju tarik balik seratus peratus.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, Yang Berhormat dari Pengkalan Kota minta perkataan yang sesuai, jadi rakan saya di sini bersedia hendak bagi dia tahu.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teok Teik Huat):

Tidak payah jelaskan. O.K. apakah perkataan bagi mengganti perkataan "*UMNO stooge*"?

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Itulah yang saya hendak bagi tahu. Bagi perkataan "patung UMNO", Ahli Yang Berhormat boleh gunakan "rakan UMNO".

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

.. Rakan UMNO?

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Ya, kami berkongsi dalam Barisan Nasional, jadi gunakan perkataan "rakan UMNO".

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Seorang rakan UMNO yang *junior*.

Tuan Speaker:

Baiklah.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tarik balik satu lagi perkataan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Sudah (gangguan). Ini bukan keputusan Ahli-ahli Dewan tetapi keputusan Tuan Speaker.

Tuan Speaker, boleh saya teruskan?

Tuan Speaker:

Ya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Beliau telah memilih untuk terus mengadakan dan menjual hak dan kepentingan rakyat Pulau Pinang secara am dan orang bukan bumiputra khususnya kerana takut kehilangan kerusi Ketua Menteri. Kesemua ini dilakukan untuk menunai-kan kehendak parti bossnya UMNO.

Saya memang sedar bahawa kelulusan Rang Undang-undang ini tidak memerlukan kelebihan undi dua pertiga Dewan ini kerana terdapat pindaan kepada Perlembagaan Negeri Pulau Pinang yang dibuat dalam tahun 1973, iaitu tahun mulanya pertikaian sempadan di antara Negeri Kedah dengan negeri kita. Pada ketika itu sendiri Y.A.B. Ketua Menteri menunjukkan belangnya.

Jika sekiranya Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan ini saya tidak teragak-agak untuk menyatakan di sini bahawa sesiapa yang menyokong Rang Undang-undang ini akan digelar sebagai pengkhianat negeri dan rakyat Pulau Pinang oleh rakyat kita. Jika ada Yang Berhormat yang suka digelar sebagai pengkhianat oleh rakyat, maka mereka bebas untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Bagi diri saya dan parti saya, kami menentang dengan sekeras-kerasnya Rang Undang-undang ini.

Sekian.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ADUN Kawasan Kubang Semang bangun di Dewan ini untuk menyokong Rang Undang-undang Perubahan Sempadan Negeri Pulau Pinang, 1985, yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu, sebentar tadi. Tuan Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah di atas kejayaan Ketua Menteri membentangkan Rang Undang-undang ini untuk diluluskan di Dewan yang mulia ini pada hari ini. Saya berharap undang-undang ini akan diluluskan dengan sebulat suara demi kepentingan rakyat dan negeri ini.

Tuan Speaker, pada saya sesiapa yang menentang akan Rang Undang-undang ini adalah pengkhianat rakyat dan negeri ini. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membuat satu keputusan yang bijak tanpa menerima tekanan daripada mana-mana pihak dan tanpa menerima paksaan daripada

mana-mana golongan, hanya mementingkan perpaduan dan semangat kejiranan di antara negeri dengan negeri dan rakyat dengan rakyat. Inilah yang dikehendaki oleh Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah negeri ini dan Kerajaan Barisan Nasional juga yang memerintah Malaysia pada hari ini, bukan macam DAP yang sentiasa hendak membakar semangat supaya rakyat bergaduh. Inilah tujuannya, bila rakyat bergaduh, negara tidak aman dan keselamatan tidak terjamin. Sepertimana yang dikehendaki oleh Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri semalam, beliau telah menekankan bahawa keamanan dan kesetabilan kaum adalah penting untuk kita.

Jadi, Tuan Speaker, manakala saya meneliti dan saya mengamati apa yang diucapkan oleh wakil dari Pengkalan Kota tadi, rupa-rupanya beliau hendak merebutkan sekeping tanah — sekeping kawasan yang kecil — dan berkehendakkan air yang mana pada kita kawasan yang kita bahagi sorang setengah ataupun separuh ini pun telah cukup. Tetapi mungkin wakil dari Pengkalan Kota tidak cukup pembahagian yang sikit itu — beliau hendak banyak sepertimana yang diamali ataupun diajar oleh ketuanya, wakil dari Bukit Glugor yang berkehendakkan air yang banyak.

Jadi, Tuan Speaker, mungkin wakil dari Pengkalan Kota ini tidak tahu sejarah Negeri Pulau Pinang yangmana Y.A.B. Ketua Menteri telah menyatakan tadi bahawa *treaty* telah ditandatangani pada 6 Mei, 1869, bermakna 116 tahun kalau tidak silap saya. Kita mesti menghormati bahawa *treaty* ini adalah *treaty* yang lama dan kita sebuah negara yang merdeka, negeri yang berdaulat dan negeri di mana rakyat diperintah oleh rakyat. Jadi amat patut dan sesuai sekali Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang membuat keputusan. Ini adalah keputusan rakyat yang ramai yang mana rakyat memilih Barisan Nasional untuk memerintah negeri ini, bukan DAP.

DAP ini, Tuan Speaker, kita boleh anggapkan serupa dengan musang (*a fox*). Musang ini, kalau dia tidak mendapat buah anggor, Tuan Speaker, dia katakan buah anggor itu masam walaupun buah anggor, Tuan Speaker, dia katakan buah anggor itu masam walaupun buah anggor itu manis. Ini bermakna keputusan kita ini dia tidak boleh ikut sama sebab mungkin ketuanya, Encik Karpal Singh, sudah bagi petua ataupun mengajarnya berbuat demikian. Walaupun dia teringin hendak mari ke sebelah sini, apa boleh buat?

Tuan Speaker, lulusnya Enakmen Pengubahan Sempadan di Dewan ini menunjukkan dengan

jelas betapa jujur dan ikhlasnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa memikirkan hubungan baik dengan negeri jiran dan memandangkan faedah rakyat semata-mata. Dengan ini maka bertambah erat lagilah hubungan di antara Negeri Kedah Darul Aman dengan Pulau Pinang dan juga untuk kepentingan kedua-dua buah negeri dan rakyat yangmana kita berkehendakkan supaya rakyat negara kita sentiasa berpadu dan bersatu.

Tuan Speaker, kita sedia maklum bahawa sebelum keputusan ini dibuat, perundingan, pertimbangan dan kajian telah dijalankan dengan teliti sejak tahun 1973 — iaitu 12 tahun yang lalu — di antara ketiga-tiga pihak iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan Pusat. Setelah diteliti, dikaji dan ditimbang dengan sehalus-halusnya demi untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat maka mereka telah memperpersetujuinya, maka barulah dibentangkan di Dewan ini untuk mendapat kelulusan. Kita bukan hanya hentam keromo ataupun saja-saja suka-suka ataupun hendak memberi kawasan kita kepada orang lain. Ini adalah untuk kepentingan rakyat.

Adalah ditegaskan di sini, Tuan Speaker, adalah terang dan nyata bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini tidak mempunyai sifat-sifat tamak dan haloba kawasan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Tuan Speaker, di bawah Barisan Nasional mementingkan kebaikan dan faedah rakyat kedua-dua buah negeri iaitu Pulau Pinang dan Kedah Darul Aman. Demi untuk kebaikan, kesejahteraan dan faedah rakyat kedua-dua Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kedah maka pengubahan sempadan telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat di Dewan ini. Oleh itu saya menyokong ianya diluluskan.

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri dan Yang Berhormat rakan-rakan saya, akhir kata saya selaku ADUN kawasan Kubang Semang ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini kepada ketiga-tiga Kerajaan iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan Pusat supaya memberi pertimbangan dan merancang pembangunan sempadan iaitu pembangunan di Lembah Muda atau kawasan Enakmen perubahan sempadan yang akan diluluskan nanti. Kalau boleh jadikanlah kawasan ini kawasan pembangunan wilayah utara. Pembangunan ini jika dilakukan akan memberi faedah dan kebaikan bersama rakyat Negeri Pulau Pinang dan juga rakyat Negeri Kedah Darul Aman.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Yusof bin Salleh):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong cadangan Rang Undang-undang pecahan sempadan yang dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri yangmana pada pendapat saya adalah satu cadangan yang mempunyai tujuan yang mulia, tidak seperti pandangan yang dikeluarkan oleh pihak DAP. Jadi sebagai Kerajaan yang memerintah Negeri Pulau Pinang, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memerintah negeri ini semoga dalam keadaan aman dan tenteram oleh sebab itulah amanah yang telah diserahkan kepada Kerajaan oleh rakyat.

Jadi, Tuan Speaker, cadangan berkenaan dengan mengubah kawasan dan sempadan, ini memanglah satu perkara yang perlu kita buat yang boleh membawa banyak faedah kepada seluruh rakyat negeri ini, tidak sepertimana disebut oleh wakil dari Pengkalan Kota dari segi melindungi setakat memandangkan sebagai melindungi hak sahaja semata-mata, tetapi kita terpaksa merangkumi kedua-dua perkara iaitu dari segi melindungi hak dan melindungi kesempurnaan hidup rakyat di Negeri Pulau Pinang ini.

Tuan Speaker, masalah sempadan yang perlu kita ubah sekarang ialah kerana untuk menukar apa yang telah dibuat di zaman penjajah dahulu. Kita sekarang sudah merdeka, maka perlulah bagi kita mengadakan satu ketentuan yang lebih sempurna bagi mengelakkan berlakunya lagi pencerobohan di antara satu negeri dengan satu negeri. Sebaliknya kita dapat mengekalkan hubungan muhibbah yang lebih rapat di antara dua buah negeri yang berjiran. Itulah tujuan-tujuan cadangan ini dikemukakan dalam Dewan pada hari ini untuk mendapat sokongan dan persetujuan.

Selain dari itu, kita sebagai orang yang diamanahkan untuk memerintah negeri ini hendaklah selalu memikir lebih jauh dan luas. Kita tidak boleh berfikir secara sempit dan mengikut emosi kita sendiri. Kebanyakan sempadan-sempadan di Malaysia Barat ini adalah berpandukan kepada sungai-sungai yang ada di dalam negeri itu. Ini termasuklah juga Pulau Pinang, Negeri Kedah dan juga lain-lain negeri. Dengan adanya sungai-sungai seumpama ini yang menjadi sumber penting kepada seluruh rakyat, eloklah dari hari ini kita mula bergerak ke arah satu cara hidup terbaik-baik antara satu sama lain. Lagipun kita mendapat bekalan air dari Sungai Muda untuk kegunaan rakyat Negeri Pulau Pinang dan juga untuk tanam-tanaman.

Kita juga perlu berfikiran jauh untuk masa

depan oleh sebab pada tahun 1990 ada kemungkinan rakyat Negeri Pulau Pinang akan bertambah sehingga dua juta lebih. Kita harus berfikir dari sekarang. Kita tidak boleh berfikir sepertimana wakil dari parti pembangkang. Oleh sebab itulah rakyat tidak memberi amanah kepada mereka untuk memerintah negeri ini kerana rakyat sudah faham dan tahu bahawa DAP adalah sebuah parti yang terdiri daripada ahli-ahli yang bodoh dan tidak tahu menjalankan pentadbiran negeri. Oleh sebab itulah bila beliau bangun bercakap dalam Dewan ini beliau terus membangkang tanpa mengenalpasti adakah cadangan ini satu cadangan yang baik atau yang buruk. Orang bodoh tidak tahu menilai dan kita tidak hairanlah dengan orang-orang semacam ini. Walaupun sudah bertahun-tahun kita tunjuk, kita cuba mengajarnya, masih juga bodoh. Apa boleh buat kalau sudah dilahirkan dengan keadaan yang bodoh?

Tuan Speaker, kita kena berfikir jauh masalah pengubahan sempadan ini. Sempadan yang lama itu disusun oleh pihak penjajah yangmana kita tahu penjajah tidak memikirkan masalah kepentingan rakyat tetapi memikirkan kepentingan diri sendiri. Jadi kita kena ubah sistem itu sesudah kita merdeka dan kita kena fikir pula tentang penggunaan air. Air juga kemungkinan bahawa hari ini Pulau Pinang sudah menggunakan air dari Sungai Muda. Jadi adakah Yang Berhormat dari Pengkalan Kota sedar kemungkinan kita akan menggunakan lebih banyak lagi air di negeri kita ini? Sebab itu sebagai orang yang diamanahkan memerintah negeri ini, kita kena berfikir dengan sejauh-jauhnya. Kita tidak mahu menjadi seperti negeri-negeri lain, macam negeri Afrika sekarang yang kita lihat kebuluran dan sebagainya. Jika kita diaman rakyat Negeri Pulau Pinang juga akan menghadapi keadaan yang semacam itu. Jadi dengan sebab itulah saya rasa cadangan ini mesti disokong. Orang yang membangkang hanyalah orang yang bodoh yang tidak tahu bagaimana cara dan tanggungjawab memerintah rakyat dan hak-hak kepentingan sesebuah negeri itu.

Selain dari itu, Tuan Speaker, saya suka juga menarik perhatian bahawa sepertimana yang saya katakan tadi, cadangan mengubah sempadan ini ialah satu cadangan yang meliputi berbagai-bagai aspek dan kepentingan bagi Negeri Pulau Pinang dan juga Kerajaan jiran kita, tidak sepertimana tuduhan oleh parti pembangkang. Kita tidak tunduk kepada jiran-kita itu. Kita hanya memelihara perhubungan antara dua buah negeri. Dengan cara yang demikian ini akan membolehkan kita hidup aman-damai dari masa ke semasa. Pihak

Berkuasa Air juga telah terlibat dalam keadaan ini dan kita perlu beri perhatian supaya apa yang kita ada di sana sekarang tidak menjadi sia-sia kepada kita.

Jadi itulah sedikit sebanyak pandangan saya dan saya suka menekankan dalam Dewan ini supaya kita haruslah menyokong penuh sesuatu cadangan yang mulia yang bertanggungjawab terhadap keseluruhan rakyat dan hak-hak istimewa rakyat Negeri Pulau Pinang dan juga Negeri Kedah.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, saya bangun untuk memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Enakmen Pengubahan Sempadan (Negeri Pulau Pinang) 1985 seperti dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Tuan Speaker, pada hemat saya apa yang kita perlu teliti dan apa kita termasuk Ahli-ahli pembangkang perlu faham ialah mengapa pada hari ini kita perlu membentangkan Rang Undang-undang ini. Saya rasa kita harus membuat perubahan sempadan antara negeri kita dan Negeri Kedah, sebab pada tahun 1973 yang lalu satu lengkungan atas pengaliran Sungai Muda telah dibuat; jadi selepas lengkungan atau pengaliran baru yang *artificial*, maka telah timbul satu masalah antara dua negeri jiran. Saya pandang masalah ini sebagai satu duri yang selalu memberi peluang untuk pihak-pihak tertentu termasuk pihak pembangkang untuk mengujudkan perasaan yang tidak baik antara negeri kita dan negeri jiran kita iaitu Negeri Kedah. Jadi masalah duri ini sentiasa membangkitkan perasaan yang tidak baik antara dua negeri yang berjiran. Maka hari ini dengan mengadakan Rang Undang-undang ini, Tuan Speaker, kita bersama-sama dengan negeri jiran kita serta dengan pertolongan Kerajaan Pusat dapat menyelesaikan satu masalah yang telah lama. Kita sudah buang duri itu, Tuan Speaker.

Oleh itu saya tidak bersetuju dengan apa yang telah dibangkitkan oleh pihak pembangkang, iaitu Yang Berhormat dari Pengkalan Kota, yang telah cuba mengujudkan perasaan yang tidak baik dengan menggunakan perkataan-perkataan seperti "pengkhianat". Saya yakin, Tuan Speaker, jikalau ada keperluan untuk berdarah dan berkorban diri atas kepentingan negeri dan negara, rakan-rakan saya di sebelah sini akan mencari jalan dahulu. Jadi siapa yang pengkhianat? Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota akan bertanya tokohnya, Ahli Yang Berhormat dari Bukit

Glugor, yang pada masa dulu telah menjadi ADUN di Kedah, tetapi telah lari dari Kedah ke Pulau Pinang, dan hari ini telah hilang. Itulah orang yang saya akan panggil saya tidak mahu sebut apa, saya tak mahu sebut juga pengkhianat — tapi janganlah panggil kami di sini pengkhianat.

Tuan Speaker, selain dari mengukuhkan perhubungan yang rapat antara negeri kita dengan Negeri Kedah, maka dengan penyelesaian masalah sempadan ini juga kita telah menentukan, seperti dinyatakan oleh rakan-rakan saya, bahawa bekalan air yang kita perlu adakan dari Sungai Muda dengan kerjasama dan pertolongan Kerajaan Negeri Kedah akan terus dapat dibekalkan. Dan ini saya rasa adalah sangat penting juga. Jadi dengan menyerahkan sekeping tanah seluas 20 ekar lebih, kita tidak hanya kehilangan sekeping tanah tetapi kita mendapat balik juga — kita mendapat keuntungan balik dari segi perhubungan yang rapat antara negeri kita dengan negeri jiran iaitu Negeri Kedah dan kita juga boleh mendapat keuntungan dari bekalan air yang telah dibekalkan. Dengan itu, Tuan Speaker, saya lagi sekali menyokong Rang Undang-undang ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Dewan ditangguh setengah jam.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.05 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 4.35 petang.

Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang mengenai sempadan antara Negeri Pulau Pinang dengan Negeri Kedah. Tujuan saya bangun dan menyokong Rang Undang-undang ini ialah dengan tujuan saya, ADUN Kawasan Tasek Gelugor, tidak dianggap sebagai pengkhianat di Negeri Pulau Pinang seperti yang dikatakan oleh Ahli Kawasan Pengkalan Kota. Sebenarnya, Tuan Speaker, siapa yang berkata "pengkhianat" Maka terpuhlamlah perwatakan pengkhianat itu kepada orang yang mula berkata. Maka jelaslah kepada Dewan bahawa orang yang mula berkata pengkhianat ialah Ahli Kawasan Pengkalan Kota.

Tuan Speaker, saya ingin menyentuh mengenai tahun persetujuan dibuat di antara Kerajaan Raja Inggeris dengan Raja Siam iaitu pada 6 Mei 1869. Saya pun hairan adakah Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota pada tahun 1869 itu berada di dunia ini. Saya tahu beliau berada dalam Dewan selepas tahun 1982, dan mungkin di antara beliau dengan saya, saya lebih lama dan lebih tua. 6 Mei 1869 adalah satu tarikh di mana Kerajaan Inggeris dengan Kerajaan Siam telah menandatangani persetujuan garis sempadan itu. Jadi kalau pihak wakil DAP dari Pengkalan Kota telah memberi kata-kata yang begitu pedas terhadap Kerajaan Barisan Nasional Pulau Pinang dan Y.A.B. Ketua Menteri, maka seolah-olah beliau telah berada pada zaman itu. Jadi inilah yang menjadi masalah yang kita ingin untuk menerangkan dengan lebih jelas lagi dalam ucapan-ucapan pihak Kerajaan bagi menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya bersetuju penuh kerana garis sempadan yang dipersetujui oleh Kerajaan Inggeris dan Kerajaan Siam pada ketika itu adalah bukan Kerajaan pilihan rakyat, bukan Kerajaan kita yang sebenarnya sebagai rakyat Negeri Pulau Pinang, Negeri Kedah dan rakyat Malaysia, oleh kerana Kerajaan Inggeris pada ketika itu telah menjajah Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Siam telah menjajah Negeri Kedah. Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah adalah sebahagian dari gabungan negeri-negeri yang kita perakumkan sebagai Malaysia, jadi sudah tentulah persetujuan di antara ketiga-tiga Kerajaan iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Kedah dan juga Kerajaan Pusat telah difikirkan dengan penuh teliti. Cuba kita perhatikan ucapan Y.A.B. Ketua Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang ini. Yang Amat Berhormat telah menyebutkan bahawa tebing yang menjadi masalah kita ini ialah tebing utara. Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota tidak faham apakah "tebing utara" yang menjadi masalah kita ini. Ahli Bagan Ajam telah mengatakan bahawa wakil DAP dalam Dewan ini adalah bodoh, maka oleh itu saya ingin terangkan apakah ertinya "tebing utara". Kalau Ahli Yang Berhormat hendak ke Sungai Petani — ataupun lebih dekat lagi ke Tikam Batu — sudah tentulah kena melalui Jambatan Merdeka. Betul tidak, Tuan Speaker? Jadi, apabila hendak melalui Jambatan Merdeka ini, cuba Yang Berhormat dari Pengkalan Kota berhenti kereta di atas titi itu, kemudian lihat sama ada di sebelah matahari jatuh atau di sebelah kiri jambatan itu dan perhatikan tebing utara itu letaknya di mana. Jawabnya jelaslah di utara iaitu di sebelah sana; dan apabila ke sana, Tuan Speaker, di sini tebing ini telah men-

jadi sempadan kita sekarang. Oleh itu satu masalah yang mengelirukan telah timbul dan rakyat pun tertanya-tanya macam mana sempadan boleh jadi begini — ini Pulau Pinang dan ini Kedah, tapi yang menjadi sempadan adalah di sebelah sini. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota tinggal di Kedah tentulah merasakan ini tidak betul. Inilah masalah yang ditimbulkan oleh rakyat Kedah. Oleh sebab hendak membetulkan kesalahan yang telah dibuat oleh Kerajaan Inggeris dan Kerajaan Siam pada tahun 1869 itulah maka timbul masalah ini. Kita betulkan, bukan kita hendak jual, gadai atau bagi sebahagian dari negeri kita pada orang lain. Kita hendak perbetulkan perkara yang salah, oleh sebab itu Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional bukanlah orang-orang yang bodoh tetapi orang-orang yang dapat berfikir. Oleh sebab itu juga Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah membantah apa yang dicakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pengkalan Kota yang telah menyebutkan Y.A.B. Ketua Menteri sebagai "patung UMNO".

Saya suka mengambil kesempatan di sini, Tuan Speaker, untuk memberi makna perkataan "patung" kalau Ahli Yang Berhormat tidak faham. Saya hendak mengulaskan makna patung di dalam dua pengertian yang berlainan maksud atau berlainan makna. Pertama, patung adalah sejenis binatang yang terbangnya macam kapal terbang atau helikopter; apabila digigit olehnya, kita berasa geli sedap. Kalau Yang Berhormat dari Pengkalan Kota digigit oleh patung, mungkin dibiarkan digigit lama sebab sedap dan geli. Itu makna patung dalam ertikata bahasa yang bukan peribahasa.

Maksud "patung" yang kedua yang dihurai-kan dalam peribahasa mungkin boleh bermakna batu atau kayu. Misalnya apabila batu diukir sebagai seorang manusia atau sebagai seekor binatang, terletaklah patung itu tidak bergerak, kalau letak situ 10 tahun, 10 tahunlah duduk situ dengan tidak bergerak, tidak bernafas dan tidak berjalan jika tidak diubah. Adakah logik tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota kepada Y.A.B. Ketua Menteri sebagai patung seperti itu? Sebab itu kami membantah dan Y.A.B. Ketua Menteri juga mengatakan beliau punya fikiran, bukan patung yang duduk tidak bergerak.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Peraturan 46, Tuan Speaker : *What has been brought up is not relevant to the Bill.*

Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Md. Noor bin Ahmad):

Saya mahu Ahli Yang Berhormat faham erti patung dalam dua makna yang berlainan, satu dalam erti kata sebenar dan satu lagi sebagai peribahasa. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota tidak faham, itulah dua makna perkataan "patung". Jadi Y.A.B. Ketua Menteri ialah seorang manusia seperti kita juga, seperti Yang Berhormat Ahli dari Pengkalan Kota dan tuduhan patung seperti itu, kalau dikatakan patung kepada Y.A.B. Ketua Menteri, maka patung jugalah Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota, sebab kita sama-sama manusia. Jadi ini sebagai penjelasan.

Tuan Speaker, selain dari penjelasan saya ini, adalah jelas dari ucapan Y.A.B. Ketua Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang ini bahawa tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk membetulkan perkara yang tidak betul dan mengelakkan perkara yang tidak elok. Kalau Ahli Kawasan Pengkalan Kota mengatakan sesiapa di antara kami di sebelah sini yang menyokong sebagai pengkhianat, kami menafi sama sekali dan menolak tuduhan itu. Kami adalah perwira Negeri Pulau Pinang dan kami adalah jaguh Negeri Pulau Pinang. Kerana apa kami kata kami perwira dan kami jaguh? Kerana kami mahu duduk di dalam sebuah negeri yang aman damai dan suka berjiran tetangga. Dalam siaran-siaran televisyen selalu disebutkan mengenai jiran tetangga dan berbaik-baik sangka di antara satu dengan lain. Demi berbaik-baik sangka di antara satu sama lain inilah maka kita fikir supaya Rang Undang-undang ini mestilah kita sebagai seorang yang mempunyai fikiran, kebolehan dan diberi pula tanggungjawab oleh rakyat untuk menjaga keamanan dan amanah tanah ini menyokongnya.

Jadi, Tuan Speaker, saya tak mahu nak cakap panjang, saya bersetuju dan menyokong penuh Rang Undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Selain dari itu, sebelum Rang Undang-undang ini dibawa masuk ke dalam Dewan Undangan Negeri sama ada di Pulau Pinang atau di Negeri Kedah dan juga di Parlimen, beberapa rundingan yang penuh teliti telah diadakan di antara 3 Kerajaan. Hasil dari kajian yang penuh teliti itulah maka satu keputusan yang agak konkrit telah kita persetujukan dan inilah Rang Undang-undang yang kita bentangkan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya bangun dan ingin mengambil bahagian dalam perbahasan

yang mana saya sendiri sebagai penyokong usul ini. Pada mulanya saya rasa semua orang terutama sekali rakan saya dari Pengkalan Kota agak faham dengan apa yang dijelaskan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam membentangkan Rang Undang-undang mengenai kawasan sempadan yang sedang kita bincangkan sekarang. Tetapi oleh kerana rakan saya dari Pengkalan Kota tidak begitu faham maka saya ingin mengambil bahagian di samping menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan ini untuk memberi sedikit penjelasan mengenai perkara-perkara yang telah dibahaskan.

Yang pertama sekali kita kenalah mengambil perhatian bagi memahami tujuan ataupun maksud Rang Undang-undang ini. Apa yang kita bincangkan ini adalah satu perkara yang lama yang telah memakan masa selama 116 tahun. Sempadan ini telah mula dibuat oleh penjajah, jadi oleh kerana kita telah merdeka dan kita mempunyai tanggungjawab dan maruah kita sendiri, maka kita patut perbetulkan mana yang tidak betul. Memanglah penjajah dahulu lebih kurang macam DAP juga; mereka membuat peraturan-peraturan bagi membangkitkan semangat pecah-belah, pergaduhan dan sebagainya. Jadi ini senang ditengok oleh penjajah, dan saya ingat rakan saya pun macam itu juga. Oleh sebab itu saya hendak jelaskan bahawa sempadan ini telah dibuat oleh penjajah 116 tahun yang lalu, tapi Kerajaan kita di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri mempunyai fikiran yang waras, pandangan yang jauh dan memikirkan bagaimana kepentingan rakyat Negeri Pulau Pinang patut kita utamakan, dan kita kemukakan Rang Undang-undang.

Yang kedua, kalau kita lihat secara mendalam, tidak ada negeri dalam sejarah dunia ini yang membuat sempadan di tepi rubing seperti perjanjian yang ada dulu. Saya tidak pernah melawat banyak negeri tapi di negeri manapun sempadannya adalah di tengah. Ini yang saya hendak jelaskan. Belum ada dalam sejarah dunia sempadannya di rubing ataupun di tebingnya. Jadi ini yang kita hendak betulkan, bukan kita hendak serahkan Negeri Pulau Pinang pada Negeri Kedah. Yang Berhormat kena faham dan jelaskan balik kepada rakannya dari Bukit Glugor yang tidak hadir pada hari ini. Kalau kita tengok dalam peta, negeri-negeri dalam Malaysia pun sempadannya adalah di tengah-tengah, bukan di tepi rubing. Ada tak, Yang Berhormat? Kalau saya tak nampak tak tahulah.

Jadi dengan adanya dua perkara yang saya terangkan ini mungkin rakan saya dari Pengkalan Kota boleh faham dengan lebih jelas dan bila

sudah jelas barulah beliau tahu bahawa kalau telah diketahuinya dari awal lagi tentu beliau tidak kata kita ini pengkhianat sebab kita adalah orang yang mempunyai tanggungjawab memikir dengan lebih teliti di atas tanggungjawab kita kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Saya mengucapkan syabas kepada kedua-dua Kerajaan Negeri Kedah dan Pulau Pinang yang telah mengambil keputusan untuk membetulkan perkara-perkara yang telah dibuat oleh penjajah kerana kita sudah merdeka dan langkah-langkah itu adalah patut dan penting. Mungkin Yang Berhormat kata bila kita buat sempadan di tengah, 24 ekar tanah akan berbalik ke Kedah; tidak, Kerajaan Negeri Kedah telah bersetuju dengan perundingan yang dibuat dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan tanah ini telah diserahkan balik pada kita supaya Pihak Berkuasa Air dapat membuat perancangan bagi membekalkan air, kalau tidak Pengkalan Kota tidak naik air.

Saya pun kena jelaskan sebab rakan saya tadi nampaknya tidak berapa faham. Dalam soalan pagi tadi pun beliau kata di Pulau Pinang tidak ada pokok getah. Saya teringat masa saya sekolah dahulu ada satu perumpamaan "Macam Katak di Bawah Tempurong" dan Ahli yang berkenaan boleh diumpamakan sebagai katak di bawah tempurong sebab beliau ingat tidak ada getah dalam Negeri Pulau Pinang ini. Saya celik-celik mata ada kebun getah, di Sungai Acheh pun ada kebun getah. Jadi dengan penjelasan ini kita dapat menolak sama sekali dakwaan-dakwaannya yang telah dibuat oleh Parti DAP yang wakilnya di sini telah menyatakan bahawa dengan meluluskan Rang Undang-undang ini maka Kerajaan Negeri telah mengadai ataupun telah memberi sebahagian tanah Negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan Negeri Kedah. Saya ingat Yang Berhormat kena baca balik sejarah negeri kita supaya dapat memahami perkara ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan ujudnya Rang Undang-undang ini akan membawa pertalian yang lebih erat lagi di antara Pulau Pinang dengan Kedah. Perkara patung-patung UMNO tidak timbul dalam masalah ini. Dalam UMNO tidak ada patung tapi ada manusia. Patung tidak boleh bergerak, tapi manusia boleh bergerak. Jadi lain kali saya harap Yang Berhormat Ahli dari Pengkalan Kota tidak usahlah sebut perkataan "patung UMNO" lagi. Rakan saya sudah terangkan makna "patung" dalam dua ertikata, saya ada satu lagi makna yang kalau disebut di Kelantan orang-orang akan pukul kita, dan mungkin kita tidak dapat balik ke Pulau Pinang. Kalau Yang Berhor-

mat hendak tahu maknanya saya akan terangkan di luar.

Tuan Speaker, itulah serba ringkas penjelasan yang dapat saya sampaikan supaya tidak ada kekeliruan yang terdapat dalam kita membahaskan Rang Undang-undang mengenai sempadan ini. Jadi kita hendak membetulkan sempadan, bukan hendak serahkan tanah kita, tidak. Buat apa kita bergaduh? DAP suka sangat hendak bergaduh, dan bila negeri kita huru-hara mereka suka. Ini satu perkara yang tidak baik. Kita di sebelah sini ada tanggungjawab dan tahu kewajipan kita dalam mempertahankan negara kita supaya negara kita ini berada dalam keadaan selamat. Perpaduan yang kukuh akan menjamin keharmonian di antara masyarakat antara kaum dalam negara ini.

Jadi saya ingat setakat ini sahaja, Yang Berhormat Tuan Speaker, ucapan yang saya dapat sampaikan dan saya sebagai penyokong Rang Undang-undang ini sekali lagi menyokong penuh Rang Undang-undang ini supaya diluluskan.

Sekian, terima kasih.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini, iaitu suatu Rang Undang-undang yang bersejarah yang telah membawa kita ke suatu zaman yangmana perhubungan dengan negeri jiran dan negeri-negeri Persekutuan boleh menjadi lebih erat.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong saya kerana ini telah menunjukkan dengan terus terang macam mana kita semua telah mengambil tanggungjawab sebagai wakil rakyat dalam Negeri Pulau Pinang dengan menyokong penuh Rang Undang-undang ini. Dan jika Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Pengkalan Kota sesungguhnya ingin hendak menolak Rang Undang-undang ini, itupun baik bagi Dewan ini sebab kita boleh dapat tahu macam mana kedudukan wakil-wakil rakyat di dalam Negeri Pulau Pinang dan ini juga menunjukkan bahawa kita telah membahaskan perkara ini dengan teliti.

Apa yang terjadi ialah saya percaya sepenuhnya jika Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undang-

an Negeri ini menyokong Rang Undang-undang yang saya bawa, ini menunjukkan minat dan kekuatan kita semua sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri yang telah mengangkat sumpah bila kita masuk ke dalam Dewan ini. Sesungguhnya kita semua telah menunaikan kewajiban untuk memelihara dan melindungi serta mempertahankan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang. Ini adalah menjadi satu perkara yang besar tetapi sebelum saya balik kepada perkara ini saya hendak bagi keterangan yang lebih sedikit mengenai apa yang telah dibawa dalam perbahasan kita pada hari ini, terutama sekali masalah Memorandum Persefahaman.

Memorandum Persefahaman ini telah dibawa di dalam Dewan ini pada tahun dahulu oleh rakan saya dan Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Pengkalan Kota telah mengambil satu *point* yang langsung tidak berguna. Beliau kata ini telah dibawa oleh rakan saya, Ahli dari Kawasan Bertam, sebagai Pemangku Ketua Menteri dan oleh sebab beliau telah membawa perkara ini, ini menjadi satu usul atau cadangan UMNO. Ahli Kawasan Bertam ialah seorang pemimpin UMNO tetapi beliau juga pemimpin Barisan Nasional, dan kita dalam Barisan Nasional semua menyokong penuh bila sesuatu perkara dibawa oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan oleh sebab Kerajaan Barisan Nasional bekerja untuk menyatupadukan rakyat keseluruhannya dan kita tidak berpecah belah. Sungguhpun saya tidak mengambil bahagian oleh sebab saya tidak dapat hadir di Dewan ini tetapi saya telah menerima keputusan Dewan pada masa itu oleh sebab *continuity* dan *stability* yang kita ada dalam Dewan Negeri ini.

Bila Ahli dari Kawasan Pengkalan Kota mengambil masa ini untuk menuduh kita, beliau ada dua tujuan:-

- 1) untuk memecahbelah atau memutuskan *continuity* dan *stability* negeri kita. Ini satu ancaman yang saya ingat langsung tidak patut dan ini menunjukkan macam mana kelas DAP; dan
- 2) untuk memecahbelahkan negeri kita sebab mereka langsung tidak berani membawa masalah perkauman secara terus terang tetapi sahaja mengambil peluang memainkan masalah perkauman sebagai cubaan hendak memecahbelahkan masyarakat kita. ini adalah satu perbuatan yang *cowardly*. Kalau berani mesti berterus terang, jangan *imply*.

Implikasi ini ditentukan lagi bila kita me-

mintanya menarik balik perkataan yang telah digunakan, tetapi beliau telah menarik balik dengan syarat. Beliau telah berkata saya ialah seorang "patong UMNO" atau ditukar menjadi "*junior partner*". Saya berasa bangga kalau seorang "*stooge*" atau "*junior partner*" boleh mendapat sokongan penuh dari pemimpin-pemimpin UMNO dalam Negeri Pulau Pinang. Kalau "*stooge*" atau "*junior partner*" boleh mendapat sokongan seperti itu, nama "*junior partner*" adalah laku, tetapi nampak saya beliau tidak faham apa yang beliau cakapkan.

Tuan Speaker telah mengambil keputusan perkataan itu ditarik balik dan beliau telah menarik balik. Apa yang tidak sokong kenyataan beliau bahawa beliau akan menarik balik jika Tuan Speaker atau saya boleh bagi lagi satu perkataan lain. Beliau telah cuba mencabar Tuan Speaker sendiri. Jika Tuan Speaker mengambil keputusan, tidak boleh lagi ada cabaran atau syarat. Kalau Tuan Speaker minta kita tarik balik, kita mesti tarik balik, tetapi Ahli Kawasan Pengkalan Kota telah membuat syarat. Beliau langsung tidak tahu apa yang beliau cakapkan. Bagi keterangan Yang Berhormat dari Kawasan Pengkalan Kota saya tidak lupa berkata bahawa bahasa kebangsaan saya juga tidak bagus dan saya tidak tahu macam mana saya hendak ubah perkataan saya. Oleh sebab itu nampak saya bila beliau kena ubah ucapan beliau, beliau tidak tahu sebab beliau tidak faham apa yang beliau baca. Ini menunjukkan bahawa Ahli Kawasan Pengkalan Kota tidak bertanggungjawab berat oleh sebab mahaguru tidak ada.

Hari ini tanggungjawab berat ini bukan dipikul oleh kuda atau keldai — *not horse, not donkey* — tetapi oleh *mule* yang *sterile*. Kalau Yang Berhormat tidak faham macam mana mahu mengubah "*political eunuch*"; *I will call you a political mule*. Apa yang terjadi ialah ini *sterile*, langsung tidak ada keturunan dan tidak ada harapan. Kalau ada pemimpin DAP semacam ini, DAP habis. Kalau satu hari rakyat memilih *mule* serupa ini negeri kita pun habis sebab tanggungjawab kita ialah selepas diluluskan Rang Undang-undang ini semua Kerajaan Negeri yang akan datang mesti menyokong penuh Rang Undang-undang yang akan kita luluskan pada hari ini dan tidak berapa lama lagi kita tahu Rang Undang-undang seumpama ini tentulah akan diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kedah. Bila perkara ini telah dibawa dalam Dewan Rakyat ianya akan mendapat persetujuan dan kelulusan Dewan Rakyat. Kita mesti mengambil perhatian bila Yang Berhormat kata beliau ambil perhatian kita puashati tetapi

akhirnya Yang Berhormat telah menolak dan ini menunjukkan macam mana *mule* ini.

Lagi satu perkataan ialah "patong" dan Ahli-ahli dari Kawasan Sungai Acheh dan Tasek Gelugor telah memberi keterangan. Ini bukan "*chip-of-the-old-block*" tetapi "*blockhead*"; iaitu langsung tidak ada fikiran. Saya kata perkataan ini tidak berguna dalam Dewan Undangan Negeri oleh sebab *translation* perkataan "patong" untuk "*UMNO stooge*" tidak betul. Kalau beliau mahu panggil saya apapun boleh tahan, tetapi jangan ambil perkataan yang tidak laku. Ahli Kawasan Tasek Gelugor telah menerangkan bagaimana perkataan ini langsung tidak boleh digunakan di Negeri Kelantan. Antara lain-lain makna patong ialah sebagai *idol* untuk sembahyang yang juga tidak berguna dalam UMNO. Oleh itu saya kata ini tidak berguna.

Lagipun kita tahu fikiran Ahli dari Kawasan Pengkalan Kota. Bukan sahaja beliau tidak faham apa yang beliau baca tetapi beliau ada tujuan hendak membawa perkara *sensitive* sebab beliau kata Rang Undang-undang ini dibawa selepas Memorandum Persefahaman yang dibawa oleh rakan saya, Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam. Beliau berkata bahawa Memorandum ini adalah untuk orang-orang Melayu di dalam Negeri Pulau Pinang sahaja dan orang-orang lain yang menyokong Memorandum ini adalah menjadi patong. Ini adalah fikiran perkauman untuk memecah-belahkan rakyat dan langsung tidak berguna. Saya tahu Ahli Kawasan Pengkalan Kota sendiri bukan seorang yang berfikiran semacam itu, oleh itu dahulu saya telah kata ada banyak kerusi di sini dan beliau boleh mari ke sini. Kalau beliau membaca apa yang dituliskan oleh *ghostwriter*, beliau langsung tidak faham apa yang beliau bawa. Ini ialah menjadi seperti Ah Q dalam sastera Cina iaitu seorang yang tidak tahu apa yang beliau cakap tetapi cakapkan juga. *Ah Q is like a mule*. Beliau keliru sebab beliau adalah Ah Q — *so Ah Q, mule and a chip-of-the-old-blockhead*. Ahli Kawasan Pengkalan boleh menggunakan perkataan yang lain yang laku, tetapi beliau tidak mempunyai akal dan pengalaman yang cukup.

Tuan Speaker, apa yang kita hendak bincangkan pada hari ini ialah prinsip Rang Undang-undang ini. Apa yang telah terjadi dalam beberapa perbincangan dan rundingan di antara Negeri Pulau Pinang, Negeri Kedah dan pihak Kerajaan Persekutuan mengenai masalah mengubah sempadan ini ialah kita telah bersetuju mengikut undang-undang antarabangsa (*international law*)

iaitu sempadan mestilah mengikut pertengahan sungai. Ini adalah prinsip *international law*. Apa yang telah berlaku telah dibawa ke dalam Dewan Undangan Negeri Kedah. Setelah berbincang mengenai draf Memorandum Persefahaman itu, mereka berpendapat bahawa kawasan Empangan Muda mesti diambilkira sebagai sungai lama. Sungai Muda sekarang telah kering, tetapi mengikut peta dan mengikut *survey* yang kita ada dahulu, biasanya bila kita membuat sempadan kita mengikut sungai yang lama yang sekarang telah kering. Perkara yang timbul sekarang ialah sama ada kita mesti mengikut pengaliran baru yang *artificial* yang dibuat untuk Ampangan Jajar Muda atau tidak. Kerajaan Pusat telah menasihatkan bahawa kita mesti mengikut undang-undang antarabangsa (*international law*) dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berpendapat bahawa kalau Kerajaan Persekutuan boleh mengubah nasihat mereka, kita boleh terima. Apa yang terjadi akhir sekali ialah kita telah menerima pengaliran yang baru atau *artificial canal* yang dikira sebagai sebatang sungai. Sembilan bulan dalam setahun sungai itu akan kering dan bila musim hujan tempat itu akan bah. Kerajaan Persekutuan selepas beberapa pertimbangan telah mengambil nasihat dan telah menerima pengaliran baru menjadi sungai dan Pulau Pinang juga telah menerima prinsip undang-undang antarabangsa bahawa sempadan ialah mengikut pertengahan sungai dan pengaliran baru yang sekarang ada berkaitan dengan Ampangan Jajar Muda.

Itulah prinsip dan itulah apa yang kita bincangkan, bukan semacam apa yang Ahli dari Pengkalan Kota telah kata tentang apa yang telah terjadi di dalam Dewan Undangan Negeri Kedah. Beliau tidak faham apa yang dibahaskan dalam Dewan Undangan Negeri Kedah. Beliau tidak faham apa yang dibahaskan dalam Dewan Undangan Negeri Kedah. Saya harap beliau akan faham selepas hari ini. Beliau telah mendengar penjelasan dan beliau boleh balik ke Pengkalan Kota dan minta sokongan penuh di atas Rang Undang-undang ini. Janganlah mengikut cakap dan *style* DAP dalam masalah Bukit China hendak *boycott*, oleh sebab kita mendapat air dari Sungai Muda; 70% dari air yang kita gunakan hari ini datangnya dari Negeri Kedah dan usaha ini dijalankan oleh Pihak Berkuasa Air bagi faedah seluruh rakyat negeri kita. Ahli dari Pengkalan Kota hendaklah faham masalah ini. Jangan *boycott* dan berkata "Jangan minum air ini, tahu". Ahli Kawasan Pengkalan Kota ialah air dari Mengkuang Dam melalui *submarine pipe* ke Bukit Dumar. Ini air dari Sungai Muda. Jangan pihak DAP *boycott* air ini. Saya harap pihak Ahli Kawasan Pengkalan Kota

janganlah seperti *chip-of-the-old-blockhead*, janganlah sampai begitu *blockhead* dan janganlah menjadi *mule*; *donkey* tidak apa tetapi kalau *horse* lebih baik.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

You can say whatever you want.

Ketua Menteri:

Itu berbalik kepada Ahli Kawasan Pengkalan Kota. Jika beliau mengambil bahagian tetapi menyokong Rang Undang-undang ini kita boleh *classify* beliau sebagai *horse* tetapi kalau mengambil bahagian, tidak membangkang dan tidak bersetuju, itu ada sedikit *donkey*, tetapi kalau sesungguhnya menolak saya kata ini *mule*.

Tuan Speaker, saya mengambil bahagian di sini membawa perkara ini sebab perkara ini adalah sungguh penting. Kita mewakili rakyat Negeri Pulau Pinang dan hendak menunjukkan bahawa rakyat dua buah negeri jiran, iaitu Kedah dan Pulau Pinang, adalah bersatupadu menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini, dan kita berharap perkara ini boleh mendapat persetujuan dan kelulusan oleh Dewan Rakyat tidak berapa lama lagi. Itulah yang kita hendak tunjukkan. Saya harap Ahli dari Kawasan Pengkalan Kota boleh mendengar baik-baik apa yang kita telah bahaskan supaya beliau boleh sesungguhnya menjadi seekor kuda.

Soalan dikemukakan dan Usul dipersetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini kini bersidang sebagai Jawatan-

kuasa untuk tujuan menimbangkan Rang Undang-undang ini sefasal demi sefasal.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan Usul dipersetujui.

Rang Undang-undang dalam Jawatankuasa

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4, tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan adalah menjadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Dewan bersidang semula.

Bacaan Yang Ketiga.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Pengubahan Sempadan (Negeri Pulau Pinang) 1985, telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal di dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.24 petang.